

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 29

Khamis

2 September 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2004 (Halaman 27)
Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004 (Halaman 57)
Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 (Halaman 66)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 2 September 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah status perancangan sektor kerajaan bersama sektor swasta untuk mempercepatkan perkhidmatan feri Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]:

Tuan Yang di-Pertua, mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan lisan Yang Berhormat bagi Kalabakan pada 13 Julai 2004 kerana perkara yang dibangkitkan adalah sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju untuk mengkaji cadangan memulihkan perkhidmatan feri Malaysia sebagai sumbangan untuk meningkatkan integrasi nasional. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga telah menubuhkan tiga jawatankuasa kerja yang dianggotai oleh *Maritime Institute of Malaysia* (MIMA) Institut Kelautan Malaysia (IKMA) dan jabatan sendiri masing-masing bagi menjalankan kajian *viability*, kajian teknikal dan kajian impak. Hasil kajian ini juga akan mewujudkan *benchmarking* dengan izin bagi perkhidmatan feri kelak.

Walaupun terdapat beberapa pihak swasta yang berminat untuk mengendalikan perkhidmatan ini, kerajaan perlu meneliti cadangan-cadangan tersebut supaya kelemahan dan kesulitan yang lalu dapat dijadikan sempadan dan rujukan. Ini penting bagi memastikan cadangan yang dibuat nanti akan dapat dilaksanakan mengikut panduan yang tepat serta menyumbang kepada usaha pengukuhan integrasi nasional di negara ini. Hasil kajian akan dibentangkan dalam Mesyuarat Panel Penasihat Perpaduan Negara yang akan bermesyuarat pada bulan Oktober ini dan

seterusnya pandangan dan ketetapan akan dikemukakan kepada Kabinet untuk persetujuan selanjutnya.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam konteks pengangkutan feri perpaduan ini akan bersaing dengan sistem pengangkutan yang lain seperti pengangkutan udara, MAS dan juga Air Asia. Kejayaan feri ini bergantung kepada *volume passenger* yang akan menaiki perkhidmatan feri tersebut. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri dapat bayangkan pendekatan-pendekatan perpaduan yang akan dapat dilaksanakan melalui perkhidmatan feri yang akan dilaksanakan. Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi Yang Berhormat bagi Beluran, inilah sebabnya kajian yang begitu mendalam sedang dijalankan mengenai *viability* dengan izin, servis pengangkutan feri ini. Kita sedia maklum bahawa dari segi *viability*nya, pasaran perkhidmatan tersebut akan bersaing dengan perkhidmatan pengangkutan udara iaitu dengan MAS dan dengan Air Asia. Namun demikian, kita juga yakin bahawa memandangkan kadar tambang kapal terbang, walaupun begitu diturunkan dengan kadar yang boleh dikatakan telah menurun, namun kadar tambang kapal terbang pergi dan balik dari Semenanjung ke Sabah ataupun dari Sarawak ke Semenanjung masih juga atas daripada kemampuan rakyat Malaysia.

Maka, berdasarkan daripada ini, kita berpendapat bahawa juga keadaan pasaran ataupun kadar permohonan ekonomi di mana banyak rakyat daripada Sabah dan Sarawak bekerja di Semenanjung, pada masa yang sama juga rakyat dari Malaysia, di Semenanjung ke Sabah dan Sarawak lebih banyak. Maka, pasaran tersebut adalah lebih kental berbanding pada tahun 80-an. Dalam mana-mana sektor juga, dari segi pengangkutan ada sentiasa dijangka tidak kurang daripada 25% yang akan suka menggunakan pengangkutan kapal melalui laut dengan membawa kereta dan sebagainya.

Jadi, dalam perkara ini kita cukup yakin bahawa *viability* itu cukup baik dan dari segi tarikan perpaduan, ini akan membolehkan masyarakat kita di Semenanjung, Sabah dan Sarawak membawa kereta dengan feri tersebut dan juga kadar tambang, memanglah hendaklah menarik. Walaupun ini belum diputuskan, jangkaan pada saat ini adalah ia harus kadar setengah daripada kadar kapal terbang. Kadang-kadang tambang kapal terbang di antara sektor tersebut dan jika sewa bagi tambang kereta

yang dibawa dan dibawa kembali, bukan eksport tetapi dia bawa ke Semenanjung, dia akan bawa balik, ia tidak harus lebih daripada sehari sewa bagi kenderaan-kenderaan pengangkutan jenis-jenis tertentu.

Jadi, pada masa yang sama juga *volume* ataupun jumlah belia dan juga peserta Program Latihan Khidmat Negara juga bagi keluarga-keluarga yang terlibat, kita cukup yakin bahawa pengangkutan melalui laut ini akan mencapai matlamatnya dan tambahan pula nanti, dalam program-program di dalam kapal tersebut, khususnya dicadangkan supaya banyak acara kebudayaan dan kapal harus cukup besar supaya seminar-seminar belia dan sesi-sesi perbincangan boleh diadakan dalam tempoh perjalanan tersebut. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam urusan mentadbirkan negara, ada benda kerajaan kena berkorban demi kepentingan rakyat dan negara. Bukan semua kita kena hitung dari segi untung dan ada masa-masanya, ada ketika-ketiknya, ada perkara-perkara tertentu kerajaan harus agaknya memberikan pengorbanan kepada negara dan rakyat termasuk juga swasta. Contoh yang terbaik feri inilah.

Kita sibuk menyatakan bagaimana integrasi nasional hendak kita wujudkan, perpaduan antara kaum antara orang Sabah, Sarawak dengan Semenanjung, macam mana kita boleh tambahkan keamatan mereka untuk jadi sebagai satu saudara yang betul-betul kukuh tetapi peluang orang Semenanjung hendak ke Sabah, Sarawak agak payah daripada segi kemiskinan baik.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini termasuk juga Tuan Yang di-Pertua, pasal.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini, soal kapal Tuan Yang di-Pertua. Jadi, tidak boleh tergopoh-gapah Tuan Yang di-Pertua. Kapal, ia memang begitulah. *[Ketawa]* Orang Sabah, Sarawak, bukan tidak hendak pergi Kuala Lumpur ini, bukan tidak hendak pergi Johor Bharu, bukan tidak hendak pergi Pulau Pinang, hendak. Tetapi, tidak ada kemampuan. Mahal sangat kapal terbang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah lebih daripada beberapa perkataan.

Seorang Ahli: Soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, soalan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya rasa urusan untuk menjayakan perkhidmatan feri antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung ini mesti dijayakan, apa juga caralah, dengan apa kos pun, kerajaan kena berkorban sikitlah seperti dalam ucapan awal saya tadi, ada benda kerajaan patut berkorban, berkorbanlah, subsidilah. Saya baru balik dari Tanjong Pinang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sekejap, sedikit Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil contoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah ucap lama.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, tidak.

Puan Chong Eng: Duduklah!! *[Bercakap tanpa pembesar suara]*
[Menunjukkan isyarat tangan sudah habis]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Allah! Bukit Mertajam apa hal? *[Ketawa]*
Apa hal you? Ini, saya cerita tentang integrasi nasional tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Satu mauduk perkara yang amat penting bagi negara.

Puan Chong Eng: 10 minit sudah habis *[Menunjukkan isyarat tangan]*.
Duduklah!! *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ehh! Ehh! *Astaghfirullahalazim.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa Tuan Yang di-Pertua?

Puan Chong Eng: 10 minit sudah habis!! *[Masih bercakap di tempat duduknya]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, ini tugas saya, sila duduk. Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa pasal dia sakit Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, cukuplah Yang Berhormat. Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, saya hendak ambil contoh sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah contoh, tidak payah contoh. Menteri hendak jawab. Menteri jawab Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, ini penting bagi Menteri. Yang Berhormat Menteri, amat penting maklumat ini Tuan Yang di-Pertua. Ini penting. Saya baru balik dari Tanjung Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri boleh jawablah. Boleh jawab Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di mana perkhidmatan perkapalan, antara perkhidmatan yang terpenting bagi negara Indonesia kerana 13,000 pulau, malah dalam satu kapal Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:.....yang boleh 4,000.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:.....dia muat sampai 8,000....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, lainnya boleh berucap nanti. Masa kita berucap dalam ucapan Bajet.

Seorang Ahli: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey. Ipoh Timur cakap lagi banyak tahu. Yang.....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat memberi cadangan.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:cakap kosong dengan cakap tidak ada isi cerita pun. Apa pasal DAP tidak ada bising? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey Tuan Yang di-Pertua. Sampai semalam Tuan Yang di-Pertua ingatkan tahu, cakap perlahan-lahan sedikit. Ipoh Timurlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey Tuan Yang di-Pertua, okey. Terima kasih. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Dalam suasana ini, harus perpaduan itu dipelihara. *[Ketawa]* Pandangan Yang Berhormat begitu padat dan baik. Saya rasa rata-rata di sini pun setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Maka, itu akan diambil perhatian oleh pihak Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tuan Chong Hon Min.

Tuan Chong Hon Min: Tuan Yang di-Pertua, ahli Bebas yang sokong Barisan Nasional ini, berasa bangga hari ini.....*[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa sebab?

Tuan Chong Hon Min: Ini kerana, soalan saya diatur di tempat yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ooh! *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

Tuan Chong Hon Min: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor dua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebab sokong Barisan Nasional. Baiklah. *[Tepuk]*

2. Tuan Chong Hon Min [Sandakan] minta Menteri Kesihatan menyatakan kerajaan telah menyediakan kemudahan mesin haemodialysis di seluruh negara, adakah kelengkapan mesin-mesin dan ubat-ubatan di Hospital Duchess of Kent Sandakan dapat memenuhi keperluan pesakit buah pinggang. Adakah kementerian merancang untuk membaik pulih keadaan setakat ini

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Hospital Duchess of Kent di Sandakan mempunyai 14 buah mesin haemodialysis dan 58 orang pesakit manakala senarai menunggu adalah seramai 4 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebuah mesin haemodialysis boleh menampung 5 orang pesakit sekiranya 3 syif dijalankan. Mengikut perkiraan, sejumlah

4 orang pesakit masih boleh menerima rawatan haemodialysis dengan mesin yang sedia ada. Namun demikian, Kementerian Kesihatan memandangkan Yang Berhormat bagi Sandakan juga menyokong Barisan Nasional, Kementerian Kesihatan akan menambah lagi dua buah mesin haemodialysis sebelum akhir tahun ini. *[Ketawa]* Manakala ubat-ubatan untuk pesakit buah pinggang didapati mencukupi setakat ini. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Pahat. Sandakan tidak ada soalan tambahankah? *[Ketawa]* Batu Pahat, Batu Pahat, sila.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan pusat haemodialysis, apa yang kita perhatikan sekarang ini selain daripada pusat haemodialysis yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan, tumbuh juga bilangan pusat haemodialysis yang dikendalikan oleh NGO-NGO ataupun persatuan-persatuan yang ada di dalam Malaysia.

Persoalan yang timbul ialah setiap pusat haemodialysis perlu memberi kawalan kesihatan dan juga perkhidmatan yang sebaik mungkin. Jadi kita dapati bahawa pakar-pakar *nephrology* masih lagi berkurangan. Jadi apakah langkah-langkah kawalan ataupun pemantauan yang patut dibuat oleh Kementerian Kesihatan untuk memastikan bahawa pusat-pusat haemodialysis yang dikendalikan oleh NGO mendapat piawaian ataupun kualiti yang sebaik mungkin untuk memberi tahap kesihatan kepada pesakit. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Sebenarnya pada masa kini Kementerian Kesihatan mempunyai 82 pusat haemodialysis dan NGO adalah sekadar hampir 72 dan juga ada yang dikatakan dikendalikan oleh pihak swasta adalah jumlah dalam lingkungan 74 dan Kementerian Kesihatan sentiasa mengawasi dan memantau supaya haemodialysis dan kemudahan yang disediakan termasuklah orang yang mengendalikan pusat-pusat ini mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang seharusnya dikehendaki dan mereka kena menepati piawaian yang dikatakan ditetapkan oleh kementerian.

Kementerian Kesihatan juga melalui pegawai kesihatan di peringkat daerah juga akan memantau bahawa pusat hamodialysis ini yang dikendalikan oleh pihak swasta mematuhi piawaian yang telah ditetapkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penyakit buah pinggang ini begitu serius mengancam masyarakat di negara kita dan kita percaya kerajaan begitu prihatin menangani isu dan masalah ini.

Walau bagaimanapun, terdapat hospital-hospital dan juga pusat-pusat kesihatan di luar bandar masih tidak ada mesin haemodialysis ini dan ini mengakibatkan pesakit kena turun jauh misalnya dari Kinabatangan kena turun ke Sandakan dengan jalan raya yang tidak baik, bukan dia sihat tetapi dia tambah sakit. Jadi dalam proses kemerdekaan kita, kerajaan ada menentukan dua faktor kemerdekaan. Pertama, melindungi rakyat Malaysia daripada mati kebuluran. Kedua melindungi rakyat Malaysia daripada bentuk ancaman termasuk ancaman penyakit buah pinggang. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Ini Kerajaan Barisan Nasional Yang Berhormat sentiasa prihatin kepada kebajikan rakyat kita dan di bawah Program Khas Kementerian Kesihatan di mana kita akan lengkapkan semua hospital termasuklah hospital daerah dengan kemudahan haemodialysis dan menjelang akhir tahun ini, semua hospital di Malaysia akan di lengkapi dengan kemudahan haemodialysis termasuklah hospital-hospital di Sabah dan di Sarawak.

Kita akan belanja hingga RM30 juta untuk memastikan setiap hospital daerah mempunyai sekurang-kurangnya 4 buah mesin haemodialysis termasuklah kawasan daripada Ahli Yang Berhormat.

3. **Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan susulan yang dilakukan oleh kementerian setelah mendapati Program Rakan Muda tidak mencapai *target* sebagaimana yang dikehendaki.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah menerima sebanyak lapan pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Program Rakan Muda. Oleh itu, izinkan saya untuk menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat bagi Pasir Mas ini bersekali dengan soalan-soalan seperti berikut.

Soalan nombor 25 pada 9 September oleh Yang Berhormat bagi Temerloh, soalan nombor 5 pada 30 September oleh Yang Berhormat bagi Papar, soalan nombor

5 pada 5 Oktober oleh Yang Berhormat bagi Papar, soalan nombor 22, pada 25 November oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Krau, soalan nombor 14 pada 29 November oleh Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar, soalan nombor 21 pada 6 Disember oleh Ahli Yang Berhormat bagi Papar, soalan nombor 14 pada 13 Disember oleh Ahli Yang Berhormat bagi Papar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak, macam mana boleh semua soalan daripada Yang Berhormat bagi Papar?

Tuan Sa. Vigneswaran: Itu kena tanya Yang Berhormat bagi Papar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, sila jawab.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan ini menyentuh kepada perkara yang sama. Kementerian Belia dan Sukan telah menjalankan kajian pengunggulan Program Rakan Muda pada tahun 2002 yang dikendalikan oleh Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia. Hasil daripada kajian tersebut didapati Program Rakan Muda masih lagi menepati kehendak dan citarasa golongan remaja. Ianya suatu program relevan mengisi masa lapang remaja dan membantu mengurangkan gejala lepak dan masalah sosial yang lain.

Namun begitu, kementerian sentiasa mengkaji dan meneliti pendekatan-pendekatan baru yang boleh diaplikasikan bagi menarik lebih ramai golongan remaja menyertai program ini. Fokus utama program adalah untuk remaja yang berumur 15 hingga 25 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui pendekatan baru Program Rakan Muda telah diperluaskan aktiviti dengan memperkenalkan aktiviti baru seperti sukan lasak, futsal, Program Sukarelawan Rakan Muda, Program Anugerah Remaja Perdana, Sukan Bermotor Rekreasi Udara, Pembangunan Sekretariat Rakan Muda Daerah-daerah, IPTA, IPTS dan Institut Kemahiran Belia Negara.

Kementerian juga mengambil kira kepada kemudahan pembangunan infrastruktur di bawah Kompleks Rakan Muda dengan menyediakan kemudahan-kemudahan aktiviti-aktiviti belia dan sukan.

Kementerian juga telah merangka pelan tindakan pembangunan belia nasional, di mana salah satu teras pembangunan tersebut ialah teras Program Rakan Muda yang menggariskan satu perancangan kementerian untuk memperkembangkan lagi kaedah pelaksanaan Program Rakan Muda secara lebih tersusun dan bersistematik.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu Rakan Muda, hingga tahun 2003 statistik penyertaan belia dalam Program Rakan Muda, mencapai seramai lebih kurang 4.5 juta orang, manakala bilangan aktiviti yang telah dilaksanakan di seluruh negara adalah sebanyak 350,630 aktiviti. Berdasarkan statistik penyertaan, jelas menunjukkan program ini mendapat sambutan yang baik di kalangan belia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tidak bercadang untuk mewujudkan Jabatan Rakan Muda, tetapi di dalam perancangan menaik taraf Cawangan Rakan Muda kepada Bahagian Rakan Muda. Ini adalah sebagai suatu usaha untuk memperkemaskan sistem pengurusan Bahagian Rakan Muda sesuai dengan peranan dan tanggungjawab yang lebih besar.

Struktur Bahagian Rakan Muda akan disusun semula melibatkan pertambahan perjawatan. Di samping itu, Kementerian Belia dan Sukan juga mewujudkan tenaga penggerak Rakan Muda yang akan membantu mengumpul data-data maklumat bagi tujuan perancangan program secara menyeluruh.

Peruntukan penyelarasan Program Rakan Muda

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Sa. Vigneswaran: Fasal soalan itu banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat Yang Berhormat kena ringkaskan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Okey. Peruntukan penyelarasan Program Rakan Muda di bawah Dasar Baru bagi tahun 2004 berjumlah RM12,363,800,000.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan kerana bersedia memberi jawapan yang panjang kepada soalan-soalan yang telah ditimbulkan sekejap tadi.

Saya melihat ada perancangan, bukan tidak ada. Perancangan yang telah dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan terhadap Rakan Muda. Tetapi kita mesti melihat bahawa Rakan Muda adalah aset kepada negara kita untuk masa hadapan. Maju mundur negara kita terletak kepada Rakan Muda ataupun belia dan beliawanis.

Oleh yang demikian, saya melihat supaya kementerian memanggil semua ataupun setidak-tidaknya memanggil badan-badan NGO ataupun parti-parti yang berada di negara kita, kerana Rakan Muda anak-anak belia-belie kita ini adalah terdiri daripada kalangan anak-anak kita sendiri.

Soalannya, apakah selain daripada perancangan yang telah dilakukan oleh kementerian, apakah kementerian juga berhasrat untuk memanggil semua pihak, supaya berada di satu meja untuk bersama-sama kita bincang masalah yang berlaku kepada rakan-rakan muda kita sekarang ini.

Walaupun banyak peruntukan yang telah dibelanjakan, RM12 juta lebih, banyak, tetapi kita belum mampu melahirkan rakan muda ataupun belia-beliawanis kita yang berkualiti tinggi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh:apakah kementerian berhasrat untuk melakukan tindakan-tindakan yang sedemikian. Sekian, terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Pendekatan yang diambil oleh kementerian memandangkan jumlah belia yang berpersatuan di negara ini adalah berjumlah 2.8 juta dan yang tidak berpersatuan lebih daripada 5 juta, Kementerian Belia dan Sukan telah mewujudkan Penggerak. Ini adalah satu pendekatan yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah di mana remaja-remaja yang tidak berpersatuan ini untuk mengikuti Program Rakan Muda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kita faham masalah-masalah yang dihadapi oleh belia-belie yang tidak berpersatuan untuk mengikuti program-program Rakan Muda. Itulah sebabnya wujud Penggerak untuk menarik perhatian remaja-remaja yang tidak berpersatuan. Terima kasih.

Tuan Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan saya, memandangkan jumlah pemuda di Malaysia, belia ini 10 juta sahaja, berpersatuan 2.8 juta, yang selebihnya tidak berpersatuan dan penyertaan yang ada sekarang untuk Program Rakan Muda 4.5 juta. Bermakna hampir separuh dan kita dengar rungutan, rintihan orang ramai tentang Program Rakan Muda. Kalaulah Program Rakan Muda ini berjaya, saya yakin seorang itu beritahu kawannya, saya

rasa sudah hampir seluruh rakyat Malaysia yang berumur 40 tahun menyertai ataupun menyokong Program Rakan Muda.

Saya hendak meminta penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah penyertaan ini sekadar untuk bukan berdasarkan kepada jumlah peserta tetapi berapa kali ia menyertai suatu perhimpunan atau sekadar memakai baju Rakan Muda, ataupun apakah definisi yang digunakan sebagai satu penyertaan.

Saya mintalah Yang Berhormat dapat menerangkan bagaimana kita mengira 4.5 juta penyertaan ini. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam. Saya memang tidak ada statistik berkenaan apa yang ditanya, tetapi mengikut 4.5 juta dan belia yang tidak berpersatuan itu 2.8 juta, ini bermakna statistik yang diambil ini peserta yang sama diambil kira dengan beberapa program yang dijalankan, kalau seseorang peserta itu berulang mengikut Program-program Rakan Muda, ini bermakna kiraan itu akan disambung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita memang faham apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa sejumlah 10 juta ini tadi, anggaran kita 4.5 juta bermakna setengah sudah mengikut Program Rakan Muda, tetapi statistik yang dijalankan, yang saya cakap tadi, ahli-ahli yang mengikut Program Rakan Muda sebelum pelaksanaan Penggerak adalah ahli-ahli yang berpersatuan.

Itu yang menjadi masalah, masalahnya kementerian pada masa dahulu bertanggungjawab sepenuhnya ataupun sekadar yang besar kepada persatuan untuk membawa remaja-remaja belia mengikut Program Rakan Muda.

Sekarang memang kita faham dengan kelemahan untuk bergantung sepenuhnya kepada NGO-NGO sahaja, itulah sebab kita melancarkan Program Penggerak. Penggerak ini pada masa sekarang 500 Penggerak telah dilatih dan pada masa-masa yang akan datang, kita akan mengadakan seramai dua hingga tiga Penggerak di suatu kawasan Parlimen. Kerja Penggerak ini ialah untuk menggerak remaja-remaja belia-belie yang tidak berpersatuan dan berpersatuan. Kalau kita bergantung penuh kepada persatuan-persatuan, masalah ini akan berulang alik. Jadi, saya harap, saya dapat jawablah soalan Ahli Yang Berhormat.

[Soalan No. 4 – Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik] tidak hadir]

5. **Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kerajaan sedar bahawa kos pembiayaan oleh Jabatan Landskap di negara ini amat mahal di mana kontraktor memperoleh 200% keuntungan dan bagaimanakah kerajaan memantaunya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:

Tuan Yang di-Pertua, urusan tender kerja landskap yang dikeluarkan oleh kementerian, adalah dibuat melalui proses tender. Ia sentiasa disusuli dengan penilaian teknikal dan kewangan dan melalui beberapa peringkat tapisan yang melibatkan pegawai-pegawai atau perunding profesional yang berkelayakan.

Kementerian tidak sedar bahawa terdapat margin keuntungan dibuat oleh kontraktor tinggi sehingga 200%. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Lembaga Perolehan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa memastikan tender yang paling rendah dalam lingkungan harga yang munasabah dan kompetitif dari segi teknikal dan kewangan sahaja yang dipilih.

Walau bagaimanapun, untuk tujuan penambahbaikan, kementerian telah pun meminta bantuan Jabatan Audit Negara untuk mengkaji sistem perolehan yang digunakan di Jabatan Landskap Negara untuk memastikan tiada sebarang kelemahan atau penyelewengan. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hanya ingin mengambil dua contoh untuk perhatian kementerian, pertama ialah lampu awam berhias. Harga kilang dengan harga kos pasang dan kos pengangkutan RM5,000 tetapi harga kontraktor RM10,000. Bonsai setinggi satu meter, harga di *nursery* ialah RM400, upah tanam, kos tanah dan baja serta pengangkutan lebih kurang RM100, harga kontraktor RM2,000. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah mendengar ada beberapa aduan yang seumpama itu, itu sebabnya saya telah memberi arahan kepada kementerian supaya mengkaji dengan lebih mendalam, kerana dari segi penilaian teknikal dan juga terutamanya terhadap pokok dan tumbuh-tumbuhan ini, ianya terlalu subjektif, ada kalanya pokok ataupun tumbuhan yang dinilai itu ia bergantung kepada pasaran dan juga kepada musim itu.

Ada juga yang dikatakan kos *transportation* ataupun pengangkutan juga dimasukkan, jadi apabila saya mendengar ada aduan sebegitu, maka kementerian saya telah pun memberi perhatian sehingga saya telah sebut tadi, kita telah meminta

Jabatan Audit Negara untuk mengkaji dengan lebih mendalam apa yang sedang dilakukan oleh Jabatan Landskap Negara, sama ada terdapat kelemahan ataupun apa-apa yang patut kita menambahbaikkannya. Jadi, ini Ahli Yang Berhormat memang betul, kalau dengar terdapat sesuatu kebimbangan sehingga wang kerajaan itu mungkin pihak-pihak tertentu telah mendapat keuntungan, tetapi saya mengalu-alukan kalau ada maklumat yang sangat spesifik itu, saya sendiri akan ambil perhatian dan menyiasat dengan sewajarnya.

Tuan Teng Boon Seng [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati kebanyakan projek-projek pembangunan PBT gagal dilaksanakan mengikut jadual kerana kontraktor yang tidak berkesan.

Contohnya di Majlis Bandaraya Johor Bahru, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membetulkan keadaan ini secara lebih berkesan lagi?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham projek PBT itu adakah landskap, kerana soalan ini landskap.

Tuan Teng Boon Seng: Yang saya maksudkan itu bukan landskap, secara amnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Emm, di luar daripada tajuk.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, terkeluar, okey.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerana itu di luar tajuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, Bukit Mertajam sila.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, tidak apalah.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, ya. Saya ingin mengemukakan satu projek pengindahan Pejabat MPSP di Seberang Perai, di mana harga untuk 'munga' untuk satu bulan adalah RM5,000.

Beberapa Ahli: Munga?

Puan Chong Eng: Munga-munga, *the fresh flower*. Dan bunga itu dihantar daripada Kuala Lumpur setiap minggu dan bukan diperolehi daripada Cameron Highlands atau di Pulau Pinang. Kontraktor itu, *supplier* itu ialah di Kuala

Lumpur. Jadi, apakah rasionalnya mesti mendapat bunga dari Kuala Lumpur, itu yang pertama.

Adakah ia wajar? Satu bulan membelanjakan RM5,000 atas bunga sahaja dan bunga di mana-mana di dalam pejabat itu. Dan adakah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: ... apakah yang lebih penting di kawasan seluruh MPSP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, satu sudah cukuplah. Ramai menteri yang menunggu untuk memberi jawapan.

Puan Chong Eng: Saya rasa prinsipnya ialah prinsip pengindahan, bukannya wang dibelanjakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, baiklah, cukuplah.

Puan Chong Eng:bagi mengatasi masalah banjir adalah lebih penting daripada pengindahan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baik, cukup.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini fasal Majlis Perbandaran mengindahkan pejabat dengan bunga itu tidak termasuk dalam Jabatan Lanskap Negara. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Di luar tajuklah.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Dia terkeluar tajuk juga.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dia luar tajuklah.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, keluar tajuk juga. *[Ketawa]*

[Soalan No. 6 – Yang Berhormat Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan] tidak hadir]

7. **Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan justifikasi mengapa pelajar-pelajar luar negara yang belajar di Malaysia tidak dibenarkan bekerja sambil cuti atau masa lapang jika dibandingkan di luar negara seperti UK, Australia dan USA.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia tidak menggalakkan pelajar-pelajar asing bekerja di negara ini

atau terlibat dalam apa jua bentuk aktiviti yang tidak dibenarkan atas beberapa sebab seperti berikut:-

- (i) Pada masa ini kerajaan memberi keutamaan peluang pekerjaan kepada orang tempatan, di samping itu kerajaan juga berhasrat mengurangkan pergantungan kepada tenaga luar dan hanya sektor-sektor tertentu sahaja yang dibenarkan mengambil pekerja asing untuk bekerja dan negara ini juga mempunyai dasar yang khusus untuk tujuan tersebut;
- (ii) selain dari itu, tujuan kerajaan tidak membenarkan pelajar asing bekerja ialah untuk mengelakkan warga asing melakukan kegiatan-kegiatan atau kerja-kerja yang tidak dibenarkan dengan berselindung di sebalik pas pelajar;
- (iii) di samping itu, kerajaan melalui pakej rangsangan ekonomi negara, berhasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan bertaraf antarabangsa yang mampu menawarkan kursus, kemudahan belajar dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang berkualiti tinggi kepada pelajar asing.

Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan dan semua pihak terlibat memastikan pelajar asing yang datang belajar di negara ini, mendapat kualiti pendidikan yang sebaik mungkin dan menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran dan bukannya melibatkan diri dalam aktiviti yang tidak berkaitan. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Walaupun kerajaan tidak membenarkan mereka bekerja secara *legalnya*, adakah kementerian sedar atau tidak, ada segelintir dari mereka ini yang menggunakan kesempatan untuk bekerja dalam bidang-bidang yang tidak disahkan oleh undang-undang, misalnya mereka terlibat dalam gejala sosial, bekerja sebagai pelacur dan seumpamanya. Adakah kementerian sedar tentang perkara ini dan apakah langkah-langkah yang dibuat untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, tindakan tegas akan diambil oleh kerajaan sekiranya terdapat kes-kes yang sedemikian. Terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengemukakan pandangan bahawa saya lihat ada sektor ataupun bidang di mana pelajar luar negara ini boleh dipergunakan ataupun bekerja di pihak sektor awam ataupun swasta, misalnya dalam hal penterjemahan, maknanya pelajar daripada Sudan boleh digunakan untuk menterjemahkan sekiranya ada pelawat dari negara berkenaan datang ke tempat kita. Jadi, saya lihat ini yang positifnya, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kalaulah benda ini berlaku, adakah kelonggaran bagi pihak kerajaan untuk membenarkan pelajar-pelajar ini bekerja sambil sebagaimana yang saya sebutkan tadi? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita mempunyai cukup tenaga mahir dan pakar untuk melaksanakan tugas-tugas sedemikian. Terima kasih.

8. Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian] minta Menteri Kerja Raya menyatakan kos yang ditanggung oleh kerajaan dan pemegang konsesi lebuhraya bagi membiayai kesan-kesan penamatan perkhidmatan bayaran elektronik pelaksanaan *'Touch 'n Go'* di semua lebuhraya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan semua syarikat konsesi lebuhraya tol di negara ini supaya melaksanakan sistem kutipan tol elektronik yang seragam, iaitu berpusat melalui sistem *Touch 'n Go* berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2003. Walau bagaimanapun, atas rayuan daripada syarikat-syarikat konsesi yang terlibat, sistem kutipan tol elektronik selain *Touch 'n Go* dibenarkan beroperasi sehingga tarikh akhir 30 Jun 2004.

Tempoh penangguhan tersebut bertujuan untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat konsesi terbabit berunding dengan Rangkaian Segar Sendirian Berhad iaitu syarikat pembekal *Touch 'n Go* berkaitan dengan pemasangan kemudahan *Touch 'n Go* dan *Smart Tag* di plaza tol masing-masing mulai 1 Julai 2004.

Semua sistem kutipan tol elektronik selain *Touch 'n Go* dan *Smart Tag* tidak lagi dibenarkan beroperasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala kos operasi bagi penamatan perkhidmatan sistem kutipan tol elektronik sedia ada dan kos pemasangan sistem

Touch 'n Go dan *Smart Tag* adalah dibiayai sepenuhnya oleh syarikat konsesi lebuhraya tol yang berkenaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah keseluruhan kos yang ditanggung oleh syarikat-syarikat konsesi yang terlibat, bagi pelaksanaan sistem *Touch 'n Go* dan *Smart Tag* ialah sebanyak RM98.31 juta.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Menteri Kerja Raya tentang Touch&Go dan juga menyebut tentang Smart Tag. Apakah Kementerian Kerja Raya boleh menjamin bahawa kegunaan Smart Tag ini lebih *cost effective*, lebih berkesan dibandingkan dengan tag-tag yang telah digugurkan terlebih dahulu, kerana tag-tag yang digugurkan terlebih dahulu itu seperti Fast Track, Express Tag, Saga Tag dan sebagainya adalah lebih murah, lebih *user friendly*, manakala yang Smart Tag itu lebih mahal dan sekarang pun stoknya tak sampai lagi. Apakah Menteri boleh jawab tentang perkara ini? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa dahulu ada juga beberapa jenis syarikat suka hati memasang sendiri mereka, tetapi kita menyeragamkan semua pemasangan itu di mana satu sistem boleh digunakan oleh pengguna-pengguna jalan raya di seluruh negara. Itu polisi kerajaan yang pertama.

Satu perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu berkenaan dengan bayaran untuk membeli Smart Tag pada masa dahulu iaitu RM220 sekarang telah dikurang kepada RM180. Tetapi saya telah mengarah syarikat mahu juga ini dikurang daripada RM180 kepada RM100 kalau boleh. Mereka masih dalam pertimbangan. Saya percaya apabila itu berlaku, ini boleh dijalankan dengan licin.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita juga maklum bahawa setiap pengguna Touch&Go dan juga Smart Tag ini akan dikenakan bayaran deposit, dahulunya RM10.00 dan sekarang RM15.00. Yang Berhormat Menteri, bolehkah maklumkan kepada Dewan berapakah anggaran ataupun ramalan pengguna-pengguna Touch&Go dan Smart Tag ini dan berapakah jumlah dari kumpulan wang deposit ini yang akan diperolehi oleh pihak konsesi? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap syarikat telah mempunyai beberapa juta ringgit dalam tangan mereka apabila mereka beroperasi

sendiri. Tetapi apabila kita sudah masuk dalam sistem yang saya sebut tadi, mereka telah membayar untuk kad yang mereka beli, selepas itu mereka mengguna. Tetapi jumlah deposit seperti apa yang ditanya oleh Yang Berhormat, saya akan beri jawapan dengan bertulis. Butir-butir itu tidak dipunyai oleh saya sekarang.

9. **Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:-

- (a) apakah penekanan yang menyeluruh agar negeri-negeri yang mundur khususnya Sabah dan Sarawak tidak terus tertinggal dalam pembangunan dan kemudahan asas; dan
- (b) pelaksanaan Wawasan 2020 tinggal 16 tahun, berupayakah Kementerian membangun luar dan pesisir bandar supaya mencapai status selaras dengan bandar dari segi prasarana, kemudahan asas, sosial dan ekonomi.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong.

- (a) Berdasarkan kepada Indeks Komposit Pembangunan negeri-negeri tersebut terletak di bawah kategori negeri-negeri kurang maju. Mengambil kira taraf pembangunan negeri dan juga senario pembangunan luar bandar masa kini, KKW akan menggunakan strategi-strategi seperti berikut untuk memesatkan lagi pembangunan luar bandar khususnya di negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Di antara strategi-strategi tersebut adalah;
 - (i) memperluas dan mempertingkatkan lagi liputan dan kualiti infrastruktur asas;
 - (ii) menggunakan pelbagai kaedah alternatif untuk meningkatkan kesempaian ataupun *outreach*, dengan izin, kemudahan asas terutama di kawasan-kawasan pedalaman dan terpencil yang sering kali dikaitkan dengan kemiskinan;

- (iii) mempelbagaikan asas ekonomi penduduk luar bandar terutama kepada petani-petani yang semata-mata bergantung kepada satu-satu mono-crop ataupun mono-activity, dengan izin, yang hanya menghasilkan pendapatan kecil;
- (iv) menggalakkan penempatan semula penduduk terutama di kawasan-kawasan terpencil, berselerak dan pedalaman ke kawasan-kawasan pusat pertumbuhan desa supaya kemudahan asas dan kegiatan-kegiatan ekonomi dapat disediakan dengan cara lebih ekonomik;
- (v) mengukuhkan dan memantapkan lagi program-program mendampingi masyarakat di bawah Program Pembangunan Insan di samping menambah dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan fizikal program dan aktiviti kemasyarakatan;
- (vi) memperkenalkan dan memperluaskan program ICT desa untuk meningkatkan akses dan mengurangkan jurang digital; dan
- (vii) menjalankan program-program pembasmian kemiskinan secara lebih bersepadu terutama dalam bidang asas ekonomi yang mapan dan berdaya tahan.

Antara program-program yang akan dilaksanakan di negeri-negeri tersebut merangkumi;

- (i) Program Pembangunan Tanah dan Wilayah seperti pembangunan tanah secara insitu, aktiviti pertanian melalui pelbagai jenis tanaman dan pembangunan tanah secara berkelompok;
- (ii) Program Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Asas melalui penyediaan kemudahan prasarana utiliti dan amenity sosial;
- (iii) Pembangunan Manusia, Sosial dan Institusi seperti kursus-kursus dan latihan pendidikan, Program

- Pengupayaan Masyarakat Desa, Program Bina Insan dan ICT;
- (iv) Program Kesejahteraan Rakyat seperti peningkatan pendapatan dan Program Bantuan Rumah; dan
 - (v) Program Pembangunan Perusahaan Luar Bandar seperti bantuan pinjaman ekonomi desa, latihan kepada usahawan, promosi dan pemasaran dan juga khidmat nasihat.

Dalam tempoh RMK-8, KKW telah memperuntukkan sejumlah RM7.67 bilion bagi melaksanakan projek-projek pembangunan. Jumlah peruntukan pembangunan RMK8 bagi tempoh 2001 hingga 2004 mengikut program bagi negeri-negeri tersebut adalah seperti berikut:

Bagi negeri Sarawak –

	Peruntukan
Program Prasarana Utiliti dan Amenity Sosial	RM907.37 juta
FELCRA Berhad	RM112.388 juta
Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)	
- Dahulunya disebut sebagai PPRT	RM70.09 juta
KEMAS	RM40.61 juta
Jabatan Pertanian Sarawak	RM19.70 juta
Perusahaan luar bandar	RM16.19 juta
Pengurusan sistem maklumat	RM2.91 juta
Infra	RM1.07 juta
Jumlah:	RM1,170.82 bilion

Bagi negeri Sabah –

Program Prasarana Utiliti dan Amenity Sosial	RM743.69 juta
Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)	RM86.62 juta
FELCRA	RM52.38 juta
KEMAS	RM40.31 juta

Perusahaan luar bandar	RM21.18 juta
Lembaga Industri Getah Sabah	RM20.94 juta
Pengurusan sistem maklumat	RM2.61 juta
Infra	RM0.89 juta

(b) Matlamat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam membangunkan kawasan luar bandar adalah untuk menjadikan desa Malaysia maju, menarik dan menguntungkan serta mesra alam dengan masyarakatnya yang progresif, sejahtera dan cemerlang menjelang tahun 2020.

Dalam usaha merealisasikan pembangunan luar bandar ke arah tahun 2020, kementerian mempunyai objektif untuk membentuk kawasan desa yang lebih maju, menarik, menguntungkan pada tahun 2020...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau panjang boleh jawapan bertulis bolehlah.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: ...iaitu:

- satu kampung-kampung menjadi lebih kompetitif dengan sektor pertanian;
- industri dan perkhidmatan menjadi aktiviti utama penduduk desa;
- perkampungan-perkampungan tradisi menjadi lebih tersusun, kawasan-kawasan desa akan menjadi cukup menarik dan mampu menjadi daya tarikan agar penduduk bandar berhijrah semula ke desa dan juga pelancong-pelancong asing datang mengunjunginya;
- pemikiran warga desa yang positif dan sentiasa berusaha ke arah penambahbaikan;
- pendapatan keseluruhan penduduk desa secara purata akan berada sekurang-kurangnya 80% pendapatan penduduk bandar;

- industri besar dan kecil juga akan terletak di kawasan luar bandar. Industri-industri ini kebanyakannya berasaskan pertanian ataupun berdasarkan sumber biodiversity dan sumber-sumber lain yang ada di desa.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih. Saya sebelum bertanya soalan tambahan, saya ucap tahniah kepada kementerian, program yang begitu komprehensif, yang begitu menyeluruh dan mempunyai nama-nama yang unggul belaka. Tetapi apa yang saya curiga ialah penyampaian, delivery system jabatan kerajaan. Dari dahulu kita bercakap sampai sekarang, kampung di Santubong 64 buah kampung. Batang Lupar dahulu 120 kampung. Jadi, the reality peruntukan yang kita beri ini saya tidak tahu macam mana hendak sampai. Jadi, adakah Ahli Parlimen terlibat supaya disparity tidak berlaku ataupun ketidakadilan, ketidakseimbangan tidak berlaku.

Jadi, saya hendak bertanya dengan Timbalan Menteri macam mana untuk menyelaraskan, penekanan soalan saya ini, menyelaraskan penyampaian supaya tiap-tiap kawasan mendapat fair distribution dengan izin, untuk peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan diluluskan kepada kementerian yang perlu disampaikan oleh pegawai-pegawai kementerian. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mempunyai sistem dan juga cara untuk melaksanakan program-program yang dirancang oleh kementerian. Satu, di peringkat kementerian kita mempunyai apa yang dinamakan 'Max Club' di mana menteri-menteri dan juga Exco yang bertanggungjawab ke atas pembangunan luar bandar bermesyuarat di peringkat menteri dan juga peringkat Exco bagi memantau ataupun mengetahui atau diberitahu tentang prestasi projek-projek ataupun program-program yang dilaksanakan oleh kementerian.

Kedua, di peringkat kementerian juga iaitu bagi negeri Sabah dan Sarawak saya mempengerusikan satu Jawatankuasa Penyelarasan Projek bagi Rancangan Malaysia Kelapan di mana semua ketua jabatan di peringkat negeri perlu memberi taklimat, memberi feedback, maklum balas kepada jawatankuasa daripada kementerian supaya kita tahu tentang pelaksanaan projek ataupun prestasi projek-projek yang telah dirancang.

Di peringkat negeri juga ada satu lagi Jawatankuasa Pemantau, Jawatankuasa Penyelarasan yang dipengerusikan oleh menteri yang bertanggungjawab ke atas pembangunan luar bandar di Sabah dan Sarawak dan di negeri-negeri di Semenanjung khususnya Kelantan dan Terengganu kita mempunyai pejabat pembangunan negeri yang juga bertanggungjawab ke atas semua pelaksanaan projek daripada kementerian. Jadi, melalui tindakan ini kita berharap dan kita yakin bahawa semua projek, program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, lebih saksama.

Walau bagaimanapun, kita juga memerlukan feedback, maklum balas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya mereka yang berasal daripada kawasan luar bandar untuk sentiasa memberi maklum balas kepada kementerian supaya kita tahu tentang masalah yang dihadapi di kawasan luar bandar khususnya masalah-masalah pelaksanaan projek dan juga masalah kontraktor yang bertanggungjawab.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa the last sentence Timbalan Menteri, maklum balas diminta, sudah empat saya duduk di sini, ramai dengan wakil rakyat daripada luar bandar Sabah dan Sarawak, terlalu banyak input yang kita bagi tentang kelemahan dan juga kelemahan pelaksanaan program-program yang dikendalikan untuk masyarakat luar bandar. Saya rasa itu juga maklum balas.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kalau kita bagi rumah kepada masyarakat miskin kita cuma boleh bagi mereka tempat berlindung. Jika kita tidak *createkan* aktiviti ekonomi mereka, rumah itu tidak dapat membantu mereka keluar daripada belunggu kemiskinan yang mereka hadapi.

Saya ingin tahu perancangan kementerian bagi tahun ini, tahun hadapan dan juga Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menentukan masyarakat luar bandar yang miskin ini – di samping diberikan prasarana dan kemudahan asas juga kita membantu mereka mewujudkan aktiviti ekonomi untuk mereka hidup berterusan. Apakah pendekatan-pendekatan yang dibuat oleh kementerian ke arah matlamat ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe [Mas Gading]: Terima kasih sahabat saya dari Beluran. Memang betul Yang Berhormat bahawa sekiranya kita hanya memberi rumah dan *infrastructure*, itu tidak mencukupi bagi memastikan bahawa rakyat kita

yang miskin, yang duduk di kawasan luar bandar dapat keluar daripada belunggu kemiskinan.

Oleh kerana itu, kementerian telah dan sedang membuat perancangan untuk memperkenalkan beberapa program selaras dengan kehendak kerajaan ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi kita mengurangkan kadar kemiskinan tegar menjelang tahun 2009. Banyak program telah diperkenalkan. Di antaranya yang ada sekarang, telah dan sedang dibincang oleh ICU adalah satu produk satu daerah. Itu satu.

Yang kedua, kerajaan juga akan memperkenalkan program ataupun industri-industri kecil dan juga sederhana yang berasaskan pertanian di kawasan-kawasan luar bandar.

Yang ketiga, kementerian juga melibatkan diri dalam program yang ada berasaskan pelancongan, di mana penduduk-penduduk di kawasan luar bandar juga terlibat dalam Program *Homestay*. Jadi, ini kita adakan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan di peringkat kebangsaan dan juga negeri. Banyak lagi program yang diperkenalkan melalui pejabat daerah, khasnya melalui mesyuarat pembangunan daerah di setiap daerah di negara ini. Terima kasih.

10. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab masih ramai orang yang enggan melaporkan diri untuk Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan langkah-langkah untuk meyakinkan para ibu bapa bahawa anak-anak mereka sentiasa terjaga.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Di antara sebab-sebab yang masih terdapat ramai pelatih enggan ataupun tidak melaporkan diri untuk Program Latihan Khidmat Negara, ada beberapa yang telah dikesan dan diketahui.

Pertamanya, surat-surat yang dihantar kepada mereka tidak sampai kerana pertukaran alamat..

Yang kedua, kerana kawasan itu kawasan pedalaman, adalah menyukarkan untuk perkara-perkara yang dikehendaki sampai kerana perhubungan yang tidak sempurna.

Selain daripada itu terdapat juga bakal-bakal pelatih wanita yang mengandung dan baru melahirkan anak, maka mereka boleh memohon untuk mendapat penangguhan.

Yang seterusnya mereka yang telah melanjutkan pelajaran di luar negara dan dengan itu mereka berada di luar negara dan tidak dipanggil untuk mengikuti program ini, dan yang seterusnya kurangnya inisiatif pelatih-pelatih sendiri untuk membuat semakan sama ada nama-nama mereka sudah termasuk ataupun tidak dalam program latihan. Ada juga terdapat sebilangan kecil yang tidak berminat untuk menyertai program ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Latihan Khidmat Negara, Kementerian Pertahanan telah menumpukan latihan di satu tempat sahaja untuk mengelak daripada berlaku kekeliruan dan pemantauan yang tidak sempurna. Oleh sebab itu, maka program latihan ini telah dimaklumkan kepada Dewan dan rakyat bahawa kita memberi latihan di kem-kem yang telah ditetapkan.

Untuk tahun 2005, Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan telah mempengerusikan pemilihan ini iaitu tambahan daripada 41 kem yang menjadi 76 kem. Maka 76 kem ini akan menempatkan hampir 80,000 pelatih dalam tiga fasa yang akan kita jalankan.

Selain daripada itu, untuk makluman kepada Ahli-ahli Dewan dalam majlis ini, Jabatan ataupun Unit Kawalan Latihan Negara ini akan melatih pegawai-pegawai tentera dan penolong-penolong sebagai Pegawai Komandan dan Penolong Pegawai Komandan di kem-kem yang berkenaan dan pihak Latihan Khidmat Negara akan memilih mereka ini yang baru sebagai tambahan dan menentukan sikap, disiplin dan moral yang tinggi. Kita harap bahawa dengan penyeliaan yang lebih sempurna di kem-kem yang berkenaan, kekeliruan dan masalah yang berbangkit pada masa-masa yang lepas tidak akan berlaku lagi, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah masa bagi soal jawab.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 2004****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[1 September 2004]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dengan ini saya meminta Yang Berhormat bagi kawasan Jerai menyambung semula ucapan.

11.07 pagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya meneruskan ucapan perbahasan atas rang undang-undang iaitu rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, di Jabatan Perdana Menteri semalam. Saya ingin menyambung iaitu tentang penggunaan bahasa.

Semalam Tuan Yang di-Pertua, saya terbayang setelah *bertelaah* – setelah mengkaji dan mengambil pandangan-pandangan daripada rakan dan juga teguran-teguran daripada Yang Berhormat bagi Kepong tentang bahasa-bahasa yang kita gunakan. Keputusannya, saya memikirkan bahawa apabila kita menggunakan Bahasa Jiwa Bangsa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang ini kita bukan membahaskan....ini Rang Undang-undang Dewan Bahasa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya. Kena pergi ke situ juga, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Perlahan-lahan, Tuan Yang di-Pertua.

Bahasa ini Tuan Yang di-Pertua, dia merata boleh pergi – mahkamah boleh pergi, dangdut boleh pergi – merata tempat dia boleh pergi kerana ini bahasa. Hari ini saya tengok Kinabatangan pakai baju dangdut. *Coat* dia.... *[Ketawa]* *[Dewan riuh dengan ketawa]*. Teringatkan dangdut.

Jadi, Bahasa Jiwa Bangsa, Lenyap Bahasa Lenyaplah Bahasa – itu dia punya kekuatan bahasa. Kita kena sedar bahawa dalam Perlembagaan sudah termaktub bahasa Melayu sebagai bahasa kita – Bahasa Kebangsaan.

Kalau jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian-kementerian tidak akur dan menghormati bahasa, bermakna mereka tidak akur dan menghormati Perlembagaan Negara. Ini yang kita kena ingat, bukan boleh benda main-main.

Saya hendak beritahu kepada Kepong.....

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, ustaz. Assalamualaikum ustaz.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Walaikumusalam warahmatullah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya ingat, Kinabatangan, kita bagi kepada Yang Berhormat pasal dia orang lama. *[Menunjuk kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas]* Ya? Kasihan pada dia, ya? Sila, sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tertarik apabila Yang Berhormat bagi Jerai bercakap tentang bahasa di mana bahasa merangkumi semua aspek, budaya, nilai dan sebagainya. Tetapi saya melihat kebelakangan ini bagaimana cabang bahasa kita iaitu tulisan jawi – tulisan jawi dan generasi sekarang ini sudah hampir pupus maklumat jawinya. Mereka tidak dapat membaca jawi lagi sekarang ini.

Walaupun kita pernah mendengar bahawa ada langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk meningkatkan semula prestasi jawi sebagai bahan cabang bahasanya, tetapi saya melihat tidak lebih daripada melepaskan batuk di tangga, tidak ada suatu perancangan, pelan dan tindakan yang baik sebagaimana di kementerian-kementerian lain. Apakah pandangan Yang Berhormat, dengan hilangnya satu cabang daripada cabang-cabang bahasa ini merugikan bangsa kita, khususnya bangsa Melayu dan merugikan agama kita, agama Islam. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat. Cukuplah. Bolehkah kita balik ke Mahkamah Rendah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, bolehkah kita balik ke Mahkamah Rendah dan bincang atas pindaan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya? *[Keliru]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita balik ke Mahkamah Rendah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, kita ada Parlimen. Macam mana hendak pergi ke mahkamah sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini rang undang-undang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh! Ya. Perbahasan. *[Ketawa] [Bercakap dalam bahasa mandarin]* Dengan izin.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas, saya bersetuju. Sebenarnya di penghujung itu ada pandangan saya tentang bahasa jawi – tulisan jawi tetapi Yang Berhormat ke hadapan sedikit.

Memang betul, terpususnya bahasa jawi – ini adalah bahasa yang cukup cantik, cukup indah. Bahasa ini, kalau kita *refi* bahasa Melayu, kalau kita pergi ke benua Arab kita akan mudah kerana jawi ini adalah bahasa Al-Quran, bahasa yang indah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya memang bersetuju tetapi bukan masa untuk kita panjangkan bahasa ini.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apa Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah hendak pergi, tetapi saya hendak khabar ini pasal kita hendak “masuk ke mahkamah” jadi, saya mahu bahasa Melayu ini yang diperjuangkan oleh UMNO, yang diperjuangkan oleh bekas Speaker Tun Syed Nasir, yang diperjuangkan oleh Zaaba, yang diperjuangkan oleh Cik Gu Mohd Nor – mereka ini telah memperjuangkan bahasa Melayu kita dan Yang Berhormat hendak bertanya? *[Memandangkan ke arah Yang Berhormat bagi Kinabatangan]* Ya, dia mahu keluar. Tadi... Ya, ya, sila, sila Kinabatangan. Baju warna cantik, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang orang tidak hendak bertanya dia pergi bertanya. *[Ketawa]*

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak Yang Berhormat bagi Jerai seolah-olah gelisah apabila membahaskan soal penggunaan bahasa di mahkamah. Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat mempunyai cadangan dan apakah hukumnya kepada mereka yang mencemar dan menderhaka penggunaan bahasa ini? Itu Yang Berhormat ada pandangan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita begini, Yang Berhormat. Kita kena buat kaunseling. Tetapi kalau pegawai-pegawai kerajaan ingkar kepada Perlembagaan Negara, yakni tidak menggunakan bahasa Melayu sama ada di mahkamah, hakim-hakim – kita tengok Tuan Yang di-Pertua kita menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan begitu baik sekali, begitu indah, senang di faham. Saya pun faham, apabila Tuan Yang di-Pertua kata duduk saya duduk, apabila Tuan Yang di-Pertua kata sudah cukup, saya cukup....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi Yang Berhormat, kadangkala ada juga apabila saya panggil Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat tidak duduk. Tetapi ini bukan masalah bahasalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mungkin saya.... Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau pegawai kerajaan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun dari kerusi dan hendak beredar keluar]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya menjawab kena duduk. Jadi, kalau macam itu, kalau pegawai kerajaan tidak akur, maknanya kenaikan pangkat akan dipertimbangkan. Kenaikan pangkat mereka tidak akan diberi. Kepada orang-orang politik, kalau tidak menggunakan bahasa kita dengan baik, kalau dia Setiausaha Parlimen tidak boleh menjadi Timbalan Menteri dan tidak boleh menjadi Menteri dan kalau Menteri, dia terus pencen kalau tidak betul-betul menggunakan bahasa – mendaulatkan bahasa. Ini kita harus ambil serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kesemua ini tidak berkaitan dengan rang undang-undang yang kita bangkitkan sekarang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okaylah. Tuan Yang di-Pertua. Tidak apalah saya faham. Saya tahulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Faham, ya? Faham? Bukan apa yang saya cakapkan tadi tidak faham?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, di mahkamah ini tempat yang dibicarakan orang-orang yang dituduh. Orang-orang ini mesti memahami apa yang dituduh, apa tuduhan yang dikenakan dan apa hukuman.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini banyak hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya hendak berhenti. Dari kelmarin saya hendak berhenti dia orang dok tanya saya ini. Sila, sila. Petrajaya dahulu. Petrajaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Berkaitan dengan penggunaan bahasa, saya tertarik terutama di Mahkamah Rendah. Jadi, melalui pengalaman saya sendiri berkaitan dengan penggunaan bahasa, kalau kita merujuk kepada pindaan ini saya rasa tiada masalah, tetapi pelaksanaannya haruslah berkesan dan bersambungan dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Apa yang berlaku di Mahkamah Rendah, mungkin di Semenanjung Malaysia penggunaan bahasa telah digunakan dengan meluas. Di Sabah dan Sarawak, kita masih menggunakan bahasa Inggeris, di mana kebanyakan tempat kita memerlukan penterjemah. Jadi, di Mahkamah Rendah sekarang mempunyai banyak masalah tentang penterjemahan. Jadi, ada dua kategori penterjemah.

Yang pertama, menterjemah di mana pertuduhan akan dibaca dalam bahasa Inggeris, misal kata di Sabah dan Sarawak dan diterjemahkan dalam bahasa Malaysia. Jadi, kita memerlukan penterjemah yang memahami bahasa Inggeris untuk diterjemahkan dengan betul di dalam bahasa Malaysia. Saya ambil contoh apa yang berlaku di Mahkamah Rendah di Miri yang pernah berlaku sewaktu saya sendiri, di mana keadaan bila tiada penterjemah, kebetulan pada waktu tersebut majistret menyuruh pelatih guaman di mana terdiri daripada pelajar-pelajar universiti yang membuat *attachment*, dengan izin, untuk membuat terjemahan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat hendak berucap?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Tidak, tidak, saya hendak memberi gambaran sebab ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: ...akan memberi kesan sebab penterjemahan bahasa memberi kesan kepada pertuduhan. Jadi, misal kata di Mahkamah Syariah, apa yang kita akan hadapi dalam perundangan ini ialah dalam konteks itulah. Tuan Yang di-Pertua, minta izin untuk saya memberi penerangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sekarang sedang membincangkan Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan). Jadi, kita tumpukan masa kita terhadap pindaan yang berkenaan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Baik, dengan izin, sedikit sahaja. Jadi, ini berlaku sebab ini pindaan berkaitan dengan penggunaan bahasa juga. Kalau penterjemahan itu tidak betul maka ia memberi implikasi kepada orang yang dituduh. Misal kata apa yang berlaku pada zaman tersebut, kita memerlukan lesen TV. Jadi, di mahkamah, seseorang telah dituduh, bila penterjemah tidak ada kemahiran, satu, memahami prosedur mahkamah sebab pertuduhan di dalam bahasa Inggeris.

Di mahkamah akan ada dua kertas, satu untuk pertuduhan bagi membuat penyiaran haram, satu lagi mempunyai TV tanpa lesen. Jadi, apa yang berlaku kepada penterjemah yang tiada kemahiran, tiada pengalaman, dia terus membaca penterjemahan daripada pertuduhan di peringkat atas. Jadi, yang tertuduh mempunyai TV jenis *Philip* sepanjang 14 inci, jadi dia membaca terjemahan mengatakan bahawa anda pada sekian-sekian masa telah melakukan penyiaran haram ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof:... ... menggunakan satu benda yang tajam sepanjang 14 inci. Jadi, hukuman yang jauh berbeza tetapi nasib baik majistret memahami.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Jadi, minta penjelasanlah tentang perkara ini Yang Berhormat, kalau dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Jerai,

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, mana satu fasal ada sebutkan tentang pindaan terhadap bahasa ini, tidak ada, hah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, macam ini Yang Berhormat, kita.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hanya hendak buat cadanganlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hah! Cadanganlah ini, kita hendak *adjust* sedikit, macam dululah, kerana kita dahulu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak buat cadangan tidak perlu mengambil masa yang begitu panjang untuk membuat cadangan

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab bahasa Yang Berhormat memang terang, jelas, semua orang faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, saya akur, saya akur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, teruskan ucapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuma saya hendak maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita tidak mahulah macam dahulu, satu *paper* kita telah ditolak balik oleh Dewan Negara kerana masalah kita *over look* sesuatu benda. Jadi, hari ini saya hendak halusi sedikit. Itu yang saya pergi ke bahasa sebab bahasa ini memang susahlah

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sudah bangunlah, minta jalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tidak apa. Dia ini memang mahu kacau saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak beri laluan untuk diakah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak beri, tidak beri.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Berikah? Okeylah, berilah. Beri sekali. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Terima kasihlah ya. Mesti selalu berfikiran luas. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai bahawa bahasa itu jiwa bangsa. Saya rasa itu bukan untuk bahasa Melayu sahaja, tetapi juga bahasa Mandarin, bahasa-bahasa yang lain, tetapi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan panjangkan lagi.

Puan Chong Eng: Ya, ya. *[Ketawa]* Tetapi dalam mahkamah, tugas mahkamah yang terpenting sekali ialah tegakkan keadilan. Jadi, kalau keadilan itu boleh dilakukan dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, ini tidak ada kaitan.

Puan Chong Eng:... apa bahasa sahaja. Jadi, boleh gunakan mana-mana bahasalah, tidak semestinya menggunakan bahasa Melayu, Bahasa Malaysia, bahasa lain pun boleh. Jawi pun boleh. Kalau perlu bahasa Jepun, kalau perlu bahasa Jerman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa soalan, Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Jadi, adakah Yang Berhormat setuju bahawa yang terpenting sekali di mahkamah ialah keadilan, ia boleh *deliver the justice* dan bukan soal bahasa. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang ini kalau saya tidak jawab Yang Berhormat, susah wo. Susah wo ini. *[Ketawa]* Ini Bukit Mertajam wo.

Jadi, begini Yang Berhormat, saya tadi bercakap di skop mahkamah kita di Malaysia, kalau mahkamah Malaysia hendak berbicara dalam bahasa jepun, kalutlah kita. Fasal kita rakyat Malaysia, menggunakan bahasa Malaysia. Kita kena ingat dalam negara kita ini, 26 juta rakyat bukan semua rakyat memahami bahasa Inggeris, bukan semua rakyat memahami bahasa lain.

Tetapi bahasa Malaysia ini telah menjadi Bahasa Kebangsaan yang difahami oleh keseluruhannya. Tengok macam Yang Berhormat sendiri, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bercakap bahasa Malaysia begitu bagus sekali. Yang Berhormat bagi Kepong, cukup elok sekali. Hari ini dia senyaplah. Yang Berhormat balik rumah semalam kena 'ham' kot. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini Yang Berhormat bagi Jerai cari pasallah.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan, bukan, penjelasan. Saya ingin hendak kembali kepada rang undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Apakah fahaman Yang Berhormat mengenai Fasal 2 yang bertujuan untuk meminda Subseksyen 2(2), Akta 1992 untuk meluaskan bidang kuasa jenayah luar wilayah Mahkamah Rendah kepada kesalahan di bawah bab baru 6A Kanun Keseksaan dan untuk menambah alasan tambahan yang berasaskannya bidang kuasa jenayah luar wilayah boleh dilaksanakan.

Sebab saya pun tidak begitu faham dengan apa yang disebutkan, misalnya, jangan kita salahkan bahasa di sini, sebab saya sebutkan semalam kerana kita gunakan sistem British, bukan sistem kesultanan Melaka, sebab itu istilah yang bersurat, yang tersirat di dalam pun tidak serupa dengan zaman yang purbanya.

Misalnya dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut (d). Jangan salahkan bahasa di sini ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

“(d) by any person against a citizen of Malaysia;”

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya digunakan bahasa Inggeris di sini kerana kita ikut sistem British dan kita boleh hapuskan sama sekali. Mesti, mesti. Bukan kerana bahasa tidak unggul. Bahasa sebenarnya kalau dari segi pidato memang lebih unggul daripada *English*, tetapi kita gunakan bukan sistem Kesultanan Melaka, kita gunakan sistem British sebab itu kita gunakan bahasa Inggeris. Saya berharap pihak Timbalan Menteri dapat menjawab bab itu.

Kemudian itu, ini bukan bahasa, kena mengena dengan Yang Berhormat bagi Ketereh itu. Yang Berhormat bagi Ketereh di mana sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap, tanya Yang Berhormat bagi Jerai.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Pergi kantin.

Dr. Tan Seng Giaw: Kantinkah dia? Adakah ini kena mengena dengan Yang Berhormat bagi Jerai. Yang Berhormat bagi Jerai kata ini kena mengena dengan sama ada Bukit Jerai atau Gunung Jerai kerana pihak Ketereh memesongkan Dewan. Tidak ada kena mengena dengan bahasa. Dia memesongkan Dewan, dia gunakan *trigonometry* dan sebagainya. Ya, *trigonometry*. [Ketawa]

Sebenarnya bila kita mendefinisikan gunung itu, gunung yang lebih 1,500 kaki.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan sekarang? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan itu, adakah Yang Berhormat bagi Jerai setuju dengan saya bahawa kita tidak boleh gunakan *trigonometry* untuk gunung ataupun bukit. Ini kita berdasarkan kepada ketinggian, itu sahaja. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dua persoalan, Yang Berhormat, dua persoalan. Pertamanya Sistem British. Sistem British adalah sistem penjajahan. Sekarang kita berada di alam kemerdekaan. Jadi kita harus memerdekakan negara kita, memerdekakan bahasa dan memerdekakan sistem. Ini yang dilakukan memang baik. Tetapi berbalik kepada satu lagi penjelasan kepada Yang Berhormat tentang gunung dan bukit ini, ini juga bahasa. Gunung ada had tingginya, saya bersetuju.

Jadi, bermaknanya Gunung Jerai adalah tinggi daripada bukit apabila bukit itu rendah daripada gunung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang bukan perbahasan Belanjawan 2005. *[Ketawa]* *[Disampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey. Tidak, sat ni kalau saya tidak jawab kepada Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Kepong ingat saya tidak arif dalam bahasa dan dalam ketinggian. Saya arif dalam ketinggian kerana saya orang Gunung Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kena patuh...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun sudah habis. Jangan dok tanya apa-apa sudah ya. *[Ketawa]* Kadang-kadang saya tidak bagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanding Timbalan Pengerusi Tetap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu hari nanti Yang Berhormat jadi....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:nanti saya tidak bagi laluan, mereka marah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Pengerusi Tetap baru tahu begitu susah kita hendak jadi Speaker untuk mempengerusikan Mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, okey Yang Berhormat ya. Saya pun hendak ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah pergi ke negeri China dan di sana beliau telah mengatakan kita akan menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa perdagangan di rantau Asia dan di Korea, bahasa Malaysia akan dijadikan satu disiplin di universiti di Korea dan ini menunjukkan bahawa bahasa Malaysia kita ini, bahasa rakyat Malaysia ini akan berada di mana-mana suatu hari nanti.

Bermakna kalau kita pergi ke France nanti, Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap bahasa Malaysia, orang France akan bercakap bahasa Malaysia. Kita pergi ke Thailand, orang Thai boleh bercakap bahasa Malaysia. Kita pergi ke China, ada bahasa Mandarin, kita boleh berniaga di China dan kita bercakap bahasa Malaysia. Jadi, bahasa ini boleh menguntungkan kita dari segi perdagangan dan dari segi persahabatan.

Tuan Yang di-Pertua, di penghujungnya kerana saya menghormati Tuan Yang di-Pertua, kerana saya pun juga bekas Speaker, ada satu kata-kata yang harus kita ambil kira dan yang harus kita catat bersama. Ilham ini datang semalam, di tengah malam di saat-saat bulan mengambang, terbangun saya... *[Disampuk]* Tidak, di sebelah sana tidak boleh...

Terbangun saya dan empat rangkap ayat yang cukup indah yang bunyinya begini:

Yang kurik itu kendi,

Yang merah itu saga,

Yang baik itu budi,

Yang indah itu bahasa.

Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

11.28 pagi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini saya tidak akan berbahas tentang bahasa atau bendera yang jauh terkeluar daripada tajuk perbahasan kita hari ini.

Saya akan berucap tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh Mahkamah Rendah di Bandar Kuching. Dengan memperluaskan bidang kuasa Mahkamah

Rendah, adakah kerajaan bercadang menambah kakitangan dan pegawai-pegawai di Mahkamah Rendah kerana dengan memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Rendah, ia akan menambahkan kerja dan tanggungjawab pegawai-pegawai di Mahkamah Rendah, khususnya mereka yang menjadi Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen (*Session Court Judge*).

Pada masa ini, di Mahkamah Rendah baik di *Magistrate Court* atau di Mahkamah Sesyen sudah terdapat banyak *backlog of cases*. Di *Magistrate Court*, perbicaraan kes-kes jenayah sering ditangguhkan. Ada beberapa sebabnya. Satu daripadanya ialah *Prosecution Officer* (PO) kadang-kadang ada *on call* atau *on leave* dan mengakibatkan kesnya tidak dapat dijalankan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob **mempengerusikan Mesyuarat**)]

Ada juga kadangkala Majistret yang akan mendengar kes itu *on circuit sitting* kerana di Bandar Kuching walaupun di Kuching, terdapat empat orang Majistret tetapi empat orang Majistret ini, tanggungjawab mereka bukannya terhad di dalam Bandar Kuching sahaja. *Jurisdiction* mereka meliputi kawasan bandar dan di luar Bandar Kuching seperti di Lundu, di Bau, di Serian, di Simunjan dan di Kota Samarahan.

Tiap-tiap tiga bulan, seorang Majistret harus pergi ke bandar-bandar itu di luar Kuching untuk *circuit sitting* untuk satu minggu. Oleh sebab itu, *circuit sitting* kes-kes yang harus didengar di Mahkamah Majistret akan didengar oleh majistret lain. Majistret lain tidak dapat menjalankan tugas majistret itu. Oleh sebab itu, majistret lain itu akan menangguhkan kes-kesnya.

Yang sering berlaku adalah pengakuan saksi-saksi yang terlibat dalam kes jenayah itu akan hadir di mahkamah, tetapi pada hari itu baru diberitahu bahawa kesnya akan ditangguhkan. Itu telah mengakibatkan banyak *inconvenience*. *A lot of inconvenience to the witnesses*.

Ada seorang hakim yang memberitahu pengalamannya kepada saya. Dia ada kes seorang *accused* penjenayah yang didakwa mencuri barang di *Magistrate Court*. Kes itu disebut di *Magistrate Court* itu buat beberapa kali, tetapi perbicaraan pertama itu belum tamat. Kes pertama belum tamat, *accused* atau penjenayah itu sudah melakukan lima kali lagi curi barang dan didakwa lima kali lagi. Kes pertamanya belum

ditamatkan dan dia sudah didakwa enam *charges* di *Magistrate Court* di Kuching. Itulah masalah yang dihadapi oleh *Magistrate Court* di Bandar Kuching.

Pada awal tahun ini, Hakim Besar negara kita telah mengeluarkan satu directive kepada semua mahkamah di negara ini. *Directive* ini adalah *to direct or to order all courts to finish their cases*, dengan izin, *the pre 2000 cases, cases where it was started before 2000, to finish it by the end of June*, akan ditamatkan sebelum Jun. Tetapi *the aim was not achieved and*, dengan izin, oleh itu Hakim Besar itu memberi *directive* yang baru lagi supaya semua kes yang bermula sebelum tahun 2000 akan ditamatkan pada tahun ini.

Tetapi *pursuant to this order, Court Registry*, mahkamah mengeluarkan *reschedule cases*, semua kes *including criminal cases*.

Banyak kes penjenayah telah dibawa awal. *Was brought forward*. Oleh sebab itu, *prosecuting officer* tidak kesempatan mengeluarkan sepina kepada saksi-saksinya. Dan itu kes-kes jenayah yang umpamanya, yang kes-kes jenayah yang ditetapkan akan dibicarakan pada Disember telah dibawa awal ke September. Notis membawa awal itu dikeluarkan pada Ogos. Hanya 2, 3 minggu sebelum kes itu akan disebutkan dan dibicarakan. Oleh sebab itu, *prosecuting officer* tidak kesempatan, tiada masa mengeluarkan dan menghantarkan sepina kepada saksi-saksinya.

Semasa kes itu disebutkan di mahkamah yang seharusnya dibicarakan pihak Mahkamah Majistret itu kerana tiada saksi kes itu discharge, amount to acquittal, itu *accused*, dilepaskan tanpa perbicaraan. Adakah ini keadilan? Di Mahkamah Seksyen, bidang Mahkamah Seksyen sekarang bidang kuasanya *civil* adalah di antara untuk membicarakan *claim-claim* di antara 25,000 hingga 250,000.

Sekarangnya kebanyakan *civil claim* adalah di *Session Court*. Di Kuching. Di bandar Kuching kita terdapat 3 orang *Session Court Judge* tetapi bidang kuasa mereka meliputi sehingga Sri Aman. Kadang-kadang mereka harus pergi Sri Aman untuk mendengar perbicaraan dan masa ini kes-kes yang dimulakan, kes-kes *civil claim* yang dimulakan di *Session Court*, Mahkamah Sesyen. Pada puratanya kalau tiada *interlocutory application*, kes-kes akan ambil 3 tahun untuk selesai. Kalau ada *interlocutory application* lama lagi. ada yang 4 tahun 5 tahun kes-kes *civil* itu perlu selesai.

Itulah masalah yang dihadapi *Session Court* dan *Magistrate court*. Yang satu lagi masalah yang hadapi oleh Mahkamah Rendah kita adalah kekurangan

penterjemah. *Shortage of translator*. Beberapa tahun dahulu terdapat sebuah kapal asing dari Taiwan ditangkap oleh *Marine Officer* di Sarawak, menangkap ikan di perairan Sarawak. Nelayan-nelayan itu didakwa di Mahkamah Majistret kita. Kes itu dijalankan selama lebih dari satu tahun. Selepas perbicaraan itu nelayan-nelayan was *acquitted found not guilty*. *Acquitted*, mereka dilepas balik ke Taiwan tetapi adakah ini keadilan di sistem kita? Itu nelayan-nelayan harus tinggal di Malaysia lebih dari satu tahun.

Semasa mereka tidak, *when they did not commit a offence, they are force to stay here, stay in our country for more than one year*. Ada juga kapal-kapal, itu kaitan dengan nelayan-nelayan dari Taiwan kerana banyak penterjemah walaupun banyak penterjemah yang fasih dalam bahasa cina dan bahasa Inggeris. Walaupun ada banyak penterjemah yang fasih dalam kedua-dua bahasa itu kesnya di tangguh, dijalankan selama satu tahun.

Yang kapal-kapal nelayan daripada Vietnam daripada Thailand, kekurangan penterjemah itu masalah kekurangan penterjemah itu lebih teruk, kerana tidak ada penterjemah *qualified* yang fasih dalam bahasa Vietnam. Adakah kita mahu hukum mereka kerana mereka tidak faham bahasa kita? Semasa kita berhasrat menjalankan keadilan membicarakan kes, menjatuhkan hukuman kita mesti mengikut *the natural justice, the rule of natural justice, the right to be hurt. The accuse must understand the charge* yang sebagaimana Yang Berhormat dari Jerai tadi sudah sebut, mereka yang dituduh mesti faham apa yang mereka dituduh. Oleh sebab itu, dengan pindaan akta Mahkamah Rendah ini, ia akan memberi kuasa kepada Mahkamah Rendah kita untuk membicarakan orang asing.

Kalau kita ingin bertujuan memberi bidang kuasa itu kepada Mahkamah Rendah untuk membicarakan kes-kes berkaitan dengan orang asing, Menteri yang berkenaan haruslah menyediakan Mahkamah Rendah dengan penterjemah-penterjemah yang cukup kerana dalam kes-kes itu ia akan dengan izin *the handling of these cases involving foreignness, they are going to reflect our country*. Dia akan membayangkan imej negara kita. Kalau semua kes-kes yang di bawa kepada Mahkamah Rendah akan dilaksanakan dihabiskan dua tahun tiga tahun daripada masalah di mulakan.

Apakah imej yang kita akan beri kepada orang asing terhadap sistem kehakiman negara kita? Itulah faktor-faktor yang haruslah kementerian mementingkan

kalau kementerian kita tidak memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Rendah yang ditunjukkan di dalam pindaan ini. Berkaitan dengan kegunaan bahasa dalam akta-akta itu saya juga faham itu adalah *subject to constrain of resources*. Mungkin kementerian tidak terdapat cukup kakitangan orang yang fasih untuk menterjemahkan.

Oleh sebab itu, apa yang penting undang-undang yang diluluskan adalah mencapai keadilan. Dengan izin, *in the end of the justice can be achieve, why should we bother with what language it is used*. Kalau kita dapat mencapai keadilan, bahasa English, bahasa Jepun, bahasa Cina, bahasa Malaysia juga dapat digunakan. Itu adalah tujuan mahkamah. Tujuan mahkamah adalah untuk menjalankan keadilan. *To serve justice*.

We should not be too bother with the language use in our act. Saya bukan berkata bahawa Bahasa Malaysia tidak penting, tetapi dalam undang-undang, bahasa-bahasa yang digunakan di mahkamah ia adalah *to serve justice*. Itulah faktor yang *important*. Kita sudah bazir, *wasted the whole day to think about* kegunaan bahasa dalam akta itu. *We considerate to the* kementerian mungkin mereka tidak cukup kakitangan untuk menterjemahkan bahasa ini. Tunggulah. Ok. Itulah ucapan saya. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dari.Yusof bin Yacob]: Ya silakan.

11.45 pagi.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua:, saya ingin serta dalam perbahasan mengenai Mahkamah Rendah dan Mahkamah Sesyen ini. Satu yang kelihatan ketika ini ialah di mana kekurangan P.O di mahkamah-mahkamah rendah ini. Di mana kalau kita tinjau Mahkamah Rendah Kota Kinabalu hanya dua orang sahaja P.O yang telah menjalankan kes-kes di mana kes-kes ini terlalu banyak yang tidak dapat lihat.

Satu lagi ialah mengenai kes Mahkamah Rendah ini juga dikendalikan oleh majistret-majistret di mana mahkamah juvena juga dikendalikan oleh majistret yang sama. Majistret yang biasanya mengendalikan kes-kes jenayah dan kes-kes sivil. Saya berpendapat bahawa kes juvena ini haruslah diasingkan dengan kes-kes biasa seperti kes-kes jenayah dan kes sivil kerana kes juvena ini adalah kes-kes tertentu bagi kanak-kanak.

Saya ingin timbulkan ini adalah disebabkan bila kes ini dijalankan banyak juga kes yang akan dikendalikan oleh majistret yang sama dan ruang itu juga dikerumuni oleh orang-orang yang datang melihat dan mendengar kes jenayah yang biasa ataupun kes sivil yang biasa. Maka ini akan memberi moral yang tidak baik bagi anak-anak kita.

Saya juga ingin memohon penjelasan dari pihak berkuasa mengenai perkataan 'majistret' ini di mana kalau kita lihat dalam peraturan atau kuasa JP, *justice of peace* ataupun Jaksa Pendamai. Jaksa Pendamai ini juga sebagai majistret kelas dua tetapi apa yang kita lihat dalam borang daripada ASN, dan ASB ini kita dapat lihat di sana majistret juga ada digunakan. Tetapi akhir sekali bila JP ini menandatangani, kuasa JP itu tidak digunakan sebagai majistret dan mereka katakan bahawa majistret ini tidak sama dengan perkataan 'majistret' yang mereka letakkan di dalam borang-borang itu.

Inilah yang saya ingin tahu agar kalau 'majistret' itu diletakkan maka buat *specified* dengan izin, sama ada majistret kelas satu ataupun majistret kelas dua yang diletakkan di dalam borang-borang ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua yang saya ingin minta sedikit pandangan ialah mengenai kuasa Jabatan Penjara ini. Di mana pada ketika ini terutama sekali penjara di Kota Kinabalu dikerumuni oleh ramai pendatang tanpa izin. Oleh kerana mereka ini banyak kesalahan yang dijatuhkan oleh mahkamah dan kesemuanya ialah yang sebaliknya bagi kerajaan kita untuk menangani penjenayah-penjenayah ini bila mereka masuk di penjara. Sehingga berapa lama kita boleh menangani penjenayah-penjenayah ini bila mereka masuk dan keluar.

Oleh kerana satu masalah yang sering kali kita dapati ialah masalah mereka tidak mempunyai dokumen-dokumen disebabkan mereka ini adalah pendatang tanpa izin. Tetapi bila penjenayah ini melakukan jenayah di Sabah mereka dibawa ke mahkamah, mereka dipenjara dan begitulah bila mereka dipenjara mereka hanya dirujuk kembali kepada Jabatan Imigrasi dan Imigrasi menghantar mereka ke tempat asal mereka dan tidak lama kemudian mereka akan balik, sama juga perulangan kejadian itu. Jadi bagaimanakah atau bila kita boleh mengehendkan masa ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua yang saya ingin juga memohon pandangan ialah mengenai penjenayah-penjenayah yang telah dihukum *life sentence* dengan izin di penjara di mana ada yang sudah menjalankan lebih daripada 20 tahun di penjara tetapi tidak diberi keputusan sama ada di hukum gantung atau tidak disebabkan *Pardon*

Board dengan izin, tidak pernah berbincang ataupun bermesyuarat mengenai keadaan ini.

Saya memohon supaya pihak yang berkenaan mengambil perhatian ini agar penjenayah-penjenayah ini sekiranya kalau dihukum *life sentence* ataupun dihukum gantung maka dijalankan tanpa memberi mereka masa yang panjang menunggu hukuman itu yang agak ngeri sekali. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini. Sekian.

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu.

11.47 pagi.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Saya suka melihat pindaan rang undang-undang ini dalam konteks trend semasa ataupun *political accountability* dengan izin dan juga dalam konteks transnasional *criminal law* iaitu sebab ia berkaitan dan melibatkan orang-orang asing dan orang luar daripada tanah air kita ini. Ini akan memberi implikasi-implikasi yang luas dari segi standard ataupun dari segi kebakuan undang-undang kita dan mahkamah kita lebih-lebih lagi mahkamah rendah ini. Jadi ini akan membawa kepada keyakinan bukan sahaja peringkat di negara kita malah merentasi sempadan antarabangsa.

Saya juga ingin menarik perhatian Majlis berhubung dengan beberapa kes-kes serius peringkat antarabangsa apabila sesebuah negara menarik orang asing ataupun dengan izin *foreigners* itu ke mahkamah. Satu kes yang amat serius berlaku sekitar tahun 1990 apabila seorang general dan seorang pemimpin Panama kerana masalah menyeludup dadah ke Amerika lalu diheret ke mahkamah iaitu General Manuel Noriega pada tahun 1990.

Ini membawa satu implikasi yang cukup besar dari segi *political accountability* dan juga dari segi *Transnational Criminal Law* itu. Saya kira apa yang saya sebutkan ini berkaitan dengan apa yang telah dibahaskan dalam rang undang-undang semalam berkaitan dalam konteks untuk kita mengawal dari segi integriti, dari segi kekuatan dan dari segi kecemerlangan undang-undang kita ini.

Satu perkara yang saya hendak tarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang bakal menjawab di sini ialah, apakah status undang-undang kita ini yang tadi telah

ditimbulkan soal bahasa telah pun mencapai standard *international*?. Satu perkara yang saya kira memerlukan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Yang keduanya ialah saya hendak lihat dari segi konteks pindaan rang undang-undang ini sebab yang tercatat dalam rang undang-undang ini, ia adalah merupakan kesinambungan daripada bahagian (a), (b) dan (c) iaitu dari segi(a), sebab yang ada di sini hanyalah kesinambungannya iaitu (d), "*by any person against a citizen of Malaysia*", tetapi di awal itu adalah dengan secara spesifik disebut (a), "*on the high seas on port, any ship or on any aircraft registered in Malaysia*", dengan izin, dan (b), seterusnya (c), kemudian disambung dengan yang (d) ini.

Persoalan saya Yang Berhormat Menteri, ialah takrif "*by any person*". Apakah yang dimaksudkan dengan "*by any person*"? Apakah statusnya? Apakah sehingga seorang Perdana Menteri boleh ditarik, diheret ke mahkamah seperti mana yang berlaku kepada seorang Jeneral di Panama? Apakah status? Apakah maksud dan takrif kepada "*by any person*" dan (a) juga dinyatakan, "*by any person*", (f) juga "*by any person*". Saya kira ini perlu diberikan takrif tentang maksud "*by any person*" itu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah tentang status Mahkamah Rendah kita ini. Seperti mana yang telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli Dewan, dari segi keupayaan Mahkamah Rendah ini memberi perbicaraan yang seadilnya dan tadi telah disebut beberapa kekurangan barangkali yang terdapat dalam keadaan sekarang ini, dan apakah usaha-usaha kita untuk kita memantapkan status Mahkamah Rendah untuk ia benar-benar dapat menyelesaikan masalah-masalah yang melibatkan orang asing ini, kerana ia akan memberi implikasi-implikasi tertentu dalam konteks legal, dalam konteks *Transnational Criminal Law* yang mensabitkan negara-negara asing itu.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

11.58 pagi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbincangan rang undang-undang ini.

Pertama, saya ingin jawab kepada Yang Berhormat bagi Tumpat, tentang soal bahasa dan juga dibangkitkan beberapa perkataan, macam dia kata, *nothing is so*

great about the English language dengan izin, tetapi saya juga setuju dengan beliau, tetapi kalau kita minta dekat British, dia akan kata dia Great Britain bukan *the language is great*. Tetapi kekuasaan bahasa itu tidak menunjukkan bahawa seseorang yang menguasai bahasa itu tidak mementingkan bahasa diri sendiri, tetapi ini menunjukkan *individuality* dan kepakaran beliau yang menguasai bahasa-bahasa lain.

Untuk menjawab kepada beliau berkaitan dengan ketiadaan terjemahan Akta Mahkamah Rendah 1948 dalam Bahasa Kebangsaan, saya ingin menjawab bahawa terjemahan semua Akta 1967 ke dalam Bahasa Kebangsaan selanjutnya penetapan teks Bahasa Kebangsaan itu sebagai teks sah menurut Seksyen 7 Akta Bahasa Kebangsaan 1963, dan juga 1967 masih diusahakan dan tindakan berhubung dengan Akta Mahkamah Rendah 1948 dalam peringkat terakhir dan juga dalam tindakan bahagian semakan, Jabatan Peguam Negara.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, dia tidak ada di sini tetapi berkaitan dengan penggunaan bahasa dalam mahkamah ini, ada beberapa masalah tetapi kepada peguam, untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam mahkamah itu, dengan izin, *it is something like a tool of the trade*, so dia perlu menggunakan satu bahasa yang dia belajar, bahasa undang-undang, mereka ini belajar dalam bahasa Inggeris, oleh sebab itu banyak istilah adalah dalam bahasa Inggeris.

Contoh masalah terjemahan bahasa dalam mahkamah, contohnya satu perkataan biasanya peguam-peguam menggunakan perkataan, *I put it to you*, dengan izin, *I put it to you* kalau kita hendak terjemah dalam bahasa Malaysia itu, mungkin berbunyi, saya taruk sama awak. [Ketawa] So dalam mahkamah, susah hendak digunakan. Oleh itu, terjemahan itu adalah banyak masalah.

Apabila saya juga dalam mahkamah sebagai peguam, saya sudah nampak ada satu istilah undang-undang di mana terjemahan untuk satu perkataan, *injured state*. Terjemahan *injured state* yang diberi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam istilah undang-undang itu ialah kecederaan negeri, itu bukan *actual*, dengan izin, *meaning of injured state*. Ini menunjukkan satu keadaan, tetapi terjemahan yang dibuat di Dewan Bahasa dan Pustaka itu oleh pegawai-pegawai yang bukan pakar dalam undang-undang. Mereka ini bukan mempelajari undang-undang, mereka ini menggunakan orang-orang yang tidak biasa dalam undang-undang itu. So, dia terjemahkan itu *direct translation*, maka diberi satu maksud yang lain daripada maksud yang digunakan

dalam mahkamah. Apabila mereka yang membuat terjemahan di Dewan Bahasa tentang undang-undang yang tidak pakar, apabila mereka di luar, digunakan istilah-istilah itu, itu menjadi satu masalah di luar.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu kerana telah memberi penjelasan yang begitu baik dan juga secara tidak langsung, dia pun beri sedikit jawapan untuk Jabatan Perdana Menteri. Mungkin di masa hadapan, beliau boleh jadi Timbalan Menteri atau Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat bagi Jerai juga banyak *action*, semalam dia cakap dia ada bukit, gunung, Gunung Jerai, kawan saya tidak ada dalam Dewan ini tetapi dia lupa, Taiping pun ada bukit, Maxwell Hill, Gunung Maxwell, semua ada. Bukit Taiping atau Maxwell Hill ini dinaikkan pangkat menjadi Gunung Maxwell. Bukan Jerai sahaja ada bukit di kawasan beliau, dalam bandar. Kawasan saya pun ada, saya hendak beritahu kepada kawan saya.

Apabila Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan isu ini, dia bangkitkan tentang Fasal 2, tujuan meluaskan bidang kuasa luar wilayah, dia hendak memahami apa itu prinsip, dengan izin, *basis or effect of extra territorial jurisdiction* yang hendak tahu prinsip itu. Jawapan untuk beliau adalah, Malaysia mempunyai hak mutlak untuk mendakwa mana-mana pelanggaran undang-undang Malaysia yang dilakukan dalam wilayahnya dan Malaysia juga boleh mendakwa mana-mana pelanggaran undang-undang Malaysia yang dilakukan di luar wilayahnya tertakluk kepada batasan yang dikenakan oleh undang-undang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut prinsip undang-undang antarabangsa, terdapat empat asas bagi tuntutan bidang kuasa luar wilayah, dengan izin, *extra territorial jurisdiction*. Empat prinsip itu seperti berikut;

- (i) Prinsip Wilayah (Territorial Principle) – setiap negara berhak menuntut bidang kuasa ke atas pelanggaran undang-undang negara itu yang dilakukan dalam wilayahnya walaupun oleh orang asing;
- (ii) Prinsip Kerakyatan (Nationality Principle) – pada masa ini Malaysia menuntut bidang kuasa luar wilayah atas prinsip ini bagi kesalahan tertentu termasuk kesalahan di bawah Bab 6, Kanun Keseksaan, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Hasutan

1948 di bawah bidang kuasa Akta Luar Wilayah 1976 dan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram 2001, Akta Jenayah Komputer 1967;

- (iii) prinsip perlindungan *protective principle*. Prinsip ini membenarkan sesuatu negara menghukum perbuatan yang menjejaskan keselamatan negara itu walaupun perbuatan itu telah dilakukan oleh orang asing dan di luar negara itu.
- (iv) prinsip *universality* ataupun *universality principle* dan prinsip ini membenarkan sesuatu negara menuntut bidang kuasa ke atas semua jenis kesalahan walaupun dilakukan oleh orang asing di luar negara itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kewujudan pelbagai asas bidang kuasa yang dituntut oleh sesuatu negara bermakna bahawa beberapa negara boleh juga mempunyai bidang kuasa bersama ataupun dengan izin, *concurrent jurisdiction* bagi satu kesalahan. Oleh itu pada prinsipnya penjenayah itu boleh didakwa dan dihukum oleh beberapa negara yang berlainan.

Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching membangkitkan isu masalah ketiadaan penterjemah yang fasih dalam bahasa asing seperti bahasa Vietnam, tidak tahulah dia pilih bahasa Vietnam, mungkin dia ada *girlfriend* dekat Vietnam, melewatkan menjalankan kes menggugat keadilan bagi tertuduh. Ketidadaan ataupun kekurangan penterjemah yang sememangnya suatu faktor dalam kelambatan menjalankan kes. Namun dalam hal bahasa asing iaitu bahasa Vietnam kebanyakannya melibatkan pihak mahkamah lazimnya mahkamah akan mendapatkan bantuan ataupun pakar daripada kedutaan yang berkenaan.

Saya juga ada pengalaman dahulu apabila kita memerlukan seorang *interpreter* Bangladesh adalah seorang yang ditetapkan di mahkamah kerana banyak kes melibatkan orang asing dari Bangladesh. Juga berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching berlakunya *backlog of cases* adalah ekoran daripada majistret yang terpaksa pergi ke mahkamah luar atau litar dengan izin, *circuit sitting*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Peguam Negara peka dengan perkara ini dan walau bagaimanapun, masalah ini bukanlah merupakan sebab utama memandangkan secara praktikalnya dan sesebuah

Mahkamah Majistret sekiranya perlu adalah dikehendaki hadir ke mahkamah litar dan apabila ada masalah memaklumkan kepada semua pihak termasuk *Prosecuting Officer* (PO), tertuduh, saksi-saksi dan pihak-pihak yang terlibat dengan sesuatu kes melalui dengan izin, *Notice of Hearing* dan bahawa jika sekiranya kes tersebut kalau ditangguhkan, mereka hendaklah memberitahu melalui *Notice of Hearing*, kes itu ditangguhkan ke tarikh yang lain. Sebenarnya tidak ada kehadiran yang sia-sia oleh semua pihak yang terlibat dalam kes itu. Tarikh itu sebenarnya ditetapkan mengikut jadual oleh yang bersesuaian dengan kalendar sesebuah mahkamah dan juga mengikut kalendar ataupun diari yang dibawa oleh semua pihak yang lain yang terlibat iaitu peguam dan juga *Prosecuting Officer*.

Jawapan untuk Ahli Yang Berhormat bagi Sepanggar adalah sama dengan jawapan-jawapan yang telah saya berikan. Jawapan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, apakah status undang-undang itu telah mencapai standard antarabangsa. Jawapan ialah dengan pindaan ini Malaysia akan memenuhi kehendak *convention* dan protokol keganasan PBB untuk menjalankan bidang kuasa atas kesalahan-kesalahan keganasan menurut *convention* dan protokol ini. Apabila kita sudah sampai ke tahap itu standard kita juga adalah sudah sampai ke *world standard* dan pada masa itu perlulah kita juga fasih dalam bahasa Inggeris, kerana apabila kita berada di *convention* antarabangsa ini kita memerlukan peguam atau pihak-pihak yang berkenaan ataupun wakil rakyat yang hadir, Ahli Parlimen yang hadir di forum-forum antarabangsa ini dan perlu fasih dalam bahasa Inggeris untuk bersaing dengan orang-orang asing.

Sekarang ini kita perlu memahami bahawa semua negara termasuk negara China, Perancis, dulu France ini dia tidak mahu membaca bahasa Inggeris tetapi sekarang semua orang pun fasih di dalam bahasa Inggeris. Ini adalah untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas di dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia.

Satu lagi soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga '*by any person*' apakah status, sama ada sampai ke peringkat pemimpin negara. *Any person* ini meliputi semua orang yang melakukan jenayah yang termaktub dalam Bab 6A Kanun Keseksaan.

Tiada orang yang dengan izin, *above the law*, so semua orang termasuk pemimpin atau sesiapa juga. Jawapan untuk Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu,

apakah status Mahkamah Rendah dari segi keupayaan untuk memberi keadilan dan juga apakah usaha untuk memantapkan Mahkamah Rendah. Kerajaan amat prihatin untuk menentukan bahawa adakah mahkamah mampu menjalankan keadilan dalam semua kes dan juga mahkamah cuba untuk menyelesaikan

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih di atas jawapan yang telah diberi oleh Menteri sebentar tadi itu. Saya masih juga belum jelas tentang *by any person* itu. Kalau sekiranya yang melakukan iaitu seperti mana yang saya berikan contoh tadi itu ialah seorang *General* dari sebuah negara seorang Perdana Menteri dari sebuah negara apakah kita sudah bersedia untuk menghadapi risiko-risikonya. Sebab ini telah menimbulkan satu kes yang besar iaitu apabila dibawa Norgia Vs USA apabila beliau telah didakwa melakukan kes *drug charges* ataupun hal-hal yang bersabit dengan dadah itu dibawa ke mahkamah.

Demikian juga apabila seorang lagi Ketua Negara daripada Chile, seorang lagi Ketua Negara dari Yugoslavia telah dibawa ke mahkamah kerana kes-kes jenayah peringkat antarabangsa yang telah dibawa ke sebuah negara lain. Dalam konteks ini apakah kita telah bersiap sedia untuk berdepan dengan *repercussion*, dengan izin ataupun serangan balas daripada pihak-pihak tertentu itu. Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Seperti yang telah saya katakan bahawa '*by any person*' maksud di sini semua pihak termasuk mana-mana satu pihak dan kita bersiap sedia untuk menghadapi mana-mana suatu risiko atau apa-apa *consequences*, dengan izin selepas kita ataupun mana-mana orang yang terlibat –oleh mana-mana seorang dengan maksud '*by any person*'. Seperti yang saya ada katakan tadi '*any person*' yang dimaksudkan di sini *nobody is above the law that include* semua pihak.

Kalau itu menjadi George Bushkah, lain orang pun kita *readylah*. Itulah maksudnya di situ. Tidak tahulah semua orang seronok hendak tangkap George Bush.

Untuk soalan tentang apakah usaha untuk memantapkan Mahkamah Rendah *and all that*, memantapkan Mahkamah Rendah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan oleh Yang

Berhormat dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain dalam hal ini kita akan memberi perhatian yang sewajarnya untuk memantapkan lagi keupayaan mahkamah. Saya ingin memberitahu di sini, untuk menyelesaikan kes-kes yang tertangguh ataupun kes-kes di mahkamah bukanlah daripada satu pihak.

Ini banyak masalah, kadang-kadang mereka ini menyalahkan mahkamah tetapi bukan sahaja Majistret yang mengambil cuti atau dia pergi kursus tetapi kadang-kadang peguam pun mereka ambil banyak kes - dalam satu hari dia ambil tiga, empat kes. Malahan ada peguam yang mengambil sepuluh kes dan hantar L.A.dia kah, dia punya *chambering student*, dengan izin, untuk pergi ke mahkamah minta penangguhan. Dan saya juga dulu, lebih kurang 15 tahun dulu semasa saya juga seorang peguam yang buat kes-kes jenayah, saya berada di Mahkamah Kajang di sebelah pagi, pukul 11.00 pagi di Mahkamah Shah Alam dan balik ke Jalan Duta pada pukul 2.00 petang, ada juga macam itu.

Tetapi sekarang ini kita tidak boleh buat macam itu – banyak kes dan juga ada lebih daripada 10,000 peguam dan masalah peguam yang ambil banyak kes dalam satu masa dan mereka ini tidak boleh menyelesaikan masalah kes itu. Juga anak guam mereka tidak pergi cari peguam-peguam lain kerana mereka sudah membayar *fees* – peguam ini sudah ambil *fees* maka dia perlu menyelesaikan kes itu. Apabila mereka pergi berjumpa peguam yang lain, dia pergi bayar *fees* sekali gus. Inilah masalah.

Dan selain daripada itu kita juga ada masalah-masalah dengan saksi – saksi tidak adil, saksi di luar negeri dan saksi sakit. Kadang-kadang peguam pun ada sakit, masalah-masalah semacam itu dan juga apabila kita dapati *interpreter*, masalah *interpreter*, kita tidak cukup *interpreter* di semua, seluruh mahkamah. Kita tahu apabila kita hendak cari *interpreter* untuk bahasa Mandarin pun sukar juga.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Pendang bangun.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan saksi sakit, saya sering menghadapi masalah sebab kita ada klinik, dululah, dan kita menghadapi masalah berjumpa dengan orang yang dibawa menjadi saksi dalam mahkamah sering berjumpa untuk mendapat cuti sakit. Masalahnya, adakah satu *rule* ataupun peraturan

mengatakan bahawa sakit-sakit tertentu sahaja yang diterima oleh mahkamah. Mereka ini betul-betul sakit ataupun ada di antara mereka yang tidak mahu ke mahkamah tetapi sengaja mencari alasan sakit sebagai peluang untuk tidak ke mahkamah. Apakah ada peraturan di dalam kementerian begitu? Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang. Tidak ada peraturan yang tertentu di mahkamah untuk saksi, kehadiran saksi ataupun peguam. Ini terserah kepada hakim ataupun majistret yang mengendalikan kes itu. Biasanya ada hakim-hakim, majistret ataupun hakim beri sedikit kelonggaran apabila peguam tidak boleh hadir atau saksi tidak boleh hadir. Ada juga hakim-hakim yang bersikap lebih keras sedikit, dia tidak beri peluang tetapi apa yang saya faham sekarang ini ada *circular* yang mengatakan bahawa pesakit seperti ini perlu membawa resit daripada doktor-doktor yang tertentu dan juga perlu ada tertulis perkataan, dengan izin, "*Unable to attend court*" barulah saya ingat mahkamah sekarang ini boleh terima. Saksi-saksi ini biasanya, saya ingat, tertakluk kepada sesuatu kes kerana kalau kes itu dia hendak beli masa, dia akan mencari bermacam-macam alasan – dia sakit, berada di luar negeri, dengan sengaja, untuk mencari *legal mileage*, dengan izin.

Dan juga peguam-peguam meminta penangguhan kes ini dengan sengaja juga kerana mereka ada kes lain atau ada hal lain. Oleh sebab tidak ada prosedur-prosedur ataupun undang-undang yang tertentu berkaitan isu ini, maka terserah kepada *practicality of that incident* pada masa itu, dengan izin, apa yang berlaku di mahkamah pada pagi itu. Juga sekarang kita dapati senarai di mahkamah di sebelah pagi ada 10 kes, 20 kes, 30 kes – jam 9.00 pagi semua orang perlu hadir. Ada yang hadir dengan saksi, ada yang hadir tanpa peguam, ada yang tidak ada saksi. Kadang-kadang masalah juga ... saya tidak kata tidak ada, majistret pada hari itu tidak boleh hadir, dia juga cuti sakit atau hal *emergency* semacam itu. Ini, dengan izin, *something involve* banyak pihak – pihak-pihak P.O, saksi, peguam.

Oleh sebab itu sukar hendak menentukan kes itu. Kalau kita kata, "Okeylah, kes ini perlu dijalankan" tanpa saksi, tanpa peguam maka satu masalah ialah nanti orang kata tidak ada keadilan – *there is no justice*. Oleh sebab itu ada juga kes-kes di mana tertuduh itu di mahkamah, dia tidak ada peguam.

Maka perlu kerajaan beri bantuan bagi dia seorang peguam. Saya juga satu masa dulu ada mengendalikan satu kes bunuh di mana tertuduh itu tidak ada peguam dan mana-mana orang pun tidak mahu jadi peguam untuk beliau dan saya diminta oleh

kerajaan untuk membantu beliau secara sukarela dan tidak dibayar apa-apa *fee* tetapi kita buat juga. Dulu kita ada ramai peguam yang buat kes yang dipanggil *Legal Aid* punya kes

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Krai bangun.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya sedikit mengenai kes-kes tertunggak fasal kelmarin pun ada ditimbulkan. Tidakkah pihak kementerian sedar yang pada satu masa dulu ada cadangan hendak ditambah dengan kes-kes juvana, kes-kes seumpama bayar saman dan sebagainya, kepada J.P. dan saya pernah diberitahu oleh Menteri sendiri di mana J.P. akan diambil, *instead of*, dengan izin, daripada kalangan Guru Besar atau Pengetua-pengetua sekolah. Saya rasa J.P. lebih bertanggungjawab dan perkara ini tidakkah diambil di tiap-tiap negeri?

Setahu saya ada negeri-negeri yang mengambil golongan ini sebagai pengganti kepada hakim-hakim kecil bagi kes-kes juvana dan kes-kes yang kecil yang boleh diberi tanggungjawab kepada mereka ini supaya kes-kes yang tertunggak, yang berbaris lama tidak dapat diselesaikan, ini dapat diatasi. Sekian, terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Ini berkaitan dengan J.P. (*Justice of Peace*), satu masa dulu apabila J.P. ini diberi kepada orang awam yang berpengalaman, orang-orang yang ada sedikit kefahaman undang-undang dan juga peguam, tetapi satu masa dulu juga kita dapati banyak orang yang diberi peruntukan J.P. ini kepada mereka daripada kalangan orang politik di mana kita dapati mereka ini walaupun dia mempunyai status J.P. yang diperolehinya tetapi dia tidak faham undang-undang.

Oleh sebab itu sukar kita hendak buat satu keputusan bagi semua J.P. hendak duduk sebagai Majistret Rendah ataupun di mana-mana peringkat untuk mengendalikan kes-kes juvana ataupun kes-kes trafik. Tetapi kita sekarang ini, yang saya tahu, sudah ada memilih orang-orang tertentu daripada kalangan J.P. untuk menduduki sebagai Majistret Rendah tetapi ini belum dilaksanakan. Kita harap dalam masa yang singkat kita boleh selesaikan masalah itu. Kita telah pun memilih dua tiga J.P. apabila Menteri dulu, Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim telah buat

Tuan Markiman bin Kobiran: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Hulu Langat bangun.

Tuan Markiman bin Kobiran [Ulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin membangkitkan satu perkara sama ada pihak kementerian sedar perkara ini atau tidak, terdapat banyak penangguhan kes berlaku diakibatkan oleh peranan mahkamah itu sendiri dalam mengendalikan kes, antara lain mahkamah telah menetapkan 10 hingga 15 kes sehari untuk tujuan perbicaraan dan apabila persidangan perbicaraan dilaksanakan sudah tentu 9 hingga ke 14 kes terpaksa ditangguhkan pada hari berkenaan kerana satu sahaja kes boleh diteruskan untuk tujuan perbicaraan.

Perkara lain yang boleh diberi perhatian ialah tentang mahkamah terpaksa memberi keutamaan, ini adalah satu polisi yang biasanya dilaksanakan oleh mahkamah-mahkamah rendah dan tinggi apabila kes-kes melibatkan kakitangan kerajaan misalnya diberi keutamaan berbanding kes-kes sivil atau kes-kes biasa yang lain atau kes-kes yang melibatkan orang kena tuduh dalam reman tidak diberi jaminan dan sebagainya.

Terdapat juga keadaan di mana hakim atau majistret tempatan berkenaan terpaksa bercuti kecemasan misalnya atau menghadiri mesyuarat serta *conference* yang ditetapkan oleh pihak atasan atau dipanggil untuk sesuatu mesyuarat dan tambah menyulitkan apabila hakim atau majistret mahkamah di peringkat daerah yang juga terpaksa terlibat dengan kerja-kerja pentadbiran di mana kerja-kerja pentadbiran ini sepatutnya dilaksanakan oleh pegawai pentadbir yang kita panggil *Senior Assistant Registrar* di Mahkamah Tinggi atau Pendaftar di mahkamah-mahkamah rendah tetapi terdapat banyak mahkamah daerah tidak mempunyai pendaftar dan hakim atau majistret itu sendiri terpaksa mengendalikan kes-kes pentadbiran, bayaran gaji, menyediakan permohonan untuk tujuan pembangunan infrastruktur di kawasan beliau dan akibatnya beliau terpaksa meluangkan terlalu banyak masa untuk tujuan pentadbiran. *Rather than* dengan izin, meluangkan masa yang secukupnya untuk tujuan pendengaran kes dan keadaan ini bertambah sukar apabila daerah itu mempunyai penjara di mana hakim berkenaan atau majistret berkenaan terpaksa melaksanakan kerja-kerja reman dan biasanya ia akan diadakan pada sebelah pagi.

Tambah menyulitkan lagi apabila penjara itu terpaksa mengadakan *execution*, hukum gantung di mana hakim itu atau majistret itu dikehendaki hadir ke penjara bagi menyaksikan *execution* berkenaan. Saya berharap pihak kementerian meneliti perkara ini. Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat Ulu Langat, semua yang dibangkit oleh Yang Berhormat tadi benarlah berlaku. Tetapi masalah bukan sahaja kalau kita ada banyak majistret ataupun banyak hakim, kalau kita pun sekarang biasanya kita kata tidak cukup hakim tidak cukup majistret, tetapi katakan kita memberi banyak lagi hakim, banyak lagi kakitangan semua kes selesai. Selepas semua kes ini selesai dengan kegunaan kakitangan-kakitangan yang baru, lepas itu kita nampak kita ada pegawai, hakim semua ada, kakitangan ada tidak ada kes. Oleh sebab itu masalah bukan sahaja saya dikatakan dengan izin, *didn't include* masalah *include* kita dapati tidak cukup hakim buat dia punya kerja sahaja tetapi kita dapati juga sistem ada *some* dengan izin, *basic problem* di mana kita perlu mengatasi, *why*, mengapa kita dapati kes-kes ini tertangguh, mesti ada satu sistem yang kita boleh mencapai.

Kita sekarang ini, pada masa ini kit berusaha untuk mencari jalan, macam-macam sistem kita cari untuk menyelesaikan kes-kes tertangguh ini. Kerja-kerja yang dibuat oleh majistret-majistret di peringkat daerah dan seperti..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi laluan bandar Kuching. Sila Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa satu sebab yang penting yang mengakibatkan kes-kes itu tertangguh adalah kekurangan kakitangan, kekurangan hakim-hakim dan majistret, itu bukan eksklusif *reason* tetapi satu sebab yang penting dan sebab apa yang mengakibatkan itu kekurangan hakim dan kekurangan majistret adalah kerana kekurangan duit, kekurangan wang kerajaan untuk menambahkan kakitangan-kakitangan di mahkamah. Itulah sebab yang akar umbi kerana kerajaan kita tidak cukup duit tidak cukup wang. Oleh sebab itu kerajaan tidak berhasrat menambahkan kakitangan mahkamah dan melantik lebih hakim dan majistret, adakah itu sebabnya.

Datuk M. Kayveas: Yang Berhormat Bandar Kuching, saya tidak setuju dan bukan alasan itu kerajaan tidak cukup duit. Tak tahulah Yang Berhormat ini ada niat jahat ini, bukan kerajaan tidak ada duit, kalau macam itu kita Parlimen pun Ahli

Parlimen kita tambah, kita dapat duit isn't it? Kalau tidak cukup duit kita tak perlulah tambah Ahli Parlimen, sini 193 kita cukup, sekarang 219 saya ingat, so bukan itu alasan Yang Berhormat, kita perlu ingat kalau kita tambah seorang hakim, perlu kita ada tempat duduk untuk beliau, kita tambah kakitangan mesti mereka perlu pejabat. Sebelum satu daerah dapat hakim lebih daripada satu hakim, satu majistret, dia perlu ada bangunan dulu, bangunan untuk mereka, ada satu sistem pentadbiran, mereka perlu ada semua *facility* yang lain. Tanpa *facility* lain kita tidak boleh hanya menambahkan majistret dan lagi satu yang saya ingin beritahu kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat bangkit dalam isu ini, ini semua tidak ada dalam rang undang-undang ini. Saya hanya dengan izin, *entertain* untuk menjawab kerana kebanyakan Yang Berhormat bangkit tidak sentuh kepada rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Dan oleh itu saya minta maaf, saya tidak bagi laluan lagi cukuplah..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang atau Bandar Kuching. Hendak bagi yang mana Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Okey, okey Yang Berhormat Rantau Panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya tertarik Yang Berhormat ada sebut tadi, kalau kita hendak adakan post mesti ada pejabat dahulu maksudnya ada mahkamah dulu baru boleh kita tambah *post* atau *career of the post*. Tetapi saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat dan hendak mendapat kepastian apa yang saya mengetahui, saya tahu sekarang ini khususnya di Kelantan setiap *distrit* ada majistret *court* ada mahkamah, Mahkamah Majistret, tetapi majistret tidak cukup, dia terpaksa mengadakan circuit majistret ataupun dipanggil liter pusing. Ini membuktikan bahawasanya yang tidak cukupnya hanya majistret, tempat sudah ada, sarang sudah ada, jadi apa yang disebutkan Yang Berhormat tadi ini sudah bercanggah, lain-lain negeri barangkali lebih kurang yang sama juga, minta penjelasan.

Datuk M. Kayveas: Yalah saya belum habis beri ucapan, saya belum habis you orang hendak mencelah dan lepas itu you bercakap saya bercanggah, saya belum habis cerita saya, saya belum jawab lagi untuk Ulu Langat.

Ini benar juga ada yang tempat ada bangunan tetapi majistret tidak cukup, tapi masalah di Kelantan ini berbeza, sampai Kelantan ini jadi kuasa oleh Barisan Nasional susahlah di Kelantan, semua perkara pun susah, so sampai kita tunggulah lagi sikit hari nanti Kelantan ini jadi satu negeri di bawah Barisan Nasional baru semua masalah-masalah ini boleh selesai dalam *just* sekelip mata sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen: *[Bangun]*

Datuk M. Kayveas: Bandar Kuching saya tidak bagi. Saya hendak jawab kepada cukup, cukup, cukup.

Tuan Chong Chieng Jen: Sedikitlah. *(Sambil mengangkat tangan)*

Timbalan Yang di Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: *Enough, I have given enough*, dengan izin. *I have given enough don't over do it, please* Bandar Kuching duduk. *Sit down, listen* sekejaplah dengar dulu sekejap.

Okey Yang Berhormat bagi Sepanggar, saya kata, adalah jawapan untuk beliau juga. Yang Berhormat membangkit isu pendatang tanpa izin yang melakukan jenayah di Malaysia dan kembali semula selepas disabitkan, menjalani hukuman dan didepotasikan.

Yang Berhormat, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen amat peka dalam masalah tersebut dan pelbagai tindakan sedang diusahakan untuk membanteras kegiatan ini. Ini termasuk kawalan di *entry point* Malaysia dan juga termasuk satu sistem, *Advance Passenger Information System* dengan biocip. Kita akan gunakan perkara-perkara inilah.

Yang Berhormat bagi Sepanggar juga menyentuh berkaitan dengan banduan yang duduk dalam penjara sangat lama untuk menunggu hukuman mati dijalankan kerana menunggu *Pardon Board*. Menunggu keputusan oleh *Pardon Board*. Perkara ini telah diambil maklum dan tindakan telah dibuat untuk memastikan kes-kes seumpama ini disegerakan ataupun dilaksanakan dengan segera di mana *Pardon Board* bertindak mendengar dan memutuskan perkara ini secara berterusan (*regularly*), sekarang ini *Pardon Board* dengan izin, *don't sit regularly*.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sepanggar mengenai banduan yang menjalankan *life sentence*, perkara ini harus dibezakan dengan perkara hukuman mati, kerana seseorang banduan yang menjalani hukuman

life sentence akan menjalani hukuman tersebut seperti yang diputuskan mahkamah. Ia berbeza daripada

Dengan itu, itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang ambil bahagian.

Timbalan Yang Dipertua [Datuk Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 dan 2 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG RACUN MAKHLUK PEROSAK (PINDAAN) 2004

Menimbang Pindaan Yang Dibuat Oleh Dewan Negara Mengikut Peraturan Mesyuarat 73(1)

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004 telah dipersetujui oleh Dewan Negara dengan pindaan kepada Fasal 8 dan Fasal 9. Saya telah menimbang pindaan-pindaan itu di bawah Peraturan Mesyuarat 73(1) dan saya mendapati bahawa pindaan-pindaan itu adalah menepati tujuan Dewan ini.

Oleh yang demikian, saya dengan ini memaklumkan kepada Majlis akan hal itu dan memohon Majlis memerintahkan supaya pindaan-pindaan ini terus ditimbangkan.

Saya minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menerangkan pindaan tersebut. Yang Berhormat.

12.40 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di Pertua, saya memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Racun MakhluK Perosak (Pindaan) 2004 telah persetujuan oleh Dewan Negara dengan pindaan kepada Fasal 8 dan 9. Dengan itu, pertama dalam Fasal 8 dalam perenggan (a) telah dimasukkan selepas perkataan “terhadap”, perkataan “manusia”.

Kedua, dalam Fasal 9 dalam subseksyen baru 10A (1) yang dicadangkan telah dimasukkan selepas perkataan “terhadap”, perkataan “manusia”.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Fasal 8 Rang Undang-undang bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sebagai tambahan kepada peruntukan yang sedia ada, yang dicadangkan melalui pindaan kepada perenggan 10(1)(b) dalam perenggan (a) fasal itu adalah juga dicadangkan bahawa Lembaga diberikan kuasa untuk membatalkan pendaftaran sesuatu racun makhluK perosak jika Lembaga berpendapat bahawa racun makhluK perosak itu memberi kemudaratan terhadap manusia.

Kedua, pindaan kepada Fasal 9 rang undang-undang bertujuan untuk memasukkan sebagai tambahan kepada peruntukan seksyen baru 10A yang sedia ada sebagaimana yang dicadangkan dalam fasal itu suatu keperluan bahawa seseorang yang atas permohonannya suatu racun makhluK perosak telah didaftarkan hendaklah memberitahu Lembaga jika dia menemui apa-apa kemudaratan racun makhluK perosak itu terhadap manusia. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah pindaan ke atas Rang Undang-undang Racun MakhluK Perosak (Pindaan) 2004 yang dibuat oleh Dewan Negara mengikut Peraturan Mesyuarat 73 (1) terbuka untuk dibahas. Ya, Mambong.

12.43 tgh.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Saya memang bermasalah di sini *on the one hand* saya seorang *scientist*, tetapi *on the other hand* saya seorang ahli politik. Tapi biarlah sebelum saya menyokong, saya mesti menyokong pindaan ini tetapi sebelum saya menyokong biarlah saya berucap sedikit.

Setiap benda yang baik ataupun yang buruk adalah ditentukan oleh manusia. Setiap kelakuan yang dianggapkan baik ataupun yang buruk ditentukan juga oleh manusia. Setiap makanan yang manis, pahit atau masin ditentukan oleh manusia. Setiap bahan yang beracun ataupun sebaliknya ditentukan oleh manusia. Oleh itu racun adalah satu bahan asli ataupun bahan kimia buatan yang memudaratkan kesihatan manusia.

Kalau kita lihat Akta Racun Tahun 1952 takrifan racun memang sudah jelas di situ sebagai satu bahan yang merosakkan dan memudaratkan kesihatan manusia. Dari sudut undang-undang, kita seharusnya meneliti implikasi dan kesan terhadap perkara yang dimaksudkan. Dalam pada ini, perkara yang dimaksudkan adalah racun makhluk perosak. Oleh itu, kita mesti meneliti akta ini dengan menyeluruh ataupun *in totality* dengan izin, sebab implikasi rang undang-undang ini adalah terhadap keracunan dan kemudaratkan racun-racun makhluk perosak kepada khasnya manusia. Sebab benda yang tidak beracun, kalau dianggapkan benda yang tidak beracun, bermakna ia tidak merosakkan manusia.

Oleh itu, takrifan perkataan-perkataan yang tertentu di dalam akta ini adalah sangat penting dari sudut implikasi rang undang-undang ini terhadap kemudaratkan racun-racun makhluk perosak kepada kita manusia. Dalam pada ini, takrifan tentang makhluk perosak dan racun makhluk perosak haruslah diteliti oleh kita di dalam Dewan ini dan juga oleh mereka di Dewan Negara. Kalau kita lihat akta ibu, sebelum saya berucap dahulu, saya melihat akta ibu dan implikasi-implikasi definisi dan implikasi-implikasi keracunan, semuanya ada. Kalau kita hendak memasukkan kemudaratkan kepada manusia, ini bermakna kita harus melihat seksyen-seksyen yang lain juga seperti Seksyen 15, seperti Seksyen 17 dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, *there will be no end to this exercise*, dengan izin. Dengan seksyen yang dimaksudkan ini, kalau kita lihat dari Akta Ibu, Seksyen 10 (1)(b), izinkan saya membaca ini: *“Tertakluk kepada subseksyen 2 dan tanpa*

menyentuh sesuatu dakwaan yang dibuat di bawah akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, Lembaga boleh memerintahkan supaya dibatalkan pendaftaran sesuatu racun makhluk perosak". 1 (b) berkata begini: "Jika ada pendapat Lembaga, tidak sepatutnya bahawa racun makhluk perosak itu didaftarkan berterusan". Ini, adalah syarat-syarat pendaftaran.

Jadi, syarat-syarat pendaftaran, tidak apalah kalau manusia tidak dimasukkan di dalam itu, kerana kalau kita masukkan di dalam itu, kita harus lagi melihat Seksyen 8 (1)(c) yang menjadi satu risiko kepada manusia dan binatang. Ini, sudah jelas di situ, dalam Seksyen 8 (1)(c) dan (ii). Ini, memang sudah jelas. Oleh itu,.....

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Air Hitam bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Air Hitam, silakan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong dan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah-hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Mambong tadi. Adakah ini bererti apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat tadi, perkataan manusia ataupun pindaan yang terbaru ini, subseksyen 10(a)(1) ini, terhadap manusia sebenarnya telah diliputi di dalam akta ibu. Adakah ini bermakna perkataan yang kita hendak masukkan di dalam pindaan kali ini cuma memperkuatkan sahaja. Tanpa perkataan ini pun, dahulunya telah meliputinya. Minta penjelasan Yang Berhormat bagi Mambong. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Itu memang benar Yang Berhormat bagi Air Hitam. Di dalam akta ibu ini, banyak lagi seksyen yang tertentu menyebut tentang *degree of toxicity* dengan izin, kepada ataupun terhadap manusia. Oleh itu, kalau kita masukkan manusia di sini, hanya satu perkataan yang *irrelevant* tetapi, biarlah untuk menyenangkan diri kita sendiri di sini, biar dia masuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading bangun Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Ya, silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Mambong. Yang Berhormat bagi Mambong bercakap enam jam setengah waktu hendak meluluskan akta ini di Parlimen

sebelum kita bawa ke Dewan Negara. Jadi, apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong berkaitan dengan akta ibu, soal racun makhluk perosak ini, maknanya telah meliputilah, sudah kita fahamlah. Maknanya, Dewan Rakyat tidak bersalah.

Ini, yang memandai-mandai Dewan Negara. Dia gunakan kuasa dia. Dia memang boleh tolak. Kalau apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Mambong itu benar, kita hendak pertahankan juga, kita pun ada maruah. Bukan seolah-olah Dewan Negara, maknanya mengatasi kita, dia boleh menggunakan apa, seolah-olah kita di sini telah cuai. Maknanya, kita pun faham, tidak payah masukkan perkataan manusia ini. Saya ambil contoh, supaya kita faham. Kita tanya seorang budak. "Nama awak siapa"? "Ali". "Ibu awak siapa"? "Aminah". "Ibu awak ini perempuankah lelaki"? Hendak kena tanya begitukah?

Beberapa Ahli: Tidak!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: "Nama awak siapa"? "Ali". "Emak awak siapa nama"? "Aminah". Selepas itu tanya, "Aminah itu lelakikah perempuan Ali"? Boleh saya tanya begitu? *How stupidnya* saya tanya. Apabila Aminah, perempuanlah. Ibu perempuanlah. Jadi, saya tidak payah tanya Ali, emak awak ini perempuankah lelaki? Betul?

Beberapa Ahli: Betul!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Contoh, contoh. Jadi, maknanya apabila sudah emak, perempuanlah. Tidak payahlah bahawa Ali ini emaknya Aminah, Aminah ialah perempuan. Patutkah? Nama bapa Ali ialah Ahmad. Ahmad ini ialah bapa. Perlukah saya tulis bapa? Jadi, inipun tidak perlukah tadi? Tidak perlu. Ini contohlah. Apakah kita kurang faham? Racun ini memang digunakan untuk mengawal dan untuk mempertahankan supaya manusia tidak mudarat. Agaknya orang Dewan Negara, dia takut, boleh jadi dia minum racun ini agaknya. Dia takutlah agaknya. *astaghfirullahalazim*, Allah!. *[Ketawa]* Menteri Pertanian tidak salah. Lebih-lebih lagi Setiausaha Parlimen dia, lagi tidak salah.

Beberapa Ahli: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini, Yang Berhormat bagi Mambong, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kalau saya agak keterlaluan. Tetapi, saya hendak kena jaga juga maruah Dewan Rakyat ini Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Beberapa Ahli: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dewan Rakyat ini berpuluh tahun sudah meluluskan bermacam-macam perlembagaan. Macam-macam peraturan, macam-macam, lebih hebat lagi. Takkanlah pasal ini *astaghfirullahalazim*, Dewan Negara pula hendak mengada-ngada batalkan pula, minta maaf. Minta maaf. Kita dipilih oleh rakyat, rakyat telah pilih kita. Kita telah gunakan segala kebijaksanaan. Ini, saintis Mambong ini boleh lawankah? Ini, Mambong, siapa boleh lawan dia? *[Ketawa]* Dia, kalau akta ini, akta yang tidak patut hendak diluluskan, Mambonglah dahulu bantai pasal dia pakar. Dia lebih pakar, dia saintis tentang ini. Bukan calang-calang Mambong ini. Mambong ini, lepas atas Menteri pun boleh layak sudah Mambong ini. "Nasib baik kau, aku bukan Perdana Menteri Mambong, kalau aku Perdana Menteri, sudah tentu kau Menteri, Mambong". *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]*

Seorang Ahli: Menteri Sains.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri Sains bukan main layak ini. Aeroangkasa, semua dia boleh ini. Takkanlah dia yang begitu mahir tentang perkara ini melepaskan benda-benda yang kalau menjadi kelemahan kepada akta yang sewaktu kita luluskan di Parlimen ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kena pertahankan juga Dewan Rakyat ini.

Seorang Ahli: Sokong!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak tahulah sama ada kita hendak tolak ataupun kita pakai terus? Kita pakai yang asal itu, tidak tahulah, lepas itu kita berbahas. Kita hendak tengok, hantar balik ke Dewan Negara, dia hendak lulus atau tidak? Asyik begitu sahajalah. Lama-lama saya yang kena buang. Itu sahajalah. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Terima kasih di atas komen-komen itu tadi. Memang benarlah. Kalau kita lihat undang-undang, janganlah kita lihat daripada satu sudut sahaja, sudut yang kecil sahaja kerana kita mesti lihat dari segi konteks, dari segi aplikasi seksyen-seksyen yang tertentu. Dalam pada ini, Seksyen 10(1)(b) tanpa manusia dimasukkan memang sudah mencukupi. Sebab, ini adalah aplikasinya terhadap kemudaratanya kepada binatang, tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan. Kalau kita lihat takrifan, tumbuh-tumbuhan juga adalah dianggapkan sebagai makhluk perosak.

Jadi, apakah yang kita kawal menggunakan racun makhluk perosak di sini? Selain daripada serangga, selain daripada binatang-binatang yang merosakkan harta

benda kita, kita menggunakan racun makhluk perosak kerana racun adalah satu bahan yang memudaratkan kesihatan kita. Di dalam seksyen-seksyen yang lain, kalau kita hendak masukkan manusia, kita mesti juga menyentuh tentang label kerana dalam label itupun, kita mahu masuk memudaratkan kepada manusia. Jadi, ini tidak kehabisan. *There will be no end to it.*

Beberapa Ahli: Ya.

Dr. James Dawos Mamit: Tuan Yang di-Pertua, oleh itu "*saya ditelan mati emak, diluahkan mati bapa*".

Beberapa Ahli: Ooh, Ohh!.

Dr. James Dawos Mamit: Apa lagi yang saya hendak buat? Saya sokong sahajalah rang undang-undang ini kerana kementerian sudah tunggu 15 tahun untuk meminda rang undang-undang ini. Kementerian, saya sokong. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ooh, hebat Mambong!.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada lagi yang ingin bahas? Ya, Setiausaha Parlimen sila jawab.

12.57 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas [Datuk Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Mambong dan memanglah Ahli Yang Berhormat bagi Mambong telah tiga hari saya rasa, membahaskan dengan panjang lebar dari segi akta pindaan-pindaan yang telah dikemukakan dan pada masa yang sama, sebab prosedur dan sebagainya oleh kerana ada teguran daripada Dewan Negara, jadi kita telah membawa balik supaya ianya dapat dipersetujui dan dipertimbangkan bersama di Dewan Rakyat.

Jadi, memanglah seperti yang dikata peribahasa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong itu iaitu, "*ditelan mati emak dan diluahkan mati bapa*" memanglah kita cukup bersimpati tetapi, demi supaya akta ini dapat kita implementasikan dengan secepat mungkin dan terima kasih juga daripada celahan-celahan daripada Yang Berhormat bagi Air Hitam dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading yang memberitahu sekali lagi bahawa memang kita telah sama-sama memerhatikan bahawa betapa Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Rakyat telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai pindaan kepada akta ini.

Oleh yang demikian, sekali lagi saya bagi pihak kementerian, ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya Ahli Yang Berhormat bagi Mambong yang telah sekali lagi mengutarakan pandangan beliau bahawa betapa pentingnya kerajaan dapat mengawal racun makhluk perosak ini dengan lebih baik dan lebih berkesan bagi memastikan bahawa racun makhluk perosak akan mendatangkan faedah kepada sektor pertanian, kesihatan awam dan lain-lain sektor dan pada masa yang sama, tidak mendatangkan apa-apa kesan buruk kepada manusia, binatang dan alam sekitar. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, ya.

12.59 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Saya mohon memberi penjelasan sedikit berkenaan dengan perkara yang telah dibangkitkan. Memandangkan semasa perbahasan Dewan Negara, saya ada di situ dan saya rasa perlu menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading. Mohon saya hendak menjawab sedikit, kerana pertamanya kita hendak kena ingat iaitu bahawa walaupun apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong sebentar tadi iaitu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjangkah Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pendek sahaja sebab penjelasan perlu diberi ya, kerana keputusan ini suatu keputusan yang terpaksa kita buat kerana apa yang ditegur oleh Dewan Negara itu adalah betul. Pertama, saya hendak sebut, dalam soal untuk mendaftar racun makhluk perosak ini, sewaktu hendak mendaftar, di dalam seksyen akta ibu itu, menyebut perkataan 'manusia' sewaktu hendak mendaftar. Tetapi, mengapa pula waktu hendak batal, tidak disebut perkataan 'manusia', kerana bila hendak mendaftar, sebut manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan. Tetapi, waktu hendak membatalkan racun ini, sama ada boleh digunakan ataupun tidak, hanya disebut binatang, tumbuh-tumbuhan dan juga buah-buahan. Manusia tidak ada. Itu yang pertama. Akta ibu ada, waktu hendak mendaftar tetapi, waktu hendak membatalkan tidak ada. Sebab itu, perlu dimasukkan perkataan 'manusia'.

Keduanya ialah, akta ini sebenarnya hendak menjaga manusia. Betul, macam Yang Berhormat bagi Mambong sebut. Tetapi, apabila perkataan manusia itu tidak disebut di bawah seksyen ini, apakah kita hendak kata binatang, tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan itu lebih penting kepada manusia, hinggakan manusia tidak perlu sebut? Kita hendak jaga binatangkah, hendak jaga buah-buahankah, hendak jaga tumbuh-tumbuhan sahaja, manusia tidak penting? Saya rasa manusia penting, sebab itu kita tidak boleh meninggalkan perkataan 'manusia'. Yang ketiganya,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri,

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jam sekarang sudah pukul 1.00, hendak sambung?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, minta maaf. Okey, akhir sekali akta mesti tepat, ya. *No assumption, no presumption*. Jadi, oleh kerana itu perlulah kita sebutkan perkataan 'manusia' dan sebab itulah kita bawa balik kepada Dewan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa pindaan ke atas Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004 yang dibuat oleh Dewan Negara mengikut Peraturan 73(1) hendaklah dipersetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Pindaan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang ialah jam 1.00. Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila.

**RANG UNDANG-UNDANG
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2004**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.32 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan Rang Undang-Undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 dibaca pada kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Rang Undang-Undang Antidadah Kebangsaan 2004 adalah bertujuan untuk menubuhkan Agensi Antidadah Kebangsaan dengan mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya untuk bertindak melaksanakan fungsi-fungsi penguatkuasaan berhubung dengan Akta Dadah Berbahaya 1962 (Akta 234), Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Akta 283), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta 316) dan Akta Dadah Berbahaya (Pelucutan Hak) 1988 (Akta 340).

Agensi Dadah Kebangsaan atau ringkasnya ADK yang ada sekarang ini ditubuhkan dengan kuasa Jemaah Menteri pada tahun 1996 dan diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Mulai Mac 2004 ADK diletakkan di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. ADK merupakan gabungan dua buah kerajaan iaitu Pasukan Petugas Antidadah, Jabatan Perdana Menteri dan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri.

Fungsi-fungsi ADK ialah melaksanakan pencegahan, rawatan dan pemulihan penagihan dadah, menjalin hubungan serta kerjasama antarabangsa mengenai usaha membanteras dadah dan menjadi urus setia kepada Majlis Dadah Kebangsaan. ADK

tidak mempunyai kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ke atas Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 yang berkuat kuasa pada masa sekarang.

Fungsi penguatkuasaan undang-undang dadah dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia dan Bahagian Farmasi, Kementerian Kesihatan. Dalam pada itu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia dan Unit Pencegahan Penyeludupan menjalankan fungsi mencegah penyeludupan atau kemasukan dadah secara haram. Fungsi-fungsi penguatkuasaan undang-undang dadah meliputi penahanan, penangkapan, penyiasatan pendakwaan dan perisikan yang diberi kepada ADK adalah bertujuan untuk memantapkan lagi peranan ADK sebagai agensi *focal point* negara dalam usaha membanteras gejala dadah.

Fungsi penguatkuasaan kepada agensi *focal point* membanteras dadah telah pun dilaksanakan di beberapa buah negara seperti *Drug Enforcement Agency*, Amerika Syarikat; *Central Narcotic Bureau*, Singapore; *Philippines Drugs Enforcement Agency*, Filipina; Badan Narkotik Nasional, Indonesia; *National Narcotic Control Committee*, China; dan *Anti-Narcotic Force*, Pakistan.

Fungsi-fungsi penguatkuasaan yang diberi kepada ADK tidak termasuk fungsi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Bahagian Farmasi, Kementerian Kesihatan iaitu yang berkaitan dengan pengimportan, pengeksportan, pengilangan, penjualan dan perdagangan dadah dan bahan-bahan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Selanjutnya fungsi penguatkuasaan yang diberi kepada ADK akan, dengan izin, *complement* kepada fungsi-fungsi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara penting yang dinyatakan di dalam rang undang-undang ini ialah seperti berikut:

- (i) penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan;
- (ii) kuasa dan fungsi-fungsi agensi;
- (iii) pelantikan seorang Ketua Pengarah agensi oleh Yang di-Pertuan Agong dan pelantikan pegawai-pegawai lain agensi;
- (iv) pegawai-pegawai agensi mempunyai segala kuasa dan kekebalan berdasarkan pangkat tertentu seseorang pegawai polis

- (v) pegawai agensi yang menjalankan siasatan diberi tempoh selama tiga bulan untuk mengemukakan laporan siasatan serta kertas siasatan kepada pendakwa raya. Sekiranya gagal, pendakwa raya boleh mendakwa pegawai berkenaan; dan
- (vi) seseorang yang mempunyai maklumat terhadap kesalahan di bawah Akta Dadah yang berkaitan dilakukan oleh orang yang disyaki boleh meminta laporan status siasatan dari ADK dan seterusnya boleh mengadu kepada pendakwa raya jika ADK gagal memenuhi permintaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan dengan lebih lanjut akan rang undang-undang ini.

Bahagian I

Fasal 1 - mengenai tajuk ringkas dan membenarkan menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dibincangkan.

Fasal 2 – memberikan takrif terhadap perkataan-perkataan yang digunakan dalam akta yang dicadangkan iaitu ‘agensi’, ‘Ketua Pengarah’, ‘Menteri’ dan ‘Pegawai Agensi’.

Bahagian II

Fasal 3 – Mengenai Agensi Antidadah Kebangsaan adalah ditubuhkan di bawah akta yang dicadangkan. Agensi ini digunakan khidmatnya bagi melaksanakan pencegahan, rawatan dan pemulihan penagih dadah, pengesanan, penangkapan, penguatkuasaan, penyiasatan dan pendakwaan pesalah-pesalah yang melibatkan kesalahan dadah berbahaya, tahanan pencegahan khas orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubung dengan/atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya, perlucuthakan harta yang dikaitkan dengan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan dadah berbahaya, dan pengumpulan risikan keselamatan yang berhubung dengan aktiviti dadah berbahaya.

Fasal 4 - Mengenai pelantikan Ketua Pengarah bagi mengetuai agensi-agensi. Ketua Pengarah hendaklah dari kalangan anggota perkhidmatan awam, dilantik oleh

Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri untuk sesuatu tempoh dan atas terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam suratcara pelantikannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini Ketua Pengarah ADK adalah dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dari kalangan anggota perkhidmatan awam tanpa apa-apa syarat yang khusus. Bagaimanapun, sekiranya seseorang pegawai yang dilantik itu dari kalangan bukan Pegawai Tadbir dan Diplomatik, cara pelantikannya dibuat secara pinjaman atau pertukaran sementara yang mengandungi terma dan syarat tertentu.

Fasal 5 – Mengenai pelantikan pegawai-pegawai lain agensi. Pegawai-pegawai lain agensi ialah Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah, Ketua Penolong Pengarah, Penolong Pengarah, Penyiasat, Penolong Kanan Pegawai, Penolong Pegawai dan apa-apa bilangan pegawai lain sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan akta ini. Pegawai-pegawai agensi hendaklah diberikan perakuan pelantikan dalam bentuk kad kuasa yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah Agensi.

Bahagian III -

Fasal 6 – Mengenai fungsi-fungsi agensi iaitu seperti berikut:-

- (a) melantik orang ramai untuk menentang penyalahgunaan dadah berbahaya;
- (b) mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi penyalahgunaan dadah berbahaya;
- (c) menguatkuasakan, menjalankan, menunaikan dan melaksanakan kuasa kewajipan dan fungsi di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1985.
- (d) mencegah dan menyekat pengedaran haram dan penyalahgunaan dadah berbahaya
- (e) menguatkuasakan, menjalankan dan memberi kuat kuasa kepada peruntukan-peruntukan Akta Dadah Berbahaya 1952 kecuali Seksyen 4, 5, 7 perenggan 9 (1)(a) Seksyen 11, subseksyen (12) (i) dan Seksyen 6 dan 17.

- (f) melaksanakan kuasa kewajipan dan fungsi di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985;
- (g) menguatkuasakan, mentadbirkan, menjalankan dan memberi kuat kuasa kepada peruntukan Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988;
- (h) memberikan bantuan dalam apa-apa perkara penyalahgunaan dadah berbahaya atas permintaan negara asing sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 (Akta 621).
- (i) menasihati menteri mengenai polisi yang berhubungan dengan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Berbahaya. Rawatan dan pemulihan penagihan dadah langkah pencegahan khas terhadap orang yang ada kaitan dengan pengedaran dadah berbahaya dan perlucuthakan harta yang dikaitkan dengan kesalahan dadah berbahaya; dan
- (j) secara amnya melaksanakan apa-apa kewajipan lain bagi memerangi penyalahgunaan dadah berbahaya atau melakukan segala perkara yang bersampingan dengannya.

Saya percaya fungsi-fungsi yang disebutkan tadi adalah sudah jelas dan tidak memerlukan huraian yang lanjut. Bagaimanapun, wajar saya nyatakan sekali lagi bahawa fungsi-fungsi ADK yang diberikan oleh akta ini tidak meliputi penguatkuasaan ke atas seksyen-seksyen yang disebutkan dalam akta ini yang kekal di bawah bidang kuasa Bahagian Farmasi, Kementerian Kesihatan.

Fasal 7 ialah mengenai kuasa agensi iaitu agensi hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan maksud yang disebut di dalam subseksyen 3(2) dan untuk melakukan segala perkara yang munasabah perlu atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Seksyen 6.

Seterusnya Fasal 7 ini menerangkan mengenai pegawai agensi diberikan segala kuasa dan kekebalan seorang pegawai polis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.

Kuasa dan kekebalan pegawai agensi yang diperjelaskan ialah seperti berikut:

- (a) Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah, Ketua Penolong Pengarah dan Penolong Pengarah mempunyai kuasa pegawai polis berpangkat Penolong Penguasa Polis atau yang lebih tinggi;
- (b) penyiasat mempunyai kuasa pegawai polis berpangkat Inspektor;
- (c) Penolong Kanan Pegawai mempunyai kuasa pegawai polis berpangkat Sub-Inspektor;
- (d) Penolong Pegawai mempunyai kuasa pegawai polis yang berpangkat Sarjan; dan
- (e) pegawai lain yang berpangkat lebih rendah dari pangkat Penolong Pegawai mempunyai kuasa pegawai polis berpangkat Koperal atau yang lebih rendah.

Bahagian IV –

Fasal 8 bertujuan untuk membenarkan mana-mana orang yang telah memberikan maklumat kepada agensi mengenai sesuatu kesalahan di bawah Akta Dadah yang saya sebutkan di atas, untuk meminta agensi supaya memberikan laporan tentang status penyiasatan. Bagaimanapun agensi tidak dikehendaki memberi laporan status tentang penyiasatan sesuatu kesalahan melainkan permintaan tersebut belum luput tempoh empat minggu dari tarikh pemberian maklumat diterima dan laporan penyiasatan berkenaan mengandungi perkara-perkara yang mungkin memudaratkan penyiasatan atau pendakwaan kesalahan berkenaan.

Seterusnya fasal ini memberikan kebenaran kepada orang yang meminta laporan daripada agensi membuat laporan atau aduan kepada pendakwa raya, jika agensi gagal memenuhi permintaannya tanpa sebab-sebab tertentu yang ditetapkan dalam akta ini. Pendakwa raya selanjutnya hendaklah mengarahkan agensi memberikan kepadanya satu laporan status penyiasatan yang berkenaan dan memberikan laporan berkenaan kepada permohonan atau mengarahkan agensi memberi laporan berkenaan kepada pemohon.

Sekiranya pegawai agensi tidak mematuhi arahan pendakwa raya dia melakukan sesuatu kesalahan yang apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sebulan atau denda tidak melebihi RM1,000 atau kedua-duanya. Fasal ini bukanlah bertujuan untuk menekan atau menyusahkan pegawai agensi.

Sebaliknya ia adalah tujuan murni kerajaan supaya rakyat yang prihatin lagi komited membantu kerajaan untuk membanteras dadah merasa sumbangan mereka dihargai dan tidak akan merasa kecewa dan putus asa. Ia juga mencerminkan dasar kerajaan yang mengamalkan ketelusan dalam pentadbirannya.

Fasal 9 ialah mengenai pegawai agensi yang membuat penyiasatan hendaklah mengemukakan satu laporan penyiasatannya berserta dengan kertas siasatan kepada pendakwa raya dalam masa satu minggu selepas tamatnya tempoh tiga bulan dari tarikh maklumat itu diterima. Kegagalan berbuat demikian merupakan satu kesalahan yang apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh boleh sampai sebulan atau denda boleh sampai RM1,000 atau kedua-duanya.

Fasal ini mungkin difikirkan oleh sesetengah termasuk anggota perkhidmatan awam sebagai tidak adil kepada pegawai penyiasat. Ini adalah kerana pegawai penyiasat melakukan sesuatu kesalahan jika gagal mengemukakan laporan dalam tempoh yang ditetapkan, sedangkan tempoh siasatan mungkin mengambil masa yang lebih lama jika melibatkan kes yang rumit atau jika pegawai penyiasat mempunyai jumlah kes yang banyak.

Saya juga menjangkakan bahawa ada pihak yang akan membuat andaian bahawa fasal ini boleh menyebabkan seorang pegawai penyiasat mengambil jalan mudah, iaitu dengan menyediakan laporan penyiasatan dengan ala kadar tanpa kualiti atau 'melepaskan batuk di tangga,' bagi mengelakkan dari dikenakan tindakan. Saya juga sedar bahawa perkara ini sedang dikaji oleh dengan izin, *Select Committee* apabila fasal seperti ini dimasukkan dalam cadangan pindaan Kanun Tatacara Jenayah atau Criminal Procedure Code. Dalam hubungan ini, wajar juga saya nyatakan bahawa fasal seperti ini telah pun dimasukkan dalam Akta Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia 2004 yang baru diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya berpandangan positif dalam perkara ini. Fasal ini bukanlah bertujuan untuk mengetepikan keselesaan pegawai penyiasat dalam mengendalikan sesuatu siasatan. Begitu juga ia tidak seharusnya dijadikan sebagai punca bagi pegawai-pegawai menyediakan laporan penyiasatan yang tidak berkualiti. Kita hendaklah melihat kepada semangat fasal ini, iaitu untuk kerajaan memberikan, dengan izin, *delivery service* dengan cepat dan untuk mengelakkan seseorang pegawai penyiasat mengambil sikap sambil lewa dan tidak bertanggungjawab dalam menyelesaikan sesuatu penyiasatan.

Inilah hasrat Kerajaan Barisan Nasional untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Saya percaya pendakwa raya tidak sewenang-wenangnya melaksanakan fasal ini melainkan bagi kes-kes yang benar-benar menunjukkan kecuaihan dan kelembapan seseorang pegawai penyiasat itu.

Fasal 10 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa setiap pegawai agensi disifatkan sentiasa bertugas apabila dikehendaki melaksanakan kewajipan ataupun fungsinya.

Fasal 11 bertujuan untuk menghendaki pegawai agensi supaya mengemukakan kad kuasanya jika diminta oleh orang yang berhadapan terhadap tindakan diambil.

Fasal 12 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah bagi mengeluarkan yang disebutkan Perintah-perintah Tetap mengandungi perkara-perkara mengenai pentadbiran, kawalan am, latihan, tugas dan tanggungjawab pegawai agensi.

Fasal 13 bertujuan untuk memberikan kuasa kepada menteri membuat peraturan-peraturan yang perlu dalam melaksanakan akta ini. Saya berpendapat Fasal-fasal 10 hingga 13 mempunyai maksud yang jelas. Oleh itu, saya merasa tidaklah perlu untuk menghuraikan dengan lebih lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong?

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon 'mencadangkan.'

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menyokong.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Agensi Antidadah Kebangsaan untuk meletakkan kuasa kepada pegawai-pegawai agensi untuk melaksanakan fungsi pencegahan, rawatan pemulihan, penguatkuasaan, penyiasatan, langkah-langkah pencegahan khas, perlucuthakan harta dan pentadbiran mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 –[Akta 234], Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 – [Akta 283], Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 [Akta

316], Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 [Akta 340] dan bagi perkara-perkara yang perlu atau yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat.

4.56 ptg.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, kelazimannya sebelum ini juga pernah berlaku di mana kalau ada apa-apa surat kalau hendak diedarkan di dalam Dewan perlu mendapat kebenaran daripada Setiausaha. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah berkaitan dengan rang undang-undang ini?

Cik Fong Po Kuan: Ya, saya hendak bangkitkan berkenaan kelaziman dalam Dewan iaitu peraturan di dalam Dewan. Ini ada satu surat jemputan untuk taklimat oleh Kementerian Kesihatan. Jadi, saya hendak bertanya mengapakah Ahli-ahli Pembangkang tidak dijemput?

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan semasa kemerdekaan, bahawa kita semua harus berkongsi pendapat, pandangan dan idea tetapi taklimat ini, berkenaan Tabung Kebajikan Kesihatan yang diadakan baru tadi, mengapa kita tidak dijemput?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya akan semak.

Cik Fong Po Kuan: Apakah mereka lebih Malaysia daripada kita? *[Disampuk]* Yang Amat Berhormat berkata, tidak ada siapa yang lebih Malaysia daripada yang lain. Jadi, saya pohonlah, kalau hendak menggunakan dan membangkitkan ini, biarlah kita sama-sama berkongsi pandangan untuk pembangunan negara, kita tukarlah mentaliti. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua boleh mengambil perhatian berkenaan perkara ini. Ini Tabung Kebajikan Kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat. Kinabatangan.

4.57 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk turut menyokong Akta Agensi Antidadah Kebangsaan (Pindaan).

Pada dasarnya kita percaya sudah tiba masanya kerajaan harus memberi penekanan yang lebih berat ke arah memastikan bahawa negara kita Malaysia dalam menuju pembangunan yang lebih berjaya tetapi kita tidak lari daripada diadu domba oleh masalah gejala dadah yang berleluasa.

Statistik yang kita lihat, penagih-penagih dadah berleluasa di negara kita ini dan di samping penagih-penagih tegar, persoalan yang kita hadapi kita juga ingin kerajaan akan lebih lagi menekankan unsur-unsur disiplin yang lebih tinggi kepada mereka yang diberi kuasa ini. Sebab kita pula tidak mahu mereka ini menyalahgunakan kuasa yang diberikan oleh kerajaan. Sebab itu mereka ini perlulah terdiri daripada yang terlatih dan memahami bagaimana kewajipan-kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh mereka.

Yang kedua, kita juga melihat, jangan pula agensi yang baru hendak kita wujudkan ini bertindih dengan agensi penguat kuasa yang telah sedia ada. Ini perlu diselaraskan agar penyeragaman penguatkuasaan ini dapat dilihat seimbang dan boleh mendapat kepercayaan masyarakat dan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, peranan ADK adalah harus diperluaskan secara menyeluruh. Kalau di semak dalam *Hansard*, daripada saya mula menjadi Wakil Rakyat, saya memang begitu *concern*, dengan izin, ataupun membuat perhatian ke arah masalah dadah dalam negara kita ini, sebab persoalan yang kita hadapi adakah dadah itu menjadi musuh utama negara? Kalau menjadi musuh utama negara, maka kerajaan hendaklah menjurus ke arah mana dan bagaimana dadah itu boleh mengancam keselamatan negara. Kalau ia mengancam keselamatan negara apakah pendekatan dan keterampilan yang lebih berkesan yang harus diguna pakai?

Kita percaya dengan penguatkuasaan undang-undang tambahan dan sebagainya bukan dan tidak memberi jaminan yang pengedar-pengedar dadah ini tidak lagi berleluasa. Saya hairan kenapa kerajaan tidak menyelidik dari pintu manakah dadah-dadah ini diedarkan? Macam mana dia boleh berlambak di pasaran? Macam mana dia boleh masuk begitu mudah? Adakah faktor keselamatan kita tidak ketat?

Ataupun longgar? Ataupun kita tidak ada satu mekanisme pencegahan secara menyeluruh?

Fokus kita sekarang iaitu bagaimana hendak mengurangkan penagih. Apabila ada dadah di pasaran, penagih tegar lebih-lebih lagi, mereka tentu akan mencari benda ini. Demikian jugalah dengan penagih-penagih yang baru sebab dadah ini sejenis kimia yang boleh mempengaruhi minda mana-mana masyarakat yang terdedah, lebih-lebih lagi mereka yang suka bersosial berlebihan dan ini dapat dilihat. Penagih-penagih dadah mengikut statistik yang ada yang diberikan kepada kita, penagih-penagih ini menjadi perogol, mereka menjadi pembunuh, mereka menyamun, meragut, lepak dan lain-lain.

Persoalannya apakah kita harus membiarkan isu ini berlarutan? Apakah kita hanya memfokuskan bagaimana hendak membaik pulih penagih-penagih ini? Saya ingin menyarankan kepada kerajaan agar lebih memfokus mencari siapa pengedar-pengedar dadah ini. Mereka menjadi kaya raya, daripada pengedar dadah mereka bertukar personaliti menjadi orang dermawan, menjadi orang baik dan sebagainya. Mereka menjadi wira tetapi latar belakang yang sebenarnya mereka adalah pengedar dadah. Ini yang harus dikaji oleh kerajaan sebab selagi ada pengedar itu, maka sudah pastilah ada penagih-penagihnya, tidak putus. Buka macam mana pun beribu-ribu pusat serenti akan beribu-ribu juga rekrut baru yang ingin menagih.

Jadi, ini menjadi realiti. Sudah berapa puluh tahun negara kita merdeka? Sudah 47 tahun negara kita merdeka tetapi penagihan dadah terus sahaja meningkat bukan menurun. Di Sabah telah dikenal pasti oleh pihak penguat kuasa sebagai salah satu pintu masuk dadah jenis syabu. Dadah jenis syabu ini pula merebak ke negeri-negeri di Semenanjung.

Saya hairan bagaimana pihak keselamatan kita tidak boleh mengesan, bagaimana dadah ini masuk ke negara kita secara berleluasa. Saya sendiri berfikir, duduk termenung memikir macam mana? Apakah penguat kuasa kita tidak bekerja, tidak cukup dan sebagainya ataupun mungkin sudah tiba masanya bagi kerajaan untuk mengeluarkan peruntukan yang banyak untuk memastikan bahawa negara kita bebas dan bersih daripada penagihan dadah ini.

Penagih-penagih ini tidak boleh dipersalahkan secara langsung. Yang menjadi penagih ini ada juga yang terpelajar, ada *superstar* terlibat, penyanyi-penyanyi, artis, bintang filem, pegawai-pegawai kerajaan, ada juga anggota polis terlibat, guru-guru

dan murid-murid. Pokoknya semua kelompok masyarakat tiba-tiba menjadi penagih. Kenapa mereka menjadi penagih dengan begitu mudah? Persoalannya kerana benda ini – dadah ini mudah diperolehi di dalam negara kita secara *black market* ataupun jualan secara “pintu belakang”.

Jadi, ini harus dikenal pasti bukan sahaja oleh agensi dadah itu nanti tetapi oleh semua pihak. Ini bermakna kerajaan perlu menyalurkan kewangan yang begitu banyak sebab saya percaya ADK di daerah-daerah tidak berfungsi secara langsung. Mereka tidak ada peruntukan khusus. Mereka hanya mencari apabila mereka sibuk, apabila ada mesyuarat tahunan di peringkat daerah, di peringkat kawasan dan di peringkat nasional. Itu sahaja kesibukan yang ada sebab pada saya dadah ini perlu kita perangi.

Baru-baru ini di daerah Kinabatangan, daerah terpencil, seharusnya tidak ada aktiviti negatif seumpama ini tetapi masalah yang kita hadapi, pelajar-pelajar di sana, mereka menjadi penagih dadah jenis syabu ini. Ini amat membimbangkan apabila pelajar tingkatan satu, tingkatan tiga, diperiksa air kencing, mereka positif menagih dadah.

Jadi, ini merupakan satu fenomena yang tidak berlaku 10 tahun yang lalu di sekolah-sekolah. Rata-rata penagih-penagih dahulu di kota raya, di bandaraya Kuala Lumpur misalnya, tetapi dalam dunia globalisasi seumpama hari ini, memang benarlah tidak ada dunia tanpa sempadan ini, di mana-mana pun rakyat Malaysia, mereka menjadi penagih dadah ini.

Oleh kerana itu, saya percaya dan saya ingin meminta kerajaan mengatur langkah-langkah yang lebih drastik dan secara menyeluruh untuk menyekat kemasukan dadah ke negara ini. Penguatkuasaan juga harus mencari pintu-pintu masuk yang dikenal pasti, hendaklah memperketatkan sekatan di lautan. Kalau di Sabah memang kita terdedah dengan sempadan-sempadan lautan Filipina, Indonesia dan sebagainya, jadi ini harus diperketatkan.

Soal kewangan, saya tidak mahu dengar lagilah, kita tidak cukup peruntukan untuk menangani pengedar-pengedar dadah ini. Sebab, kalau inilah yang menjadi halangan yang merantai keupayaan kita, yang menyekat keupayaan kerajaan, saya percaya dalam kehairahan kita untuk melihat negara kita maju menjelang 2020 negara kita akan dipelopori oleh belia-belia, oleh masyarakat yang lemah longlai, yang

tidak bermaya, yang tidak ada minda untuk memperkayakan, memperkasakan negara kita tetapi masyarakat kita rata-rata menjadi penagih dadah.

Penagih-penagih dadah ini juga tidak ada seperti yang saya katakan pada awal-awal tadi, tidak ada had limit keluarganya. Ada yang terdiri daripada anak orang kaya raya. Anak kaya raya ini mereka pula menjadi bos, mereka *sponsor* kepada rakan-rakan yang tidak berkemampuan. Ini realiti, cuma saya tidak mahu sebutlah, siapa-siapa keluarga yang terlibat tetapi saya tahu. Mereka menghantar anak-anak mereka ke luar negara dengan harapan mendapat ilmu pendidikan yang lebih, *advance* tetapi balik ke negara kita, mereka menjadi *kingpin*, iaitu pengedar secara kecil-kecilan tetapi di kalangan kumpulan-kumpulan mereka.

Ada! Ada juga yang terdiri daripada pemegang-pemegang jawatan, anak-anak mereka terlibat dalam aktiviti negatif seumpama ini. Jadi, ini pada saya harus menyedarkan kita dan menyedarkan kerajaan, juga kementerian yang bertanggungjawab supaya kalau boleh mengangkat masalah ini ke mesyuarat *post-Cabinet*, contohnya, untuk dibincang bagaimana pencegahan yang lebih berkesan. Bukan memperketatkan undang-undang semata-mata.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya berminat apabila Yang Berhormat bagi Kinabatangan menyebut belia dan remaja sebentar tadi. Kita juga maklum tentang angka penagih dadah di negara kita ini telah mencecah 1% daripada bilangan penduduk di negara kita, iaitu lebih kurang 250,000 orang.

Kita juga maklum bahawa setiap penagih dadah ini mempunyai rangkaian seramai 4 orang di sekelilingnya, dan ini akan membawa kepada jumlah 1 juta orang di negara kita yang 90% daripada penagih ini telah dikenal pasti adalah di kalangan remaja dan belia yang bakal mewarisi negara di masa hadapan.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan, daripada hujah yang akhir Yang Berhormat bagi Kinabatangan menyebut tadi adalah tentang faktor pendidikan dan pencegahan. Jadi, adakah apa yang telah diasaskan oleh kerajaan antaranya adalah mengenalkan sistem *enforcement*, penguatkuasaan yang begitu ketat. Umpamanya, memperkenalkan hukuman mati mandatori kepada pengedar-pengedar dadah di negara kita dan pelaksanaan undang-undang itu pun telah dilihat begitu berkesan

dijalankan di negara kita bukan sahaja di kalangan pengedar-pengedar dalam negeri bahkan pengedar-pengedar dari luar negara.

Pernah suatu ketika dahulu pengedar dari Australia dihukum mati oleh undang-undang negara kita dan keberkesanan dan kecekapan kepada pelaksanaan hukum ini seolah-olah tidak mendatangkan kesan apabila terdapat ramai lagi penagih-penagih yang telah dikenal pasti di negara kita.

Jadi, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya ingin mohon penjelasan, kenapakah atau adakah pihak Yang Berhormat bersetuju dengan saya jika saya katakan pendekatan yang telah digunakan oleh kerajaan kita, yang telah saya sebutkan dahulu iaitu 3E ini, dari segi *educationnya*, *engineeringnya* dan juga *enforcementnya* ini tidak benar-benar dihayati dan dihargai oleh pengguna-pengguna ataupun penyalah-penyalah guna dadah ini, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Persoalan yang kita hadapi iaitu seperti awal-awal saya katakan, penguatkuasaan semata-mata, hukuman semata-mata tidak boleh menjamin bahawa negara kita bebas daripada pengedaran dadah. Memang jelas hukuman mati mandatori sama ada pengedarkah, penyimpankah dan sebagainya, ada had limitnya, hukumannya mati.

Tetapi dengan akta, dan undang-undang tersebut pasti menunjukkan bertambah pula penagih-penagih dadah. Jadi, kalau ini menggerunkan saya percaya tidak akan ada lagi dadah berlambak dalam negara kita. Kalau kita kata tidak ada, kenapa penagih bertambah. Jadi, kerajaan perlu cari penyelesaiannya, perlu cari jawapannya. Apakah dengan melantik *enforcement* dari EDK ini boleh mengakhiri masalah kita ini? Kalau inilah jawapannya, saya ingat tidak payah bahas, kita sokong ini Akta, kita mahu tengok dalam enam bulan, adakah penagih baru ataupun tidak?

Tetapi kalau bukan ini jalan penyelesaiannya, bermakna kerajaan kena mencari satu langkah yang lebih pro-aktif iaitu kena menggunakan detektif-detektif kita, menyelidik siapa sebenarnya *kingpin* ini, siapa raja dadah ini? Ini perlu dicari, sebab mesti ada pengedar tertentu. Dia merupakan satu sindiket yang besar, sebab dadah ini kalau dia edar sekali dalam *volume*, dalam kuantiti yang banyak, dia sudah jadi jutawan. Dia lempar sekali, *goodbye*, dia bilang, yang kena yang di bawah. Ada lagi pengedar baru yang akan datang. Dia jadi jutawan. Dia tinggal, ada lagi orang baru datang.

Jadi, mereka yang cepat kaya, lempar satu kali 100% tetap kaya punya, RM4 juta, RM5 juta dalam kocek sudah. Kemudian, dia jadi peniaga. Dia masuk politik, dia masuk ini. Dia jadi orang bersih. Ini masalah dan ini berlaku. Jadi, kerajaan harus prihatin. Saya sebetulnya malas hendak bercakap soal dadah ini, sebab saya nampak penguatkuasaan kita longgar, tidak ada komitmen secara langsung. Saya mahu apabila ada di bandar, mereka yang kita syaki, tahan, tahan, periksa air kencing, pedulilah siapa dia, tahan. Ini kita *suspect*.

Tetapi kalau di Sabah yang polis sudah tahu pun sudah penagih, tidak tengok dia, tidak tahulah apa hendak buat. Hah! Ini masalah, ini masalah kita. Ini masalah dan saya percaya walaupun dia punya Menteri tidak ada tetapi dia punya Setiausaha Parlimen ada di sini. Saya harap mengambil perhatian.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

Tuan Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Dadah ini musuh luar biasa. Kita tidak boleh letih dan kita tidak boleh bertindak secara biasa. Tadi Yang Berhormat bagi Kinabatangan ada menyatakan bahawa salah guna dadah ini melibatkan semua peringkat masyarakat termasuk pelajar sekolah.

Di peringkat pertama ini saya cuma hendak bertanya, oleh kerana mereka itu pelajar sekolah, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan apabila mereka pelajar sekolah, maka ibu bapa mereka kita kenakan satu bentuk dendaan untuk memastikan bahawa ibu bapa kerana masa pelajar ini banyak di luar sekolah dan biasanya mereka terlibat dalam salah guna dadah ini sebenarnya waktu di luar sekolah. Dia tidak di dalam sekolah.

Oleh kerana itu saya ingin mengulang, apa pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan agar ibu bapa yang anaknya disahkan positif terlibat mengambil dadah ini supaya diambil suatu tindakan dan apa cadangan tindakan itu? Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya pun sebetulnya secara peribadi saya bersetuju, tetapi mungkin membebankan kerajaan. Tidak cukup pula kita punya lokap-lokap untuk menyimpan ibu bapa [Ketawa] kerana lokap-lokap kita atau pusat serenti kita cuma untuk penagih dan kita juga percaya bahawa kegiatan ini berlaku di luar sekolah ataupun semasa persekolahan.

Sekarang ini, di sekolah ini saya dapat makluman daripada polis bahawa pengedar-pengedar dadah ini, mereka bukan terdiri daripada penagih. Apabila diperiksa pun, mereka pun tidak akan positif. Sebab itulah antara lain, mereka punya doktrin atau pendidikan bahawa pengedar-pengedar ini tidak dibenarkan menjadi penagih. Mereka memberi kepada orang, menjual kepada orang, tetapi mereka sendiri bukan penagih.

Jadi, memang sukar untuk diatasi bagaimana secara keseluruhan, tetapi saya percaya kerajaan harus memikirkan sebab dadah ini, dahulu musuh utama kita ialah komunis dan kerajaan perang habis-habisan dan secara besar-besaran sehingga ada banyak pegawai keselamatan kita terkorban. Kenapa pula dadah ini kita tidak boleh perang? Kalau perlukan tentera, gunakanlah tentera. Kita punya tentera pun dalam keadaan aman, tidak ada berperang, jadi gunakan kekuatan tentera yang ada ini, simpan di pos-pos atau di pintu-pintu masuk atau di border-border kita, kenapa kalau 10 platoon tentera kita di sana berkawal. Ada sahaja bot-bot melintas, periksa. Ada kereta, periksa. Baru kita percaya bahawa ini memerangi secara total.

Tetapi kalau disimpan 20 orang satu bulan, ganti 20 orang, saya tengok tidak ada kesungguhan langsung. Alasan peralatan tidak mencukupi dan sebagainya. Saya pun tidak tahulah. Kalau di Sabah, kita dapat maklumat....

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Maran, Maran.

Datuk Bung Moktar bin Radin:kita tanya, dia kata penyeludup ini ada bot yang boleh menyusup ke sungai-sungai kecil...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya ingin bertanya sedikit dan minta pandangan Yang Berhormat.

Seperti yang saya tahu bahawa sebelum ini terdapat beberapa agensi yang telah melaksanakan tugas dalam membasmi masalah dadah. Ini termasuklah daripada Jabatan Polis, Pasukan Anti Dadah, Bahagian Pemulihan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Penerangan dan juga Jabatan Penjara, bahkan beberapa agensi lain yang terlibat dalam Jawatankuasa Keselamatan Negeri di peringkat negeri dan Jawatankuasa Peringkat Daerah seperti Jabatan Penerangan dan jabatan-jabatan

lain yang telah menjalankan tanggungjawab bagi membasmi dadah ini. Apakah dengan penubuhan Agensi Dadah Kebangsaan ini bermakna?

Dan satu lagi, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, antara agensi lain yang terlibat ialah tentera. Tentera juga terlibat dalam Jawatankuasa Anti Dadah peringkat kebangsaan atau negeri ini. Apakah dengan penubuhan Agensi Dadah Kebangsaan ini bermakna segala kerja penguatkuasaan yang dijalankan oleh agensi-agensi yang saya sebutkan tadi telah gagal sehingga menyebabkan pihak kerajaan terpaksa menubuhkan satu agensi lain khusus untuk membasmi masalah dadah ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya pun sependapat dengan Yang Berhormat, tetapi tidak jugalah boleh kita katakan gagal secara langsung, tetapi inti pati dia di mana mungkin keseriusan kerajaan itu telah membawa kita ke hari ini untuk melipatgandakan lagi penguatkuasaan untuk memastikan bahawa penagihan-penagihan dadah di negara kita ini dapat dibendung. Tetapi awal-awal lagi saya telah katakan bahawa dengan undang-undang, penambahan undang-undang, dengan penambahan kuat kuasa, saya tidak percaya perkara ini akan dapat membendung masalah ini, melainkan kerajaan betul-betul memperhebatkan sekatan di sempadan-sempadan.

Ini ya sebab di Sabah, kita punya sempadan lautan ada tentera, ada polis marin, ada kastam, boleh juga landing dadah di Sandakan dan di Kota Kinabalu. Saya sendiri kalau saya tanya pihak polis ada sangsi sedikit dengan sayalah seolah-olah kita menuduh mereka tidak bekerja, tetapi realitinya kalau sekatan itu padat, tidak akan ada dadah jenis Syabu ini landing di negara kita. Bukan dia boleh naik ke udara, kapal terbang, airport disekat, jalan raya disekat. Jadi, cubalah kerajaan berfikir secara bijaksana untuk mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi sebab dadah ini merosakkan imej negara kita.

Kita lihat bangunan-bangunan lama di mana sahaja, di Semenanjung, di Sabah, bangunan-bangunan lama menjadi sarang penagih-penagih dadah baru. Dahulu kalau di Kelantan kita nampak dalam 999, dalam belukar, dalam hutan, tetapi sekarang dalam bangunan-bangunan lama yang kosong. Manakala pusat membeli-belah menjadi tempat lepak oleh remaja-remaja ini yang cenderung ke arah penagihan dadah. Ini pun satu gejala masalah.

Kenapa kementerian tidak berpakat – Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Dalam Negeri dan macam-macam kementerian berpakat dan bersatu hati selidiki tempat-tempat yang menjadi punca ke arah mendorongnya remaja-remaja ini menjadi penagih. Tidak ada lain, tidak bukan memang tempat membeli-belah itulah pusat dia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Penampang.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Silakan.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Setujukah Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa di negara kita ini sesetengah night club ataupun karaoke lounge diwujudkan oleh individu-individu dengan niat, dengan izin, with profit minded untuk menjadikan tempat itu sebagai tempat pengedaran dadah dan pengawalan dari polis atau pihak enforcement kita terhadap masalah ini tidak mencukupi, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Secara peribadi, Yang Berhormat, saya tidak ada pengalaman, tetapi saya mendengar daripada rungutan-rungutan khususnya bagi mereka yang suka berkunjung ke tempat-tempat ini, memang berlaku transaction bukan sahaja dadah, tetapi juga pil-pil khayal dan sebagainya sehingga ada yang kita lihat kalau dia kata dia pergi ke disko, dia kata kita lihat ada ramai yang menari non-stop, dua jam dia menari sahaja, dia tidak boleh berhenti. Saya tanya, "Kalau dia berhenti?". "Kalau dia berhenti, dia akan pengsan", dia kata. So, dia kena on the floor terus dalam masa satu, dua jam itu.

Jadi, ini kita meminta supaya lesen-lesen ini dikaji. Saya tidak percaya pihak penguat kuasa tidak ada maklumat. Saya tidak percaya kalau mereka tidak ada sumber yang dapat tahu gejala negatif seumpama ini berlaku di premis-premis perniagaan seumpama ini sebab kalau kita orang awam pun boleh tahu, apa lagi pihak perisik. Jadi, saya percaya mereka ada maklumat, cuma mungkin mereka tidak ada hasrat untuk menyalurkan maklumat itu dan membuat enforcement sehingga tertangkapnya atau tertutupnya pusat-pusat karaoke dan kelab-kelab malam ini, sebab ini sudah lama menjadi isu.

Jadi, mintalah kementerian yang bertanggungjawab ini tolonglah maklumkan kepada agensi-agensi berkenaan jangan kita hanya ada undang-undang. Undang-

undang gantung mati atau bunuh ini sudah cukup, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak juga menggerunkan pengedar.

Belum ada dalam sejarah saya nampak *Kingpin* dia tertangkap, yang tertangkap dia punya macai-macai, dia punya belaci, yang dia punya *king dealer* tidak pernah, konco-konconya ya. Saya tidak tahulah kenapa tidak boleh kesan dia punya *king dealer* ini, yang terlampau bermaharajalela ini. Saya pun tidak tahu siapa dia, tetapi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Jasin bangun

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya dari Kinabatangan. Ini berkenaan dengan dadah yang kita bincangkan hari ini, yang sebenarnya kita kena harus menerima hakikat bahawa keadaan kita pada hari ini memang teruk. Sebagaimana yang disebut oleh sahabat saya dari Kinabatangan tadi kalau dahulu soal dadah ini kebanyakan di bandar-bandar, tetapi sekarang ini sudah berleluasa sehingga ke luar bandar. Dan yang paling teruk sekarang ini ialah di luar bandar sebenarnya.

Kita lihat, sekarang telah banyak agensi diwujudkan, Polis ada, Kastam ada, Bahagian Formasi ada dan kita masih lagi tidak dapat menyelesaikan masalah yang kita hadapi ini. Jadi bersetujukah Yang Berhormat, dengan penubuhan jawatankuasa ataupun Agensi Antidadah ini, kita minta supaya dengan adanya agensi yang baru ini, agensi yang sedia ada itu harus memperlipat gandakan, dan agensi ini bertindak sebagai *watchdog* kepada agensi-agensi yang ada ini selain daripada membuat kerja-kerja macam *secret agent* kata orang, ataupun memperkuatkan kerja-kerja risikan.

Kerana memang sudah perkuatkan soal sempadan kita, kita tahu dadah datang dari mana? *Golden Triangle* duduk di mana? Dan bagaimana benda itu datang ke negara kita, tetapi penguatkuasaan kita ini pernah atau tidak kita periksa tong-tong ikan ini? Mungkin daripada tong ikan yang masuk dari sempadan kita. Kita pakai anjing kata dia tong ikan bau ikan anjing tidak dapat hidu dadah, hidu ikan. Ini yang kita pernah, saya telah menyatakan dalam perbincangan dahulu saya minta supaya jalan masuk kita bagaimanapun pintu masuk kita ini harus ada *scanner*.

Kalau saya cakap orang kata macam saya ada pengalaman. Ini pun kacau juga, tetapi kita boleh berfikir. Kita kuatkuasakan macam-macam agensi. Kita letak

dekat sempadan, dia masuk juga. Ada juga kita lihat, kalau kita tengok dalam TV dan juga wayang gambar, kita lihat bagaimana cara dia bergerak. Dan ini kita harus cemburu, yang menjadi masalah dia sekarang ini puak penguat kuasa kita, saya tak berani cakap mungkin Setiausaha Parlimen ini tahu yang saya ini orang duduk pelabuhan.

Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai penguat kuasa ini kita selesaikan atas kedai kopi sahaja. Soal cemburu, soal apa tak timbul. Tetapi harus ada sekarang ini dengan adanya tertubuh Agensi Antidadah yang perlu belanja yang banyak ini, kita minta dia lebih lagi menyiasatnya. Kita harus cemburu terhadap kegiatan mereka ini. Dan bagaimana yang disebut oleh sahabat saya tadi Ahli Yang Berhormat bari Kinabatangan, saya ini pun tahu juga satu dua orang kalau pihak Setiausaha Parlimen duduk di kedai kopi saya akan ceritakan, kerana ramai sudah kaya macam kata sahabat saya dari Kinabatangan dia kena satu kali, dua kali sudah dapat, dia sudah kaya raya, hari ini dia sudah 'Dato'. Dan ada juga ada separuh itu *family* ini kaya yang ada di negara kita, dia pandai ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat , Yang Berhormat bagi Jasin.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sampai sekarang belum ada soalan yang keluar. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini kalau setuju, soalan saya kalau bersetuju, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah..

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Belum habis lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada soalankah?

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Ada di antara mereka ini, yang sudah kaya raya, apabila membuat kerja dadah ini, tertangkap bapa dia masuk ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak berucap nanti boleh diberi peluanglah.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Hah, ini kalau setuju, baru setakat setuju sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi saya minta sahabat saya dari Kinabatangan setuju ataupun tidak, kita minta supaya agensi dadah ini jangan sebut oleh kerana dia sudah ada pangkat, kejam-kejam dia tunjuk kat orang begini-begini, yang penting dia kena serius dengan kerja-kerja yang kita hadapi ini kalau tidak ada besok negara kita ini akan hancur. 1 % sekarang daripada *population* kita yang pada hari ini menagih dadah. Dan benda ini setiap bulan, setiap hari bertambah dengan adanya penagih-penagih yang baru.

Apa akan jadi Tuan Yang di-Pertua, besok Ahli Parlimen pun penagih dadah. Setuju atau tidak Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: 100% setuju. Sebab kita melihat memang musuh utama negara dadah. Apabila menjadi musuh utama bermakna ancaman keselamatan kepada negara kita. Saya sehingga hari ini bertanya-tanya, betulkah dadah ini musuh utama? Sebab seolah-olah tidak ada *enforcement* yang begitu nampak, yang begitu ketara sekali. Kita seolah-olah sambil lewa mengharapkan agensi ini, agensi itu, itu ya, tidak ada gerakan yang menyeluruh seperti saya katakan kalau betul, saya bukan mencabar, saya bertanya kerajaan betulkah dadah ini musuh utama? Kalau betul, kita gunakan tentera apa jua kekuatan yang ada

Seorang Ahli: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: untuk memerangi dadah ini sebab dia musuh utama kita. Kenapa harus dibiarkan musuh ini menyerang kita? Apakah kita harus bertahan ataupun kita akan menyerang musuh-musuh yang kita tahu ini? Macam komunis, dahulu kita tahu musuh utama, kita gunakan segala ketenteraan yang ada, polis, orang awam dan sebagainya.

Tetapi kenapa dadah ini musuh utama, kita tidak menjadikan satu pasukan yang betul-betul ada *solidarity* yang ada kesungguhan. Saya bukan memperlekeh undang-undang baru, penguatkuasaan yang baru. Tetapi percayalah kalau ini sahaja usaha kita, setakat di sini, tidak akan ada kejayaan untuk negara kita pada masa akan datang dan dadah ini akan terus menjadi ancaman, akan terus menyekat kemakmuran rakyat dan negara kita.

Oleh kerana itu saya meminta kerajaan, yang terakhir, saya meminta kerajaan agar lebih serius, agar lebih prihatin, agar lebih memfokus dadah ini musuh utama, maka kita perang musuh utama ini secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mertajam

3.33 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah penyalahgunaan dadah adalah serius di negara kita. Mengikut *The Asian Harm Reduction Network*, dengan izin, "*The data from National Drug Agency indicates that the average number of new drug users per month is 1,154*", ini adalah pada tahun 1996. Itu bermaksud setiap hari ada 38 penagih yang baru ataupun 38 orang *new user* dan telah ditangkap setakat ini ialah 26,000 orang yang menyalahgunakan dadah. Tetapi kalau termasuk mereka yang tidak ditangkap, ia adalah lebih kurang 100,000 orang. Ini merupakan satu angka yang sangat besar.

Saya memang mengalu-alukan rang undang-undang ini yang berniat untuk mengatasi masalah ini. Tetapi saya rasa seperti yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa seolah-olahnya ada kegagalan dalam segi usaha yang sekian lama ini. Jadi saya memohon, supaya kementerian memberi satu laporan kepada Dewan ini mengenai apakah sebabnya usaha pihak kementerian ataupun kerajaan telah gagal dalam bidang ini.

Kita selalu mengatakan bahawa dadah ini adalah musuh utama negara ini. Dan saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan walaupun saya banyak yang tidak bersetuju dengan dia dalam perkara yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kali ini bersetujulah?

Puan Chong Eng: Kali ini saya bersetuju dengan beliau bahawa adalah perlunya lebih usaha, lebih gigih dan menunjukkan bahawa negara ini ataupun Kerajaan Barisan Nasional boleh membanteras masalah penyalahgunaan dadah ini. Ini menunjukkan tidak boleh. Sudah gagal ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu minta laluan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Yang Berhormat ada menyebut sebentar tadi mengenai berbagai-bagai cara diusahakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah ini. Saya lihat kita berhadapan dengan satu masalah dan dalam teori yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebentar tadi ialah mencari satu cara yang inovatif atau kreatif bagaimana kita boleh menukarkan masalah ini, *problem* ini kepada *opportunity*, masalah ini kepada peluang.

Jadi adakah kemungkinan, ini saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, kemungkinan kita menjadikan masalah di hadapan kita ini masalah penyalahgunaan dadah di negara kita ini kepada peluang bagaimana caranya kalau kita menghalalkan penggunaan dadah seperti yang dilakukan di Australia di mana dadah ini dijual di pasaran secara terbuka dan kerajaan dapat mengawal bilangan penagih dan menunjukkan kesan bahawa bilangan penagih sebelum dadah dihalalkan banyak, selepas dadah dihalalkan berkurangan. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Pandangan itu mungkin kementerian atau kerajaan Yang Berhormat Tangga Batu boleh

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya minta pandangan.

Puan Chong Eng:teliti. Yang Berhormat adalah sebahagian kerajaan, jadi bolehlah tujukan kepada Menteri. Tapi saya rasa di Sweden pun telah menggunakan cara yang sama pada 1960-an tapi mereka mendapati bahawa cara ini tidak mendatangkan faedah dengan *contravene*, dengan izin, bahawa bilangan menyalahgunakan dadah telah meningkat.

Jadi mereka sekarang menggunakan pendekatan seperti Malaysia bahawa pasukan penguatkuasaan mempunyai kuasa untuk menjalankan *urine test*. Jadi ini mungkin kementerian boleh juga meneliti ataupun mengadakan satu perbincangan supaya menentukan sama ada ia sesuai untuk negara ini walaupun ia dikatakan telah berkesan di Australia.

Tapi masyarakat kita bukan sama dengan Australia. Kita perlu mengkajinya. Tapi saya rasa terlebih dahulu kita perlu adakan satu laporan mengapa usaha-usaha sekian lama ini telah gagal. Apakah sebabnya? Jadi saya rasa Yang Berhormat bagi Kinabatangan tidak mahu berkata dengan berterus-terang bahawa mungkin kerana ada masalah rasuah di dalam penguatkuasaan. Kalau tidak mengapa semua orang tahu siapa penagih dadah tapi polis tidak tahu. Kalau dapat mengesan mereka yang memberi dadah ini tentulah dapat mengesan siapa yang menjualnya dan siapa pengedarnya.

Jadi salah satu *priority* yang kita perlu, *we must set the priority* iaitu pihak penguatkuasaan mesti tahu siapa *key player* di dalam bidang ini. Kadang-kadang saya rasa mereka tahu tapi hanya tidak ambil tindakan kerana apabila mereka hendak

ambil tindakan, mereka dapat tangkap juga kalau mereka hendak. Jadi saya rasa adalah kita perlu adakan *priority*, di mana *priority* kita.

Pada 26 Januari 2003, ini ialah *news NST Online*. Perdana Menteri sekarang iaitu pada waktu itu ialah Timbalan Perdana Menteri beliau berkata dengan izin, *Deputy Prime Minister* Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi *says today that something was really wrong with the existing system and 70% of addicts succumb to the law of dadah. That's mean* dia berkata bahawa 70% penagih dadah yang menjalani rawatan itu mereka kembali kepada dadah.

Jadi, *what has went wrong?* Jadi kita perlu tahu apakah puncanya, apakah sebabnya kita telah gagal dalam sistem ini barulah kita boleh mengubah cara kita supaya lebih berkesan. Dia kata, dengan izin, *this is very serious and there must be something wrong with our system in handling the problem. We must say out what is wrong.* Jadi adakah kita telah *say out what is wrong*. Kalau kita tidak tahu apa yang tidak betul macam mana kita hendak betulkan.

Jadi saya memohon satu laporan daripada kementerian yang bertanggungjawab supaya memberi satu laporan kepada Dewan ini, *what is wrong?* Kalau tidak tahu *what is wrong* macam mana hendak betulkan. Dia katakan lagi, *he said, dengan izin the program would include the police who could have to re-look ways to curb dadah from entering the country.* Macam mana dadah ini masuk ke dalam negara ini. Adakah pihak polis telah menjalankan kajian semula. Apakah sebabnya, mengapa tidak dapat menahan dadah ini masuk ke negara ini.

Jadi saya minta pihak polis juga memberi laporan kepada Dewan ini apakah sebabnya. Kalau terus masuk ke dalam negara ini, apakah sebabnya dan mengapa pihak *the king drug pushers* jarang ditangkap, apakah sebabnya? Adakah mereka lebih handal daripada pihak polis? Kalau mereka lebih handal daripada pihak polis mungkin kita mesti belanja supaya polis kita diberi latihan dan kita mesti *recruit people* yang lebih berkeelayakan dan berkebolehan untuk menjadi polis supaya kita boleh lawan musuh yang utama negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan dadah ini menjadi satu masalah kerana bukan sahaja dia mengancam keselamatan, mengancam kesihatan penagih itu sendiri tetapi dia boleh membawa banyak masalah sosial seperti yang dikatakan oleh pihak polis ada beberapa percakapan dari pihak polis mengatakan bahawa penagih dadah telah bertanggungjawab kepada sebanyak 40% sehingga 60% jenayah di dalam

negara ini. Ada satu lagi aspek yang merisaukan iaitu penggunaan dadah dengan *injection*, dengan suntikan itu dan penyebaran HIV, penyakit AIDS.

Dalam laporan *The Asian Harm Reduction Network*, dengan izin, dia kata: *in 1994 it was estimated that 50% of drug users use heroin of which 15% to 20%* dengan cara suntikan dan mereka mendapati bahawa lebih kurang 50% mereka yang menyalahgunakan dadah ini menggunakan suntikan, *50% of them share a needle*, dia kongsi jarum. Kalau mereka kongsi jarum adalah berbahaya kerana kalau ada HIV mereka akan merebak di dalam kalangan ini.

Pada tahun 1992, ada satu kajian bahawa, mereka membuat kajian di dalam *Drug Rehabilitation Center* dan setinggi 79% mereka yang dikatakan IDU – *Intravenous Drug User*, berkongsi jarum dan mereka mendapati bahawa dari tahun 1996 sampai tahun 1999, dengan izin, *there were 9,091 HIV infections of which, of whom 4,769* iaitu setinggi 78.3%, *were IDU* iaitu *Intravenous Drug User*. *As of June 1997, the cumulative total of known HIV infected people were 21,863 of whom 16,695 or 76.4% are IDU..* Sekarang, di dalam *Drug Rehab Center*, telah membuat ujian HIV ke atas mereka yang dihantar ke sana dan didapati lebih kurang 30% ke 40% *new inmate* yang dijangkiti HIV. Jadi kalau kita katakan ada lebih kurang 100,000 orang yang menyalahgunakan dadah dan kalau separuhnya ialah menggunakan suntikan dan separuhnya ialah lebih kurang 50,000, 30% of 50,000 ialah berapa? Jadi ini menjadi satu angka yang sangat besar dan akan menjadikan satu masalah yang sangat besar kepada negara kita bukan sahaja kos rawatan dan juga kos kemasyarakatan, *social cost*.

Jadi saya berpendapat bahawa kita tidak dapat menangani masalah penyalahgunaan dadah ini dengan undang-undang. Jadi saya ingin mencadangkan bahawa kita juga melihat dari sudut kemasyarakatan dan juga kesihatan semata-mata daripada *enforcement*, saya rasa kita telah gagal sejak sekian lama ini. Di banyak negara yang lain, bahawa masalah penyalahgunaan dadah ini dipandang sebagai masalah kesihatan dan juga masalah kemasyarakatan, *a social ill*.

Saya berpendapat bahawa kita perlu mengkaji balik pendekatan yang kita guna sekarang. Kita selalunya menggunakan alasan bahawa mengesyaki seseorang itu adalah penagih dadah dan menahan dia. Apakah gunanya untuk menahan mereka kalau bukan untuk merawat mereka? Saya rasa kita menahan mereka dan memaksa mereka menjalani rawatan hanya sekiranya mereka telah *break the law*, telah

melanggar undang-undang. Bukan semua penagih dadah atau bukan semua orang yang menyalah guna dadah itu adalah penagih. Ada mereka yang hanya menggunakan dadah pada *weekend* sahaja. *Yes, only on weekend*. Itu digunakan *the recreational drug users*.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Nampaknya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ini sedang menyampaikan hujah-hujah sampai ke peringkat yang mengelirukan saya. Macam mana Yang Berhormat boleh bezakan antara *recreational drug user* dengan *drug abuser* ini? Dia digunakan secara mingguan dan harian? Dalam undang-undang negara kita ini, apabila kita membawa dadah, tidak kira dalam berapa had pun, kita telah melanggar undang-undang kerana pemilikan dadah ini adalah *against the act, the law*?

Puan Chong Eng: [*Ketawa*] *I understand*, saya faham.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Jadi macam mana Yang Berhormat kata, bila kita pakai, kita tidak langgar undang-undang. Bila melanggar undang-undang, kena tangkap, baru dibawa masuk ke pusat rawatan. Bila *check urine* positif, bawa masuk ke pusat rawatan, pusat pemulihan.

Puan Chong Eng: Okay, terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Undang-undang kita yang buat. Kalau kita katakan bahawa salah guna dadah itu adalah salah dari segi undang-undang, jadi dia salah. Kalau seperti tadi yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu, kita tidak salah, kita mencari *crisis* ini sebagai satu peluang seperti di Australia. Jadi itu tidak mengelirukan, *not all the drug abusers are drug addicts*, mereka tidak ketagih, mereka hanya *abuse*, salah guna sahaja seperti *amphetamine*, ini adalah *soft drugs*. Mereka tidak perlu ambil tiap-tiap hari, bukan seperti *heroine*, *heroine* adalah *hard drugs* dan kalau dia sudah ketagih kepada heroine, dia mesti ambil, kalau tidak, dia ada *withdraw syndromes*.

Jadi *the recreational drug user*, dia mungkin gunakan *amphetamine* kadang-kadang sahaja, bukan setiap hari kerana ia mengancam dan menjejaskan kesihatan mereka sendiri, tetapi mereka mampu membelinya tanpa melanggar undang-undang. Mereka tidak mencuri, mereka tidak mencederakan orang lain. Jadi kalau orang seperti ini, mereka adalah memberi masalah kepada diri sendiri, tetapi kalau penagih

dadah yang tidak mampu membayar untuk *behaviour* dia, kalau dia perlu mencuri dan merompak, itu yang menjadi masalah dan mengancam keselamatan kepada masyarakat. Jadi dia perlu ditahan dan dihukum. Tetapi adalah baik kita merawat semua tetapi pada realitinya kita tidak mempunyai kemudahan yang secukupnya seperti kita tidak mempunyai pusat rawatan yang cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Putatan bangun.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dengan *lecture-lecture*, tidak perlulah kita dengar lagi *lecture* seperti itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada soalankah?

Puan Chong Eng: Cepat, cakaplah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ya, Tuan Yang di-Pertua, ini ada satu soalan sahaja. Ini soal kepercayaan dan keyakinan pihak berkuasa kita. Saya tidak percaya pihak perisik ataupun pihak penguat kuasa kita tidak tahu di mana asal usulnya najis-najis dadah ini.

Kedua, saya juga tidak percaya bahawa pihak perisikan kita yang paling profesional adalah *sub-standard*, sampai tidak tahu siapa pengedar utama atau *the kingpin* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga tidak percaya bahawa pihak penguat kuasa kita tidak tahu bagaimana *modus operandi* pengedar-pengedar dadah ini.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, apa soalnya?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Saya juga tidak percaya bahawa pihak penguat kuasa kita tidak boleh tangkap pengedar-pengedar utama ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi bersetujukah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bahawa yang sebenarnya penguat kuasa kita adalah lebih cerdik dan lebih pandai melalui latihan profesional mereka itu daripada pengedar-pengedar yang mungkin tidak ada latihan secara profesional. Bagaimanakah pendapat Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam? Jangan bagi *lecture*lah.

Puan Chong Eng: Yang Berhormat bagi Putatan, apa Yang Berhormat percaya, Yang Berhormat boleh percaya tetapi pandangan ramai bukan seperti Yang

Berhormat. Yang Berhormat bagi Kinabatangan sendiri berkata bahawa seolah-olahnya penguatkuasaan ada masalah dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun mengatakan bahawa sistem kita ada masalah, tetapi Yang Berhormat ini tidak mempunyai pandangan yang sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beliau sendiri.

Kalau mereka adalah handal, pandai, jadi tangkaplah, biarlah kita semua melihat siapakah *king pusher* itu, tangkaplah seberapa ramai dan tunjukkan kepada kita semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan sedikit. Oleh kerana perniagaan dadah ini adalah suatu perniagaan yang lumayan. Adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa jikalau ganjaran yang diberi untuk maklumat-maklumat berkenaan dengan dadah, bukan sahaja kepada orang awam tetapi juga kepada kakitangan kerajaan termasuk polis akan mengurangkan lagi aktiviti dadah. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Saya kurang dengar apa soalan itu? Bolehkah Yang Berhormat cakap sekali lagi? *[Ketawa]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat, tadi saya mengatakan bahawa oleh kerana perniagaan dadah ini memang lumayan, fasal tahulah yang di dalam disk, dia beli ubat atau dadah, heroin semuanya mahal. Jadi, oleh kerana ini adalah satu perniagaan yang lumayan dan ada banyak pihak yang menyalahkan pihak berkuasa yang mengatakan mereka ini rasuah dan sebagainya.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa untuk mengatasi masalah ini, ganjaran untuk maklumat yang diterima iaitu *reward* bukan sahaja diberi kepada orang awam tetapi jikalau dapat diberi kepada kakitangan kerajaan seperti polis dan kastam yang mana boleh mengurangkan gejala sosial seperti dadah.

Puan Chong Eng: Saya rasa kalau anggota polis ataupun kastam, mereka memang bertanggungjawab untuk memberikan maklumat itu kepada pihak kerajaan. Macam mana hendak memberi ganjaran lagi? Sekiranya begitu itulah menyebabkan bahawa mereka yang mengutip sampah itu meminta bahawa diberi ang pau kerana mereka mengutip sampah. Macam mana diupah, dibayar lagi kerana dia bekerja, kita sudah memberi dia kerja dan tanggungjawabnya ialah bekerja, tetapi setelah dia

bekerja dia mesti diberikan ganjaran lagi. Saya rasa ini secara moralnya tidak betul. Menaikkan gaji dia atau menaikkan pangkat dia, kalau dia ada maklumat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tidak setujulah [*Ketawa*]

Puan Chong Eng: Yang boleh dapat menangkap *drug pusher* ini. Jadi, naikkan pangkat mereka, mana boleh memberi ganjaran lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tangga Batu bangun.

Puan Chong Eng: Ya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Ahli Yang Berhormat bersetuju atau tidak saya katakan, oleh kerana kerajaan kita sedar, kerajaan kita dapat menghargai yang wujudnya masalah tentang pelaksanaan Akta Dadah Berbahaya ini. Maka hari ini kerajaan telah mengambil inisiatif membentangkan rang undang-undang penubuhan Akta Agensi Dadah Kebangsaan ini untuk kita sama-sama perbahaskan dan perbincangkan secara *detail*.

Kerajaan kita memang sedar tentang masalah yang tidak dapat dibendung ini dan membentangkan rang undang-undang ini di Parlimen untuk kita bincangkan bersama.

Puan Chong Eng: Saya rasa apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu mungkin ada kebenarannya tetapi bagi pihak kerajaan sebagai satu badan yang bertanggungjawab untuk menjalankan tugas untuk membanteras gejala sosial ini. Jadi, setakat sedar itu tidak cukup baik, dia mesti menjalankan tugasnya dengan baik. Jadi, adalah baik dia mempunyai rang undang-undang ini, membawa rang undang-undang ini ke Parlimen tetapi berapa banyak rang undang-undang kita boleh adakan, tetapi kalau tidak ada penguatkuasaan yang berkesan, jadi tidak ada gunanya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Bukan kurangnya undang-undang yang kita ada sekarang, bukan masalah undang-undang tetapi ialah masalah penguatkuasaan. Jadi, yang saya lihat di dalam rang undang-undang ini yang ia hendak memberi kuasa kalau pegawai tidak memberi

laporan kepada *public prosecutor*, ia merupakan satu kesalahan. Jadi, saya hendak bertanya adakah ini menjadi satu masalah pada masa sekarang bahawa tidak ada laporan dari pegawai yang ditujukan kepada *public prosecutor* sampai dia tidak dapat menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang sangat saya rasa menghalang usaha kita untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah ialah seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dengan izin, di dalam laporan yang sama di mana beliau berkata, "*Abdullah says, there was a stigma attached to former addicts which society should shape*". Jadi, kita sepatutnya tidak ada stigma memandang rendah kepada penagih, tetapi berdekatan kita selama ini yang kita bukan tuju kepada pengedar dadah. Kita memandang penyalahgunaan dadah itu sebagai jenayah dan itulah sebabnya ia mempunyai satu stigma sosial.

Kita perlu membezakan mereka yang membuat keuntungan yang besar melalui aktiviti pengedaran dadah ini dan golongan inilah perlu dikecam. Mereka yang menyalahgunakan dadah ini, mereka sebenarnya juga adalah mangsa kepada aktiviti ini. Kita seharusnya simpati kepada mereka dan ingin memberi pertolongan untuk mereka mendapatkan rawatan. Itulah saya hendak mencadangkan bahawa kita memberikan keutamaan untuk menghalang dadah dari masuk ke dalam negara ini. Kita menjalankan penguatkuasaan ke atas mereka yang menjual dadah. Tetapi kita perlu melihat penyalahgunaan dadah ini dari segi kesihatan dan juga kemasyarakatan.

Mereka yang menggunakan dadah kalau mereka tidak melanggar undang-undang, mereka tidak seharusnya diheret oleh pihak polis. Polis mempunyai kuasa yang terlalu besar, sampai boleh memberhentikan sesiapa dan menahannya kerana mereka adalah saksinya yang mana dia adalah seorang penagih dadah. Polis selalu membuat serbuan di disko, di karaoke, di tempat-tempat aktiviti hiburan. Saya rasa ini bukan satu pendekatan yang berkesan kerana selepas pihak polis mengesan bahawa di antara 300 orang yang diserbu itu ada lima orang yang positif. Apa hendak buat?

Adakah sudah cukup pusat rawatan untuk mereka, tidak cukup dan rawatan ini sudah didapati bahawa mereka mesti dengan sukarela hendak menjalani rawatan. Kalau mereka dipaksa apabila mereka keluar dari pusat itu mereka akan terus berbalik semula kepada kelakuan yang lama. Itu akan membazirkan wang rakyat, wang negara.

Jadi saya rasa adalah lebih baik kita mendidik generasi muda kita sejak dari *primary school* lagi, sekolah rendah lagi, diulang-ulang di dalam kurikulum supaya mereka faham apa kesannya, kesan buruk dari penyalahgunaan dadah ini dan kita perlu juga lebih menggunakan tenaga semua masyarakat untuk mengesan. Setelah kita mengesan orang yang menyalahgunakan dadah, kita mesti menangani masalah ini. Sekarang di kampung-kampung baru, di estet ada ramai yang menyalahgunakan dadah dan menjadi masalah kepada masyarakat di sana tetapi pihak yang berkuasa tidak dapat berbuat apa-apa dan ini telah menjadi masalah kepada semua.

Jadi saya harap kita perlu mengadakan *priority* dan kita perlu mengadakan *target* yang realistik walaupun kita hendak menjadikan masyarakat kita sebagai masyarakat yang *free from drugs – zero drug addicts* tetapi saya rasa ini satu *target* yang kurang realistik. Jadi saya lebih suka kalau pihak kementerian, pihak yang bertanggungjawab dapat memberitahu Dewan ini apakah targetnya untuk tahun depan, untuk lima tahun yang akan datang apakah matlamatnya, berapa bilangan penagih yang kita hendak kurangkan. Ini adalah lebih realistik dan kita boleh mencapainya. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Dungun.

4.07 petang

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertamanya saya hendak mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, kepada kementerian dan sama seperti rakan-rakan lain yang terdahulu untuk membahaskan Rang undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 ini. Seperti rakan-rakan yang lain, izinkan saya untuk memberi sedikit pendapat tentang beberapa perkara yang pastinya kita akan menyokong rang undang-undang ini, yang sekali gus telah melibatkan beberapa akta yang telah sedia ada, yang akhirnya akan kita memulakan suatu bentuk menubuhkan Agensi Antidadah Kebangsaan yang kita rasa akan membentuk sebagai sebuah organisasi yang agak lebih lengkap daripada apa yang telah kita laksanakan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan ini adalah suatu azam yang kuat oleh kementerian dan kerajaan yang pastinya kita berharap ia

akan dapat dilalui dengan beberapa pendekatan-pendekatan di dalam kita menyelesaikan, kalau tidak secara keseluruhannya tetapi meminimumkan kedudukan pengedaran dan juga penggunaan dadah di negara kita. Sebagaimana yang kita tahu bahawa penggunaan dadah di negara kita, walaupun dalam keadaan kawalan yang agak ketat, malah ada akta-akta yang telah memberi maklum kepada pengguna dan juga pengedar dadah yang berbahaya ini yang boleh mengancam kedudukan pengguna-pengguna dan pengedar sehingga ke tahap dihukum mati dan sebagainya. Kerana itulah seriusnya kerajaan kita tentang kedudukan dadah, pengedaran dadah dan penggunaan dadah secara berleluasa di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meminta kementerian sama ada nama Agensi Antidadah Kebangsaan ini masih lagi sesuai ataupun tidak. Kemungkinan pada hari ini, antidadah itu kalau kita kaji dari sudut bahasanya mungkin kita hanya "anti" tetapi kita tidak menentang secara keseluruhannya. Saya tidak tahu perkataan "anti" ini, apakah sebenar definisinya dari segi pengertian 'antidadah' itu sendiri kerana ia tidak mempunyai kekuatan sebenarnya. Malah kalau kita nampak di dalam organisasi seperti Agensi Antidadah Kebangsaan ini, ia harus diberi suatu nama yang lebih menyeluruh, yang lebih mencakupi kekuatan kepada hasrat dan iltizam kita sebagai sebuah kerajaan yang melihat penggunaan dan pengedaran dadah ini sebagai suatu unsur dan elemen yang amat bahaya di dalam kita mewujudkan suatu masyarakat yang kita hendak di suatu segi sebagai masyarakat penyayang, masyarakat yang boleh membawa kedamaian dan akhirnya kita dapat memajukan negara kita dalam pelbagai sudut.

Saya minta kementerian supaya selepas ini mengkaji semula sama ada Agensi Antidadah Kebangsaan ini masih lagi sesuai dan relevan dengan suasana semasa yang ada di negara kita ini. Apakah alternatif-alternatif yang lebih baik untuk digunakan supaya ia mempamerkan kepada kita bahawa agensi ini adalah suatu agensi yang secara menyeluruh dapat menyelesaikan ataupun meminimumkan gerakan kita bersama untuk menentang penggunaan dadah sama ada melalui pengedarannya atau juga melalui penggunaannya oleh penagih-penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit pandangan tentang kedudukan pusat serenti kita. Yang pastinya salah satu daripada perkara yang akan kita laksanakan ialah untuk melatih ataupun memulihkan melalui program pemulihan melalui pusat-pusat serenti. Apakah kedudukan pusat serenti kita kerana seriusnya

kita hendak selesaikan masalah pemulihan tetapi akhirnya kita nampak dari segi pengawalan, pengurusan di pusat serenti kita di seluruh negara ia tidak mempunyai suatu piawaian yang sepatutnya ada sebagai sebuah pusat yang boleh menyelesaikan masalah penagih-penagih dadah kita. Banyak di antara pusat-pusat serenti kita, seperti yang kita baca di dalam surat khabar sebelum ini, yang kita hendak latih ini akhirnya dibolosi, dapat lari kerana kawalannya kurang baik.

Yang keduanya, apakah program pendidikan yang ada melalui pusat serenti ini telah berkesan kerana mengikut kata-kata ataupun taklimat-taklimat yang telah saya dapati daripada beberapa unit narkotik, daripada polis dan sebagainya, lebih 70 peratus daripada anak-anak kita yang telah melalui program pemulihan di pusat serenti akhirnya mereka kembali menagih dadah semula.

Jadi apakah pusat serenti ini harus dibuat suatu reformasi baru oleh kerajaan supaya pusat serenti ini benar-benar menjadi sebuah pusat yang boleh mengolah proses pendidikan, proses pemulihan anak-anak kita yang didapati melalui proses penagihan dadah ini. Apakah pendekatan pusat serenti sekarang ini hanya kita buat sekadar untuk memenuhi tuntutan kerajaan semata-mata tetapi tidak seperti sebuah organisasi yang sepatutnya dapat dilakukan oleh kerajaan.

Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya pusat serenti tidak boleh dibuat dengan penggunaan dana secara *ad hoc*, mengguna dana secara kecil-kecilan, mengguna tenaga pengurusan yang tidak profesional dan tidak mempunyai keupayaan untuk melatih ataupun memulihkan penagih-penagih dadah kita. Saya berharap pusat serenti selepas ini dapat diubahsuai, dibuat suatu reformasi baru supaya pusat serenti kita ini betul-betul menjadi sebuah pusat yang boleh membantu menjayakan penagih-penagih dadah kita.

Nampaknya program melalui pusat serenti ini apabila dihantar selepas mahkamah memutuskan, mereka hanya melatih mereka ini dan akhirnya tidak ada program *follow-up*, program-program yang boleh menyelesaikan penagih-penagih dadah kita dan ramai di antara anak-anak kita dari pusat serenti ini akhirnya kembali kepada penagihan dadah semula, berkemungkinan kerana kedudukan dalam masyarakat kita yang perlu suatu proses pendekatan yang lebih baik oleh kerajaan melalui proses ataupun melalui dasar-dasar pendidikan di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap selepas ini tidak ada lagi kita dengar cerita penagih-penagih dadah yang kita sedang pulihkan akhirnya dapat lari dan tidak ada

lagi cerita bahawa selepas program pusat serenti ini tidak ada lagi berlaku keadaan di mana mereka yang telah disahkan pulih akhirnya mereka kembali kepada tempat keluarga mereka dan akhirnya mereka ini menagih dadah semula.

Jadi, kita hendak pusat serenti mempunyai satu modul latihan yang betul-betul mempunyai piawai yang sepatutnya. Apabila mereka masuk pusat serenti, setelah dilepaskan mereka ini dan diberi tindakan *follow up* oleh beberapa pegawai yang mungkin melalui penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan kita ini, akan memastikan supaya anak-anak kita dapat diberi kawalan selanjutnya dan akhirnya mereka akan pulih daripada penyakit penagihan dadah ini. Itu pusat serenti.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan jenis-jenis dadah. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana telah meletakkan prioriti dan keutamaan yang penting kepada kategori penggunaan dadah-dadah ini, dan sekarang ini kita nampak penggunaan kepada mereka yang berada memang menggunakan dadah seperti morfin, *heroin* dan jenis-jenis yang mempunyai harga yang mahal.

Apa yang saya ingin ketarakan kepada Dewan Rakyat yang mulia ini ialah sebagai sebuah kawasan di pedalaman seperti di Dungun, di tempat saya maklumat yang ada pada saya, yang tegar sahaja yang di bawah perhatian polis melebihi 1,500 orang anak muda kita, yang kebanyakan mereka bukan sahaja duduk di kawasan bandar, tetapi juga di kawasan-kawasan pembangunan seperti di Felda dan sebagainya. Malah yang dilihat tidak tegar, tetapi telah mempunyai kesan-kesan penggunaan dadah ini tidak kurang daripada 2,500 orang, berertinya hampir 4,000 orang daripada sejumlah 60,000 ataupun 70,000 penduduk di kawasan Parlimen saya, berkemungkinan kawasan saya ini dilihat agak tinggi kerana mungkin pendedahan-pendedahan tertentu. Tetapi kalau kita mengambil purata sama ada yang tegar atau tidak tegar, apakah dakwaan ini benar kalaulah ada di antara anak-anak kita, generasi muda kita yang melalui tahapnya, tahap tegar dan tahap tidak tegar ini melebihi daripada 4,001 daerah, bayangkan keseluruhan daerah ini, saya rasa *figure* ini sama ada benar atau tidak benar, kalau kita kalikan dengan 200 kawasan Parlimen seluruh negara apakah mungkin anak muda kita yang secara keseluruhannya merupakan 11 hingga 12 juta daripada mereka, yang menyentuh sama ada melalui secara tegar ataupun tidak tegar ini tidak kurang daripada lima hingga enam juta orang.

Bayangkanlah ini merupakan 20 peratus daripada jumlah keseluruhan rakyat kita. Saya minta kementerian memberi sedikit penerangan sama ada dakwaan saya ini, yang saya dapat ini sama ada benar atau tidak benar sekurang-kurangnya kita melihat secara pragmatik, jumlah yang sebegini banyak ini harus kita selesaikan mengikut kategori masing-masing. Jadi, dengan adanya secara formal Agensi Antidadah Kebangsaan ini kita dapat menyelesaikan masalah ini ataupun mengurangkan masalah ini mengikut prioriti-prioriti, dan keutamaan-keutamaan yang ada melalui penggunaan dadah oleh anak-anak muda kita di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya baru-baru ini Ketua Polis Negeri bersama saya dan pemimpin-pemimpin masyarakat, kerana di kawasan saya ini kebanyakannya ramai yang miskin, jadi penggunaan morfin, *heroin* tidak mungkin dapat digunakan. Selain penggunaan ubat batuk yang didapati daripada hospital, yang kita perolehi daripada klinik-klinik, gam yang dibeli di kedai-kedai basikal, kedai-kedai motosikal juga digunakan oleh remaja-remaja kita. Ianya juga adalah perkara-perkara yang tidak terfikir oleh kita, yang berlaku di hadapan saya dan perkara ini terjadi, sekarang ini agak minimum sedikit iaitu penggunaan jenis-jenis tumbuhan tetapi telah diolah diambil airnya yang dinamakan tumbuhan ini dinamakan 'Ketum'.

Saya minta polis mewartakan kalau boleh ataupun Agensi Antidadah Kebangsaan ini membuat kategori kerana ketum ini selepas diminum satu gelas, dia naik motosikal laju tengah malam boleh meniarap, macam-macam boleh buat malah khayalnya kadang-kadang lebih kurang sama dengan penggunaan morfin, *heroin* dan sebagainya.

Dan yang paling menyedihkan lagi Tuan Yang di-Pertua, di depan kita berlaku perkara-perkara seperti ini, apabila ada lembu membuang najis, di tengah jalan raya Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini agak tidak terfikir oleh kita, tetapi berlaku di depan mata kita, anak-anak muda yang telah begitu *addicted*, dengan izin, apabila melihat lembu membuang najis, dia bawa plastik pergi tekup, tidak kira kereta kita sudah lalu tengah jalan raya ini, begitu laju kita terpaksa brek, kalau tidak mati sahaja kerana hendak ambil gas daripada lebihan ataupun dengan izinlah, tahi lembu yang ada, yang baru, yang *fresh*, tahi kerbau, tahi lembu dan sebagainya.

Ini merupakan perkara baru yang diberitahu, tetapi ini sedang berlaku di kawasan-kawasan pedalaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak kejarkah lembu itu?

Datuk Rosli bin Mat Hasssan: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak kejarkah lembu itu?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Dia biarkan lembu, tetapi dia kejar yang nasi kunyit itu, tadi. *[Ketawa]* Jadi ini berlaku di depan mata, Tuan Yang di-Pertua dan gas itu mengkhayalkan sebenarnya. Saya pun dalam perjumpaan dengan masyarakat dan sebagainya sentiasa bercerita bahawa bahayanya penggunaan ini dan kita minta ibu bapa dapat menyelesaikan, meminimakan anak-anak kita daripada penggunaan morfin, *heroin* itu ialah benda yang sudah berat, tetapi inilah asas ataupun suasana dalam masyarakat di luar bandar yang menggunakan kesempatan apa jua mungkin supaya mereka ini dapat berkhayal dan sebagainya.

Malah kalau saya zaman muda-muda dulu penggunaan ganja, ganja itu tidak berapa khayal sangat sebenarnya. Tetapi sekarang ini telah dapat *dimodifiedkan* begitu rupa seperti air ketum dijual lebih kurang lima ringgit, tiga ringgit satu bungkus seperti air tebu ini, di tepi jalan. Tetapi saya berharap dengan gerakan polis yang begitu baik, dengan pemusnahan pokok ketum yang ada di seluruh negeri Terengganulah ketika itu, kita dapat musnahkan pokok-pokok ketum, tetapi pokok ini tumbuh liar Tuan Yang di-Pertua, tidak mungkin kita dapat menyelesaikan masalah tumbuhan-tumbuhan liar seperti pokok ketum ini, kerana dia khayal katanya, melebihi 10 kali ganda.

Kita mintalah kerajaan membuat kajian dan kalau bolehewartakan teruslah mana-mana jenis herba ataupun pokok-pokok tumbuhan yang boleh memberi khayal kepada anak muda kita, malah kita tahu bahawa banyak tumbuhan kita menjadi ubatan untuk ubatan herba, tetapi ada juga jenis tumbuhan-tumbuhan yang sekiranya diolah begitu rupa, yang kiranya cara minum, cara hisap, cara sedut dan sebagainya boleh mengkhayalkan anak muda, bagi saya itu adalah sebahagian daripada kategori-kategori dadah yang perlu diambil perhatian oleh kerajaan khususnya melalui Agensi Antidadah Kebangsaan ini. Serupa juga dengan perkara-perkara yang saya sebut, yang saya pun macam hendak muntah apabila melihat di depan kita dan kita pun tidak boleh buat apa-apa habis setengah minit hingga satu minit dia pun ikat masuk dalam.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Dungun, Dungun, Kudat bangun, hendak bagi jalan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Silakan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dungun saya juga ingin menjelaskan di sini tentang suatu tabiat ataupun ketagihan yang banyak berlaku khususnya di negeri Sabah iaitu ketagihan menghidu gam. Tetapi apabila penagih-penagih ini dirujuk kepada polis, polis tidak mengambil tindakan apa-apa khususnya di kawasan saya, kerana mereka mengatakan bahawa menghidu gam ini ataupun ketagihan gam ini tidak diklasifikasikan sebagai penyalahgunaan dadah. Oleh sebab itu usaha-usaha untuk merujuk mereka yang terlibat dengan ketagihan menghidu gam ini tidak dapat dirujuk ke pusat-pusat serenti dan apa juga tindakan yang diambil terhadap mereka tidak dapat dibuat.

Oleh sebab itu saya minta yang terhormat Dungun supaya mencadangkan kerajaan khususnya Agensi Antidadah Kebangsaan untuk mengklasifikasikan penyalahgunaan penghiduan gam yang berleluasa khususnya di negeri Sabah, kerana ini adalah merupakan satu sumber ketagihan yang begitu murah, yang boleh didapati dari mana-mana dan ini melibatkan ramai anak muda khususnya pendatang-pendatang asing di negeri Sabah, dan juga melibatkan sebahagian daripada penduduk tempatan.

Jadi, saya minta kepada Yang Berhormat bagi Dungun mencadangkan kepada kerajaan supaya penghiduan gam ini diberikan penekanan yang serius kerana ianya terlalu mudah diperolehi dan sebenarnya untuk mendapatkan dadah yang lebih mahal adalah jauh lebih sukar daripada mendapatkan bekalan gam ini. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Tak payahlah saya cadang, kita semua sudah cadang, saya ingat pihak kementerian pun mengambil perhatian. Malah pusat serenti seperti awalan saya kata tadi perlu dilakukan dengan semangat reformasi baru supaya pusat serenti ini, kita lihat kalau boleh buatlah di setiap daerah dan kita hendak di setiap zon yang ada. Kalau boleh saya cadang lagi tentang pusat serenti ini perlu ada di pulau-pulau yang jauh.

Itu yang teruk sangat itu, kerana ada sesetengah penagih dadah tidak perlu dipulihkan lagi, tetapi perlu dibuang sahaja daripada masyarakat sementara dia mati. Hendak bunuh takut bertentangan dengan hak asasi manusia, tetapi sebenarnya yang terlampau teruk itu sebenarnya lebih teruk daripada haiwan sebenarnya kalau kita

nampak malah tidak memberi apa jua guna bukan sahaja kepada dirinya, kepada keluarganya, kepada masyarakat juga ia merupakan suatu beban yang berat kepada negara, haruslah ada beberapa pulau di negara kita ini yang hanya meletakkan jenis-jenis orang seperti ini biar dia hidup berkeliaran di situ, dia ambillah apa yang ada tetapi kita tengoklah dengan secara lebih tersusun supaya mereka ini tidak pulang lagi ke kawasan yang sepatutnya ada, malah gerakan hendak buang daerah dan sebagainya mereka masih berada dalam masyarakat. Mereka masih terdedah dengan masalah-masalah yang boleh mereka kembali kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan penyakit sosial yang lain.

Saya bersetujulah pandangan Yang Berhormat itu supaya kerajaan memberi keutamaan supaya pusat-pusat serenti ini dapat mengambil penagih-penagih dadah yang tegar, yang boleh dipulihkan melalui secara lebih profesional dengan mengadakan pelatih-pelatih yang lebih berwibawa, lebih tersusun dan modul yang sekira-kiranya mencapai piawai yang sepatutnya dan juga mengadakan pusat-pusat tahanan di pulau-pulau yang besar, yang jauh daripada masyarakat ramai supaya mereka yang sudah dianggap sebagai beban masyarakat ini, yang tidak memberi apa-apa faedah untuk negara supaya mereka dapat diletakkan di pulau-pulau tertentu sebagai tempat tahanan supaya mereka tidak memberi perkara-perkara lain yang mempunyai sangkutan dengan kehidupan kita seharian di dalam negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah berkenaan dengan bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah anak-anak kita yang melalui yang berumur 18 tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Dungun, Pasir Puteh bangun. Hendak bagi jalan?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sila, sila Yang Berhormat Islam Hadhari.

Tuan Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tertarik dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Dungun tadi.

Sebenarnya di pusat-pusat serenti ini, sepanjang maklumat yang saya perolehi tetapi tidak secara R&D, tidak secara *research and development*, dengan izin tetapi saya dapati bahawa harapan kita di pusat-pusat serenti ini juga berlaku kebocoran,

kerana penghuni-penghuni di pusat serenti ini boleh mendapat dadah. Saya tidak pastilah dan perlu kepada pengawasan yang lebih ketat.

Yang keduanya, kita hendak pulihkan penghuni-penghuni dadah ini orang yang banyak bijak, lebih pintar daripada juru pulih. Kita hendak supaya Agensi Dadah Kebangsaan melihat semua tenaga terutamanya yang kita beri untuk pemulihan dalam aspek *spiritual*. Kita hendak supaya skim yang agak sepadan dengan apa yang kita letak tadi, kerana saya tahu bahawa selama ini skimnya cukup rendah. Mereka tidak berani untuk berhujah apa lagi untuk memberi penjelasan dengan secara sistematik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, saya pertama kali berucap kerana saya baru mengangkat sumpah. Saya nikah gantung tiga bulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum berucap, sudah minta penjelasan daripada Dungun.

Tuan Che Min bin Che Ahmad: Ya, saya sudah minta izin dari Ahli Yang Berhormat bagi Dungun tadi. Saya hendak minta penjelasan beliau dan adakah Ahli Yang Berhormat bagi Dungun bersetuju atau tidak kalau kita kata satu pencegahan, satu pemulihan. Kalau pencegahan ini kalau kita anggap dadah adalah musuh utama dalam negara, kenapa kita tidak boleh buat macam komunis dahulu musuh utama dalam negara.

Komunis kita boleh hapuskan, ideologi komunis kita boleh padam, kenapa dadah kita tidak boleh hapus. Setuju atau tidak kalau kita dalam pemulihan ini kita dapat pengedar-pengedar yang disebut '*King*' tadi terus kita tembak. Ini saya tanya setuju atau tidak. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tembak itu hendak buat apa Yang Berhormat? Hendak suruh matikah hendak suruh dia sakit?

Tuan Che Min bin Che Ahmad: Biar '*Kingpin*' itu mati.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya terima kasih kepada Yang Berhormat. BBC baru melantik Yang Berhormat kita yang baru ini, yang nikah gantung tiga bulan ini, selaku Pengerusi Hal Ehwal Islam Hadhari.

Saya berharap melalui BBC, Program Islam Hadhari pun kena berperananlah sebagai mempamerkan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional supaya membantu kerajaan membuat program-program yang berbentuk *spiritual*, kalau boleh, kementerian pun boleh pakailah Ahli-ahli Parlimen ini, Yang Berhormat Datuk Wira Setiausaha Parlimen kita gunakanlah Ahli-ahli Parlimen ini untuk membantu kerajaan

kerana ramai yang berkebolehan, terutama sekali perkara-perkara yang berkaitan dengan isu dan perkara-perkara yang berkaitan dengan *spiritual*.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Saya juga berterima kasih kepada pandangan Yang Berhormat tentang bekalan dadah yang berada di pusat serenti ini. Saya tidak boleh hendak kata ini, biarlah kerajaan kata sama ada benar ataupun tidak bahawa bekalan dadah di pusat-pusat serenti ini memang berlaku sehingga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Dungun, Tangga Batu bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tidak habis lagi ini.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Seminit sahaja.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Nanti, saya perhabiskan yang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi dia habiskan ayat itu Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Boleh, boleh.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Perhabiskan Yang Berhormat Ustaz kita dahulu. Berkenaan dengan bekalan dadah ini, saya berharap sama ada benar atau tidak benar saya tidak berani hendak membuat *endorsement* tetapi minta kerajaan membuat kajian dan memberi penerangan dan *endorsement* sama ada bekalan dadah di pusat serenti ini berjalan seperti biasa sehingga proses pemulihan ini tidak dapat dibanteras sehingga ke tahap di pusat serenti itu sendiri. Yang satu lagi itu, silalah Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Sebenarnya saya hendak bangun awal tadi, tetapi memandangkan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh mempunyai hujah yang lebih menarik untuk penjelasan. Setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Dungun berbagai-bagai langkah, berbagai-bagai tindakan telah diambil oleh pihak kerajaan untuk menangani gejala dadah ini.

Yang jelasnya di dalam Dewan ini, pihak kerajaan berusaha bersungguh-sungguh untuk menangani masalah dadah ini di peringkat akar umbi. Yang jelas kepada kita, yang bersungguh-sungguh hari pihak kerajaan, pihak pembangkang tadi tinggal seorang sahaja. Seorang sahaja melihatkan diri di dalam Dewan ini. Sekarang baru masuk lagi seorang dan jadi dua oranglah.

Setujukah Yang Berhormat bagi Dungun antara masalah yang dihadapi oleh pihak kerajaan adalah tidak terdapatnya penghayatan yang padu lagi jitu oleh semua pihak di dalam menangani masalah dadah ini menyebabkan masalah dadah ini berleluasa di peringkat akar umbi.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya tidak tahulah sama ada penghayatan ataupun tidak tetapi seperti mana yang diawal ucapan saya tadi, sebenarnya azam kerajaan untuk membanteras dadah ini tidak dapat dinafikan, melalui akta-akta tertentu dan dengan penubuhan Agensi Dadah Kebangsaan ini, kita berharap ianya dapat di semua pihak melalui beberapa pendekatan yang saya katakan tadi seperti melalui penerangan dalam Bahagian 2 ini.

Bahagian 2 Perkara 4 (v), tentang penerangan dan pendidikan. Dalam perkara fungsi agensi Perkara 6(g) untuk mendidik orang ramai untuk menentang penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bersetuju masalah penghayatan ataupun tidak, itu perkara lain. Tetapi sebenarnya kerajaan tidak memberi peruntukan yang secukupnya untuk kakitangan kerajaan dan juga agensi-agensi NGO yang berkaitan dengan program Antidadah Kebangsaan ini dengan secukupnya sebenarnya.

Kita mintalah, bajet sudah dekat kalau boleh Setiausaha Parlimen beritahu Menteri Dalam Negeri yang juga Menteri Kewangan, umumkan biarlah membuat secara menyeluruh, bukan sahaja perkara-perkara yang berkaitan dengan pusat serenti, pendekatan-pendekatan NGO yang mempunyai orientasi yang berkaitan. Saya rasa melalui proses penghayatan ini memerlukan pendekatan. Jadi, kalau boleh kita cadangkan ini Yang Berhormat bagi Tangga Batu supaya kerajaan secara bersungguh-sungguh meletakkan dana yang sesuai dengan jumlah yang secukupnya supaya gerakan membanteras dadah ini dapat kita laksanakan.

Sekarang ini bolehlah saya katakan bahawa kita buat ini seperti 'melepaskan batuk di tangga'. Saya minta maaf kepada kerajaan untuk memberi komen ini kerana seperti saya terangkan tadi, pusat serenti bolos, keluar dari pusat serenti mengambil dadah balik. Kita hendak salahkan siapa? Kerajaan semata-mata pun tidak boleh, masyarakat pun semata-mata tidak boleh, kepada siapa untuk dipersalahkan? Kita di sini adalah untuk menyelesaikan, mengurangkan permasalahan ini, cara penyelesaian yang utamanya supaya seperti yang saya di peringkat awalan tadi supaya ada suatu

reformasi yang bersungguh-sungguh dengan meletakkan dana yang secukupnya supaya semua agensi-agensi yang berkaitan dapat kita selesaikan.

Kemudian ada satu lagi Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan anak-anak kita yang menagih dadah ini. Saya kebetulan menjadi Penasihat dalam Juvana di mahkamah dahulu sebelum menjadi Wakil Rakyat sekarang ini pun masih, tetapi kurang pergi sedikit membuat keputusan di mahkamah, iaitu anak-anak kita yang menagih dadah, sebenarnya latar belakang anak-anak kita yang menagih dadah ini, sebenarnya kebanyakan mereka saya bersetuju dengan Yang Berhormat Islam Hadhari tadi, iaitu kebanyakan mereka adalah orang-orang yang bijak, yang cerdik sebenarnya dari segi IQnya dan sebagainya.

Tetapi kebanyakan mereka adalah orang yang pendiam. Anak-anak kita yang bentuk pendiam, salah pengurusan di rumah, salah pengurusan di sekolah, salah suasana berkawan dan sebagainya, anak-anak ini mencuba dengan secara dalamannya memprotes sebenarnya. Kebanyakan mereka ini sebenarnya adalah anak-anak yang cerdik, tetapi kumpulan yang pendiam, yang tidak boleh memberi pandangan, yang kurang memberi pendapat, akhirnya dia memprotes dirinya. Setengah dari setengahnya adalah protes. Yang keduanya, ingin tahu kerana persekitaran berkawan kerana kawalan keluarga, suasana masyarakat dan juga keadaan di sekolah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju supaya kerajaan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan ini supaya dalam program menentang penyalahgunaan dadah berbahaya ini dengan cara membuat suatu pendekatan pendidikan dari awalan. Penerangan dan pendidikan secara bersungguh-sungguh.

Sekarang ini kita nampak program-program ini secara kerana kepentingan-kepentingan tertentu sahaja. Ada bajet sedikit minta Ahli Parlimen pergi rasmikan akhirnya modul penerangan itu sesuai dan kita mintalah perkara-perkara seperti ini

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Bangun hendak keluarkah ataupun bangun hendak bertanya ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bangun hendak bertanya.
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ya.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Okey. Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar Yang Berhormat, dadah ini akan melumpuhkan negara, melumpuhkan ekonomi negara, melumpuhkan rakyat. Saya lihat sekarang ini di mana-mana pusat pengajian tinggi yang saya hadir, 70% pelajar dia ialah kaum wanita, yang *balance* 30% kaum lelaki.

Yang saya hairan ini Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan Yang Berhormat, ke mana perginya kaum lelaki ini? Saya tanya dia orang, boleh dikatakan kebanyakan juga berada di pusat-pusat serenti kerana mereka menghadapi tekanan jiwa, menghadapi masalah menyebabkan mereka tercemar ke alam mengambil dadah dan sebagainya.

Jadi, yang pentingnya Yang Berhormat bagi Dungun, adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita mengkaji kenapakah mereka ini terlibat dengan dadah. Apakah disebabkan oleh masalah keluarga, masalah rumah tangga dan sebagainya yang menyebabkan mereka untuk melepaskan tekanan ini mereka menghisap dadah, jadi mereka berada di alam khayalan. Dahulu bila orang ada masalah dia kena *Bulldog*, anjing bodoh, dia kena sebotol, dua, dia ranum elok dia balik dia tidur. Yang itu lapis dahulu, tetapi lapis la-ni dia ambil dadah.

Jadi, bermaknanya yang kita hendak tubuh ini, yang kita hendak bantu mereka bukan setakat untuk mengubati orang-orang yang terlibat dengan dadah ini tetapi juga mencari punca kenapakah mereka ini pergi ke alam yang sedemikian rupa, kerana ini adalah satu alam yang begitu kotor, begitu jijik dan begitu tidak diterima oleh agama. Agama mana sekalipun tidak akan menerima penyakit seperti ini. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa punca penyakit itu harus kita cari. Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat sahabat rakan kongsi saya sebelah ini. Saya ingat pandangan Yang Berhormat itu bukan sahaja kaji tetapi harus diterapkan di dalam beberapa perkara yang berkaitan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan ini. Sebab itulah di dalam ucapan awal tadi, Yang Berhormat ada di luar barangkali, sudah menyentuh beberapa perkara tentang bagaimana anak-anak kita yang pendiam tetapi cerdik, cuba memberi *protest* di dalam dirinya. Setengahnya cuba ingin tahu dan akhirnya kerana berkawan, kerana pengaruh kawan-kawan dan persekitaran yang memungkinkan anak-anak kita ini mencuba perkara-perkara seperti ini.

Ini bukan tugas Kementerian Dalam Negeri, tugas kerajaan, tetapi sebenarnya apa yang berlaku di dalam masyarakat kita juga harus kita memainkan peranan yang penting supaya kita membudayakan masyarakat kita bahawa budaya yang dibuat di zaman 1950-an, 1960-an, 1970-an dahulu sudah berbeza dengan zaman milineum baru yang ada hari ini. Di zaman saya kanak-kanak dahulu apabila kita tidak pergi solat di surau tetapi merayau di waktu Maghrib, ayah orang lain yang dalam kampung menegur kita “mengapa tidak pergi solat” ke surau ataupun ke masjid. Apakah kamu tidak solat di rumah. Malah ibu bapa kita memang melarang supaya di waktu beberapa minit sebelum Maghrib mesti bersiap sedia untuk sembahyang Mahgrib. Nakal ya, kita pun nakal juga, tetapi keadaan milineum baru ini, keadaan budaya dalam masyarakat kita, dalam masyarakat membangun kononnya yang kita panggil ini sebenarnya tidak ada lagi di dalam kampung kita untuk menegur di antara satu sama lain. Malah anak si-anu dengan si-anu itu kadang-kadang tidak dapat ditegur oleh orang-orang tua dalam kampung kerana perubahan budaya dalam masyarakat.

Jadi, saya berharap bukan sahaja melalui Kementerian Dalam Negeri tetapi melalui agensi-agensi kerajaan yang lain, seperti umpamanya Rukun Tetangga di bawah Jabatan Perdana Menteri, seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, juga beberapa jabatan lain, dan yang paling penting ialah pemimpin-pemimpin masyarakat dan NGO harus digabungkan dalam program penerangan dan pendidikan ini bukan sahaja melalui proses penguatkuasaan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan, tetapi kita harus membudayakan masyarakat kita sekurang-kurangnya bukan sahaja kita dapat menyelesaikan masalah penggunaan dadah di kalangan anak-anak muda kita, tetapi juga insya-Allah, akan menyelesaikan penyakit-penyakit sosial lain dalam negara kita.

Saya berharap budaya dalam masyarakat kita yang baik walaupun tidak dilihat agak moden dapat kita pastikan diterapkan semula dalam masyarakat kita supaya perkara penyelesaian kita untuk menyelesaikan perkara-perkara yang boleh membawa keburukan kepada masyarakat dan negara kita ini dapat kita minimum dan hindarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Serdang bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Serdang bangun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Sila Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Dungun. Saya tertarik dengan ucapan tadi berkaitan

dengan beri perhatian untuk mencegah penagih-penagih. Tetapi saya ingin bertanya, yang penting sekali selain daripada untuk mengambil tindakan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat, cara mana untuk mengambil tindakan terhadap pengedar-pengedar dadah, dan punca dari mana bahan dadah. Punca itu penting. Dari mana, dari negara luar, negara Thailand atau dalam negara kita, cara mana untuk buat dadah supaya ia dapat diedarkan kepada penagih. Ini caranya. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Dungun terhadap masalah ini?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat itu adalah perkara yang penting kerana melihat kepada sumber bekalan. Saya tidak boleh jawab perkara ini, saya pun tidak tahu. Kita minta Yang Berhormat Menteri jawab, sumber itu dari mana, dalam negeri berapa peratus, buat secara *artificial* berapa peratus, tumbuh secara natural berapa peratus, import berapa peratus, mesti ada disenarai lebih kurang, kemudian kita boleh buat *projection*. Daripada jumlah itu, penggunaan banyak mana dan sebagainya dan perlulah ada juga sebenarnya satu kumpulan yang membuat R&D tentang penggunaan dadah yang dilihat secara rasmi seperti *morphine*, *heroin*, kita boleh *estimate* sebenarnya. Pakar-pakar boleh membuat anggaran penggunaan *morphine* ini, berapa dia punya sedutan, penggunaan sehari, kita boleh buat. Kalau benda-benda yang kita tidak nampak dengan kedudukan kajian tentang hormon, bioteknologi kita boleh buat, takkanlah perkara-perkara yang kita nampak dapat digunakan oleh pengedar dadah ini dan juga penggunaan dadah ini, banyak mana sebenarnya kita boleh buat secara anggaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tumpat pun berminat, Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tumpat pun berminat, sila Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Dungun. Saya tertarik sekali dengan pandangan-pandangan Yang Berhormat itu, pandangan yang terakhir tentang pendidikan, pandangan yang sebelum soalan tadi berkenaan dengan menyeru pemimpin-pemimpin masyarakat untuk terlibat dengan aktif dalam usaha untuk membanteras penagihan dadah ini.

Kita lihat rang undang-undang ini agak menyentuh banyak perkara berkaitan dengan agensi, Ketua Pengarah dan pegawai dan sebagainya. Tidakkah Yang Berhormat fikir elok kalau kesempatan meminda undang-undang ini diambil juga untuk

mewujudkan suatu badan induk, misalnya Majlis Antidadah Kebangsaan yang akan mengambil kira pandangan-pandangan terakhir Yang Berhormat tadi melihat dari sudut penyelidikan dan sebagainya. Kalau majlis ini diwujudkan mungkin ia boleh mengambil tempat PEMADAM yang terkenal, yang ada peranannya tetapi nampaknya sudah *over-stay*, sudah lama dan layu dan tidak memainkan peranan yang diharap-harapkan.

Tadi sudah pinda undang-undang, sudah buat undang-undang baik baru ini, kenapa tidak sepatutnya dalam cadangan pindaan ini dimasukkan sekali penubuhan badan induk yang meliputi semua pemimpin masyarakat, tidak ada unsur politik kepartian ataupun perkauman ataupun sebagainya yang mungkin dinamakan Majlis Antidadah Kebangsaan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat, pandangan yang baik. Saya pun tidak tahu sama ada sudah ditubuhkan atau belum sebuah majlis perundingan, mungkin 'Perundingan Antidadah Kebangsaan'. Mungkin PEMADAM itulah dianggap sebagai itu, tetapi sebagaimana pandangan awal saya tadi ialah supaya melalui pindaan akta ini ataupun melalui cadangan akta ini, Agensi Antidadah Kebangsaan, ianya harus dilihat secara menyeluruh, suatu gerakan secara menyeluruh dan bukan sahaja berkaitan yang saya sudah sentuh banyak tadi, saya tidak hendak ulang, tetapi sehinggalah perkara-perkara yang berkaitan dengan gerakan mendidik dan memberi penerangan ini supaya kita buat secara menyeluruh, secara *continuous*, dengan izin, dan ianya harus dicerakinkan dengan agensi-agensi lain yang mempunyai kaitan dengan kita hendak menyelesaikan ataupun meminimumkan penggunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara yang saya sebutkan ini ianya juga harus dilihat *red tape*, dengan izin, masalah-masalah yang dihadapi dalam gerakan pelaksanaan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan penagih-penagih dadah ini. Oleh kerana kita ini wakil rakyat, wakil rakyat yang berjiwa rakyat, jadi biasanya kalau kena tangkap polis memang emak bapa datang jumpa kita. Kebetulan kalau kes dadah ini kita memang tidak berapa hendak campur, tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kepong berminat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Kepong berminat. Terima kasih. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baik, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan, Yang Berhormat bagi Dungun. Ini Laporan Mesyuarat PEMADAM Kebangsaan. *[Melihat laporan berkenaan]* Di dalam PEMADAM itu pelbagai aktiviti dilaksanakan sejak lebih dua dekad lagi dan di antaranya ialah Biro Latihan, Biro Pendidikan Pencegahan, Biro Perhubungan Di Antara Persatuan, Badan NGO dan sebagainya. Saya mencadangkan bahawa Yang Berhormat ada laman web PEMADAM, sepatutnya Yang Berhormat menggunakan laman web ini untuk mengetahui kegiatan-kegiatan yang lengkap bagi PEMADAM.

Tadi saya ada mendengar ucapan, baik jugalah. Ini menunjukkan Yang Berhormat prihatin kepada masalah ini - peka kepada masalah musuh yang utama di negara ini. Tetapi baik sekali kita menggunakan laman web ini untuk mengetahui segala aspek aktiviti yang dijalankan oleh PEMADAM sekarang, sebab tidak begitu berkesan juga dengan aktiviti-aktiviti yang menyeluruh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ha, Yang Berhormat minta.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang memberi pandangan tentang PEMADAM. Sebagaimana yang saya jelaskan tadi bahawa selepas kita memberi pandangan ini, kita berharap kerajaan dapat melihat secara menyeluruh (*total*), kalau PEMADAM dilihat sebagai organisasi yang menguruskan PEMADAM itu secara konvensional dan cara lama, apakah PEMADAM itu harus dibuat suatu reformasi yang lebih jelas hala tujunya, pendekatan dan sebagainya.

Saya yakin dan percaya kalau semua kita dengan azam yang kuat oleh kerajaan, kebetulan Perdana Menteri sendiri boleh dikatakan beberapa kali pada tiap-tiap bulan bercakap tentang dadah ini dan memegang kementerian yang berkaitan, sudah pasti suatu gerakan secara raksasa dan bersungguh harus dibuat selepas ini supaya ianya dapat dilihat gerakan secara luar biasa – supaya penyelesaiannya sama ada cara minimumnya, gerakan pendidikannya, pusat serenti, PEMADAM, satu majlis seperti mana Yang Berhormat bagi Tumpat hendak tadi, dan juga cara R&D kajian tentang anak-anak kita bagaimana mereka terperangkap dan program pemulihan, rawatan dan sebagainya.

Malah ada perkara-perkara lain lagi yang harus diberi perhatian ialah di antara koordinasi. Saya nampak ada masalah besar di kawasan pelaksanaan apabila

seseorang itu ditangkap oleh polis. Kemudian apabila diuji (*test*) air kencingnya di dapati ada kesan positif, kadang-kadang polis terpaksa menggunakan klausa-klausa tertentu untuk menggunakan penangkapan jika dikesan sebagai penagih-penagih dadah. Sebab itu tadi saya nampak ada satu nota di bawah Jadual Seksyen 9 ini, Laporan Pegawai Agensi. Saya bersetuju sangatlah supaya kita tidak lagi berada dalam keadaan "*red tape*" yang banyak, kerana kadang-kadang polis menunggu laporan daripada hospital/klinik begitu lama kerana "edah" penahanannya begitu pendek. Akhirnya klinik tidak dapat menyelesaikannya kerana keadaannya, katalah tidak cukup kakitangan, *priority* di hospital/klinik itu dan perkara-perkara lain dan akhirnya mahkamah terpaksa melepaskan kerana tidak ada laporan bertulis – pengesahan daripada hospital dan doktor yang bertauliah.

Sebenarnya ini banyak berlaku – perkara-perkara dalam tindakan polis. Saya kadang-kadang kasihan kepada polis kerana "*red tape*" yang berlaku, kerana undang-undang itu sendiri. Kalau bahasa Terengganunya dipanggil "*parang Pak Mat makan Pak Mat*". Inilah jenisnya. Kita sendiri tangkap kerana kecuaiannya di setengah pihak polis terpaksa melepaskan mereka dan tangkap lagi dan mahkamah terpaksa melepaskan.

Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang kebetulan berada di sini membuat pendekatan baru, bagaimanakah koordinasi di antara beberapa jabatan ini supaya dapat diselaraskan. Kalau tidak ianya seperti membuang air ke daun keladi semata-mata selepas polis menangkap - oleh kerana kelemahan kita sendiri akhirnya mahkamah terpaksa melepaskan.

Jadi, satu pendekatan koordinasi beberapa agensi kerajaan yang berkaitan, dengan yang hendak kita selesaikan masalah penguatkuasaan penggunaan dadah ini harus ditingkatkan. Kurangkan "*red tape*" dan beri keutamaan-keutamaan tertentu sama ada di agensi Anti Dadah Kebangsaan ini sendiri, apakah patut ada seorang pegawai perubatan yang bertauliah umpamanya ataupun di pejabat polis yang mengendalikan perkara ini mempunyai pegawai perubatan yang bertauliah, yang boleh *endorse* dengan segera. Tidak salah sebenarnya, kita boleh buat secara pinjaman, kita boleh buat secara *secondment*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Putih bangun pula.

Tuan Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh mencelah sedikit.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Boleh dua kali?

Tuan Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lebih daripada dua pun boleh, Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Min bin Che Ahmad:Yang Berhormat bagi Dungun. Saya minta izin kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tertarik tadi cara pemulihan. Kita tidak boleh bergantung pada agensi kerajaan semata-mata, maka saya mencadangkan supaya Agensi Dadah Kebangsaan wujudkan satu pusat untuk tahan reman. Kita jangan serahkan kepada hospital. Hospital tidak dapat melayani kerana di hospital itu orang-orang awam pun tidak dapat dilayani dengan sepenuhnya.

Jadi, saya bersetuju jika dapat ditubuhkan satu pusat untuk tahanan reman bagi menentukan sama ada HIV/Aids ini, dia tegar ataupun tidak tegar. Yang ada harapan - tidak tegar ini saya bersetuju jangan dipulau. Buat suatu tempat komersial... Oleh kerana saya mendapati banyak yang terlibat dengan dadah ini kerana desakan hidup, kerana tidak mempunyai sumber kewangan, maka kita perlu menempatkan mereka di satu tempat yang ada kemahiran – untuk kita memberikan mereka kemahiran dan ada *income* – ada pendapatannya dan kita beri dia kahwin. Dalam agama kahwin itu adalah sunah, tetapi jangan kita fikir yang satu hendak dua, yang dua hendak tiga, yang tiga hendak empat. *[Disampuk]*

Minta maaf Yang Berhormat bagi Dungun. Yang satu itu dahulu adalah wajib, kalau dia sampai masanya. Tetapi kalau hendak kahwin dia tiada wang, dia tidak boleh kahwin, kita beri satu tempat dia bekerja kemahiran, boleh buat kraf tangan atau pertukangan dan sebagainya. Banyak kita boleh mengatur kepakaran-kepakaran yang kita ada.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Yang Berhormat bagi Dungun, tadi saya sebut ini pemulihan, yang mengedar besar-besar ini kita tahu bukan kita tidak tahu. Saya tidak tahulah, pihak polis tahu. Kalau kita tengok kenapa menurunnya dadah di Kelantan secara mengejut? Ini kerana Thailand dia beri satu ... Ini minta maaf, minta izin Tuan Yang di-Pertua, di Thailand ditembak. Mana yang dia dapat tahu/kesan pengedar yang terbesar dia tembak terus. Tidak dibawa di mahkamah.

Jadi, bagi saya, saya sudah pernah tanya pihak undang-undang. Dia kata, Ustaz, kalau ditembak jadi masalah kepada *human rights*. Amerika akan cap kita. Dia kata kita sudah membunuh walaupun yang kita bunuh itu adalah hak kita. Tetapi kita buat satu cara. Bagaimana kalau kita kumpul pengedar-pengedar yang besar-besar ini untuk kita mengambil tindakan secara drastik? Jangan kita memulih, tetapi kita tidak tahu asal usul tempat punca berlaku. Kalau kita hendak memberi ubat kepada orang sakit mesti tahu punca penyakitnya.

Saya rasa inilah salah satu daripada caranya untuk kita membasmi dadah di negara kita. Satu, ialah pencegahan dan yang kedua pemulihan, maka saya menyokonglah undang-undang yang hendak dibuat ini. Walau bagaimanapun, kita tidak menyerah bulat-bulat kepada agensi dadah, bersetuju atau tidak Yang Berhormat bagi Dungun kalau saya mengatakan bahawa para alim ulama, masjid-masjid, surau, sekolah-sekolah agama belum berpuas hati dalam menangani masalah dadah ini termasuklah rakan kita dari parti pembangkang. Minta maaf, Yang Berhormat bagi Tumpat. Belum berpuas hati kerana mereka berdiam diri dan tidak menyahut secara seruan yang bersungguh-sungguh.

Tidak. Bukan dia tidak memberi kerjasama tetapi tidak bersungguh-sungguh. Cuba, ayuh kita bersama-sama berganding bahu menyokong PEMADAM ataupun agensi dadah, saya rasa perkara ini akan berjaya – komunis pun kita berjaya dalam tahap yang tidak lama, saya rasa suku abad kita sudah selesai. Ini kita menjangka lima puluh tahun lagi masalah dadah ini akan bertambah kalau kita tidak mengambil peranan.

Saya rasa tidak hendak bersyarah di sini sebab peluang saya baru kali yang kedua. Jadi, saya meminta maaf kepada Yang Berhormat bagi Dungun. Yakinkah dan bolehkah kita membuat satu pusat untuk tahanan reman menentukan sama ada HIV/Aids ataupun penagih-penagih yang ada harapan kita pulihkan dalam jangka masa terdekat? Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semangat Yang Berhormat saya kerana dia geram, tiga bulan dia tidak boleh bercakap. Tidak apa, lepas ini Tuan Yang di-Pertua bagi peluang dia panjang sedikit. Panjang daripada saya pun tidak apa. Malah pandangan Yang Berhormat itu adalah satu pandangan yang agak sesuai untuk diambil sebagai penelitian oleh pihak kementerian dan kerajaan.

Malah sebab itulah dalam penyelesaian perkara-perkara seperti ini mungkin pengedar besar, program pemulihan, program kesedaran, tindakan, pendidikan, penerangan, rawatan dan sebagainya harus dilihat secara menyeluruh. Kalau kita hendak Agensi Antidadah Kebangsaan ini dapat berfungsi dengan sebaiknya, tidak seperti sekarang ini, cara kita menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan antidadah ini, insya-Allah, kalau ada kesedaran baru oleh kerajaan, kita berharap dengan pembentangan rang undang-undang ini bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah pengurusan di PEMADAM itu harus diubahsuai, umpamanya.

Kemudian, Agensi Antidadah Kebangsaan itu harus dapat diuruskan dengan lebih profesional. Dan tadi beberapa pandangan sahabat-sahabat untuk mewujudkan satu badan induk yang lebih menyeluruh menyelesaikan perkara-perkara seperti ini untuk dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, agak lama sedikit, saya terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia sebenarnya simpati dengan kerja saya. Saya sebenarnya di luar, banyak ini, hendak atur jamuan untuk Ahli-ahli Parlimen (BBC), jadi dia tengok saya bangun, dia bagi saya dahulu, saya ucap terima kasih.

Kalau tidak bercakap langsung pun tidak bagus juga, rakyat kampung kata, apa ini, wakil saya tidak bercakap. Saya, terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua, yang prihatin dan memberi ruang kepada saya tetapi akhirnya saya ingin menjelaskan kepada Dewan Rakyat kita bahawa gerakan kerajaan untuk mengadakan Agensi Antidadah Kerajaan ini, saya rasa satu tindakan yang telah sesuai dengan masanya, malah agak terlambat sedikit sebenarnya. Dengan mengambil kira elemen-elemen ataupun unsur-unsur yang saya telah terangkan begitu panjang tadi, dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan kuasa yang sedia ada dengan penambahbaikan bagaimana kita hendak mempamerkan satu gerakan baru kita, cara kita menyelesaikan masalah dadah di negara kita dengan mengambil tindakan kepada pengedar-pengedar besar seperti pandangan sahabat-sahabat tadi.

Kemudian, dengan memberi tindakan secara koordinasi yang baik, bukan sahaja Agensi Antidadah Kebangsaan ini harus dengan secara *governmental* sahaja tetapi harus dibuat sebagai suatu *one-stop agency*, dengan izin, ada doktor di situ, ada pegawai psikologi, ada pelbagai di situ. Dan bagaimanakah tindakan kepada anak-anak remaja kita tentang undang-undang yang kita tidak mungkin mengambil tindakan

melalui akta ini yang kebanyakannya berada di bawah Akta Juvana, umpamanya, harus dikaji balik kalau perkara-perkara yang berkaitan dengan dadah ini.

Bagaimanakah sebenarnya pendekatan-pendekatan baru kita yang lebih pragmatik, lebih progresif, yang lebih dinamik, supaya kita dapat dalam jangka masa yang agak pendek menyelesaikan masalah-masalah yang sedang ada di sekeliling kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong.

5.04 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Rang Undang-undang ini adalah undang-undang baru, bukanlah berhubung dengan dadah tetapi hanya pembentukan Agensi Dadah Kebangsaan. Walau bagaimanapun, perbincangan kita banyak berkisar kepada masalah dadah negara. Amat sesuai dibincangkan oleh kerana kita memang menerima hakikat bahawa dadah masih menjadi satu masalah yang amat besar dan kerajaan mempunyai matlamat dan penekanan bahawa dadah adalah satu gejala sosial besar yang perlu diperangi habis-habisan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita telah mendengar ucapan daripada semua Yang Berhormat tadi, saya semenjak Rang Undang-undang ini dibentang di Dewan ini, sampailah sekarang saya bercakap, saya belum keluar Dewan lagi, menunggu masa bercakap. Sebabnya saya ada dua, tiga perkara yang penting saya fikir, walaupun kepada saya sendiri untuk disebutkan dalam Rang Undang-undang ini.

Saya cukup bersetuju sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, yang secara keras menekankan bahawa masih banyak kelemahan daripada segi penguatkuasaan dadah di seluruh negara. Bahkan Yang Berhormat-Yang Berhormat mencelah, umpamanya daripada Kudat, daripada Sepanggar pun menekankan bahawa mungkin pihak pegawai kerajaan yang menguatkuasakan undang-undang dadah sekarang mengetahui siapa yang terlibat dengan dadah. Siapa *kingpin* dadah dan siapakah menjadi dalang yang terbesar dadah di negara kita?

Tetapi persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat yang peka, yang mengambil berat persoalan ini belum boleh dijawab pada masa sekarang. Mungkin

ada pelbagai kelemahan dan kelemahan ini patut diatasi. Mungkin salah satu daripada sebabnya Rang Undang-undang ini ditubuhkan ialah untuk mewujudkan satu agensi kerajaan yang berasingan untuk menangani khusus soalan dadah. Kerana pada masa sekarang pihak polislah agensi utama untuk menguatkuasakan undang-undang dadah, dan pihak polis banyak menguatkuasakan undang-undang jenayah lain. Jadi, penekanan kepada dadah adalah satu cawangan ataupun cabang daripada penekanan undang-undang yang dilaksanakan oleh pihak polis.

Jadi, untuk menunjukkan bahawa kerajaan bersikap tegas, kerajaan memang serius, kerajaan memang mahu mengatasi masalah dadah dengan seberapa cepat yang boleh, dengan seberapa kuat yang boleh. Itulah maka undang-undang ini dibawa ke Parlimen ini untuk diluluskan dalam bentuk dan keadaan yang telah dirancangkan di sini.

Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua, 100% menyokong undang-undang ini, tujuan keseluruhan undang-undang ini, tetapi ada sedikit, nanti apabila saya bincangkan persoalan undang-undang ini nanti, saya akan sebutkan kenapa saya tidak bersetuju dengan sebahagian daripada apa yang disebut dalam undang-undang ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dua, tiga tahun yang lepas, kita pernah membincangkan undang-undang dadah ini, persoalan dadah di dalam Dewan ini. Berbangkit dua, tiga persoalan dan berbangkit dua, tiga cadangan di Dewan ini juga, bukan seorang yang membawa, bukan saya seorang membawa tetapi banyak rakan-rakan lain bersetuju bahawa ada satu cara untuk mengatasi masalah dadah. Sebabnya jelas.

Oleh kerana sebagaimana yang disebut tadi oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pun pernah menyebut, tidak kurang daripada 40%, 50% bahkan sampai ke peringkat 50% daripada kesalahan-kesalahan jenayah adalah dilakukan oleh pihak penagih dadah. Persoalannya saya belum pasti kerana maklumat yang diterima ialah bermacam-macam.

Daripada seorang pegawai mengatakan ini peratusannya, daripada pihak-pihak yang lain lagi berapa peratusannya. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapakah peratusan jenayah yang berlaku mengikut senarai jenayah yang serius iaitu *violence* jenayah dan jenayah kecilan macam *snatch theft* dan sebagainya yang melibatkan pihak penagih dadah ini.

Oleh kerana fakta inilah yang menekankan, yang mendorongkan Ahli Dewan Rakyat ini berbincang pada tiga tahun yang lepas bahawa kita mesti mengambil satu laluan ataupun tindakan yang drastik. Salah satu daripadanya ialah membuat satu *settlement* di satu-satu tempat kerana mengikut sebahagian daripada pegawai-pegawai polis yang terlibat dengan dadah ini, kalau kita wujudkan satu *settlement*, tiap-tiap penagih dadah ini ditangkap dan dibawa ke satu *settlement* dan simpan mereka di sana dan dalam *settlement* itu diwujudkan bukan sahaja sebagai *counseling*, *education* dan berbagai-bagai lagi pendidikan sebagai pusat serenti yang terbesar.

Dalam keadaan yang sedemikian, dia akan ditapis sebelum penagih dadah ini dikeluarkan daripada *settlement* itu dan *settlement* ini ataupun tempat penempatan penagih dadah ini ada yang mencadangkan pada ketika itu dibuatkan di satu pulau. Bahkan oleh kerana ucapan-ucapan ataupun hujah-hujah Ahli Parlimen di Dewan ini pada ketika itu, ada pihak-pihak yang tertentu telah berjumpa dengan pihak KDN untuk berbincang dan untuk mewujudkan *resettlement* itu menjadi satu *business* perspektif kepada mereka yang inovatif ini, untuk mencari pulau-pulau yang sesuai untuk ditukarkan menjadi *settlement* kepada penagih dadah.

Mengikut kata polis kalau ini dibuat, dengan sendirinya peratusan yang melibatkan penagih dadah ini, jenayahnya akan hilang begitu sahaja. Jadi, persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, kepada Setiausaha Parlimen, minta tolong jawapan sebenar, benarkah ini kalau boleh dibuat peratusan ini boleh diturunkan dalam 40%, 50% atau 60% dengan menggunakan *settlement* ini.

Persoalan wang bukanlah satu persoalan yang relevan dalam soalan ini. Persoalan ini benar, kalau kita boleh menurunkan soal pengurangan jenayah 40% ataupun 30% dengan *resettlenya* semua penagih dadah ini ke satu pulau, kos yang terlibat untuk membina satu *settlement* ini adalah akan mendatangkan pulangan yang jauh lebih besar daripada kita menjaga keadaan jenayah di negara kita ini.

Bayangkan kalau kita hendak tiap-tiap seorang yang ditangkap dan dibawa ke mahkamah, kerajaan akan berbelanja beribu-ribu ringgit. Saya cukup yakin Yang Berhormat mempunyai data-data tertentu. Kalau belum, buatkan penyelidikan sebab negara kita sepatutnya tidak lagi berbincang sebagai orang yang cakap di kampung, cakap di kedai kopi atau cakap di kaki lima macam itu sahaja...

Tuan Wilfred Madius Tangau: **[Bangun]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...kita patut mempunyai fakta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kita membuat *research* yang tertentu untuk memastikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sila, Yang Berhormat bagi Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi Yang Berhormat bagi Tuaran dahulu? Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bagilah Yang Berhormat bagi Tuaran. Nanti selepas ini I bagi you.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Cadangan Yang Berhormat tadi tentang mewujudkan pulau tadi itu, menurut fakta yang ada sekarang, kita mempunyai 28 buah pusat serenti dan bilangan penagih adalah lebih kurang 14,000 di situ. Kalau kita hendak cari pulau, di mana pulau yang boleh memuatkan jumlah yang sedemikian rupa, keseluruhan negara. Itu pertama.

Yang kedua, saya minta penjelasan *how practical is that suggestion*.

Yang ketiga, saya ingin bertanya Yang Berhormat, rang undang-undang ini sebenarnya satu rang undang-undang yang memberi kuasa kepada Agensi Antidadah Kebangsaan dengan memberi kuasa kepolisan kepada mereka dalam soal penyiasatan dan sebagainya.

Dan adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa langkah kerajaan ini dengan sering menyatakan bahawa penguat kuasa undang-undang selama ini ada kelemahan atau ada kegagalan. Sebagai contoh, pihak polis, pihak kastam dan pihak farmasi

dalam hal ini. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa selama ini sudah dibuat bertahun-tahun, tetapi masih lagi masalah dadah ini tidak dapat selesai sebab penguatkuasaan undang-undang. Undang-undang semua ada, tinggal lagi sekarang diberi satu lagi agensi untuk diberi kuasa untuk melaksanakan undang-undang yang sedia ada dalam soal ini.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini bererti kegagalan penguatkuasaan agensi yang ada sekarang? Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju. Tadi saya sudah sebut Yang Berhormat bagi Kinabatangan begitu lantang dan jelas menyebutkan, juga Yang Berhormat bagi Sepanggar, Kudat dan Bukit Mertajam, bahkan rata-rata semua Ahli Parlimen yang menekankan bahawa memang banyak kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang yang ada dan itulah kenapa dikatakan sebilangan Ahli Yang Berhormat ini bahawa penagihan dadah bukan berkurangan. Penjualan dadah bukan berkurang, tetapi masih bertambah.

Jadi, saya bersetuju, Yang Berhormat, memang masih ada kelemahan. Oleh kerana melihat kelemahan inilah, maka saya bersetuju dengan penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan ini. Atas apa sahaja nama yang digelar oleh pihak kerajaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun kerana jangan gunakan lagi Antidadah Kebangsaan ini yang belum menjadi satu agensi yang lain, tetapi menjadi sub agensi kepada agensi-agensi lain.

Tetapi ini kita hendak wujudkan macam DOE di Amerika dan bermacam-macam lagi yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Persoalan saya di sini ialah hendak tanya dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada konsep *resettlement* ini *viable*. Adakah tidak *viable* oleh kerana kita pandang *dollar and cent* ataupun fakta menunjukkan bahawa ia tidak *viable*. Jadi, saya sebutkan soalan...

Tuan Liow Tiong Lai: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu Yang Berhormat. Saya janji dengan Yang Berhormat bagi Kepong tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu dulu Yang Berhormat. Sebab saya hendak sebut soalan *research* ini penting, Yang Berhormat. Umpamanya

kalau kita terpaksa belanja RM100 juta untuk mewujudkan tempat-tempat penyimpanan orang dadah ini, orang yang dikatakan penagih dadah ini, RM100 juta tiap-tiap tahun kita akan belanja, tetapi dalam masa yang sama kita boleh menyelamatkan kos membawa penagih-penagih yang melakukan 40% daripada kesalahan jenayah ini, yang dibawa ke mahkamah *which involve the cost*, dengan izin, kos mahkamah, kos polis, kos penjagaan dan sebagainya sampai masuk jail dan akhirnya beberapa tahun dalam jail, selepas itu keluar dan melakukan kesalahan ini lagi, dari segi *economic sensenya*, pakar ekonomi boleh memberi dan menyokong pandangan saya ini bahawa ada lebih baik kita mengalihkan penjenayah ini, disimpan di satu tempat yang khusus dan kita tidak ada lagi penjenayah-penjenayah dari segi dadah dan kita akan menyelamatkan sumber kewangan daripada sebelah kanan untuk menjaga yang sebelah kiri.

Jadi, inilah saya hendak minta kepada kementerian supaya membuat penyelidikan khusus berhubung dengan perkara ini.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Mikrofon tidak menyala*] Memang ada bila kita tekan itu, ia ada konflik. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat orang lama, suis pun tidak buka. [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun tertarik dengan cadangan yang pernah dibuat di dalam Dewan ini untuk mengadakan satu pulau. Mungkin kita cari beberapa pulau di Sarawak untuk *resettlement* ini dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat mempertimbangkan sejak tahun 1998 hingga 2003, seramai 255,725 orang telah dikesan mengedar dadah di negara ini. Ini yang dapat dikesan. Yang belum dikesan mungkin ada 2, 3 atau 4 kali ganda. Ini mungkin satu juta orang menagih di sini.

Yang Berhormat, kadar penagihan semula kalau kita masuk ke pusat serenti, kadangkala melebihi 75%. Macam mana kalau banyak aspek lagi bila kita cari satu pulau atau dua pulau atau semua pulau di Sarawak lebih baik. Banyak pulau juga di Sarawak. Macam mana kita selesaikan itu mungkin setengah juta orang. Macam mana kita hendak muatkan mereka di pulau-pulau ini. Yang pertamanya, yang kedua itu apabila mereka menjalankan program-program pemulihan 75% daripada mereka kembali kepada penagihan dan macam mana Yang Berhormat selesaikan masalah ini? Bilangan yang menagih dan bilangan yang balik ke penagihan?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang memikirkan Yang Berhormat akan bertanya persoalan ini. Memang dari segi praktikalitinya berkemungkinan ini adalah satu masalah.

Beredar saya ke tempat lain, Yang Berhormat, di Sarawak undang-undang adat Sarawak kalau hendak tanya - tiada orang Sarawak lagi di sini. Seorang sahaja. Undang-undang adat Sarawak.

Apabila dia kata 'pulau', Yang Berhormat, di tengah hutan pun boleh jadi pulau. Saya 'dipulaukan' dihutan. Perkataan Melayu pun ada mengatakan pulau bukan...ah ini ada ni, pulau dalam undang-undang adat di Sarawak adalah satu tempat yang kita asingkan. Tidak usah, tidak payah yang kita ada sungai, ada laut di sini. Ini adalah yang biasa yang literal yang *translation* biasa, *technical translation* 'pulau' ini boleh di mana-mana dan tempat-tempat yang diasingkan. Dalam...

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat tidak payah berdialog dengan saya, Yang Berhormat, sebab saya akan menang juga akhirnya. Kalau kita hendak berbincang soalan 'pulau' dalam erti kata yang sebenarnya, bahkan bila-bila saya berbincang dahulu masa saya di Batang Lupar saya pernah menyebut satu pulau di sebut Pulau Seduku. Pulau Seduku ini dikelilingi oleh air dan airnya dipenuhi dengan buaya. Jadi tiada orang pun boleh lari dari Pulau Seduku ini seluas 1,000 hektar dan kampung di Seduku itu telah dilulus oleh pihak kerajaan untuk di pindah ke tanah besar Batang Lupar supaya dapat diberi api, air, klinik, *school* dan sebagainya.

Jadi ini adalah satu, bahkan dua tiga hari lepas saya bincang saya sudah lupa dengan siapa Yang Berhormat yang mencadangkan kepada saya di Tasik Kenyir kata dia ada pulau juga di Tasik Kenyir. Ini pulau yang dikatakan pulau biasa yang diketahui kita pulau yang ditenggelami air. Di Tasik Kenyir pun saya bimbang sedikit Tasik Kenyir itu adalah tempat pelancongan, kenapa pula hendak diguna untuk menyimpan orang dadah. Jadi ada seorang yang Berhormat memberitahu kepada saya di Tasik Kenyir pun ada pulau.

Saya belum sampai ke Tasik Kenyir. Boleh digunakan juga. Seorang *developer* yang berjumpa dengan saya pada dua tahun lepas, dia kata cadangkan di Terengganu ada dua tiga pulau yang boleh dicadangkan. Bahkan Kerajaan

Terengganu pada ketika itu bersetuju dengan syarat kerajaan bersetuju menggunakan tempat itu sebagai satu *settlement* untuk penagih dadah.

Persoalannya di sini, Yang Berhormat, ialah untuk mengasingkan penagih dadah ini ke satu tempat di mana mereka boleh diberi *treatment*, diberi kaunseling, diberi pendidikan dan berbagai-bagai lagi dan kalau dengan pengasingan ini mereka boleh dipulihkan dengan baik dan mendapat peratusan pengeluaran yang baik dan tidak akan kembali kepada dadah ini, dan dalam masa yang sama walaupun setengah juta ini tidak lagi terlibat dalam jenayah di luar, makna kita akan *save million* dalam penguatkuasaan undang-undang dalam penguasaan mahkamah dan daripada segi penyimpanan ke dalam jel orang yang tadi terlibat dalam jenayah dadah ini.

Jadi daripada segi ekonominya, Yang Berhormat, ia memang ada mendatangkan hasil lebih baik. Selain daripada pulangan manusia yang boleh dipulihkan daripada tempat yang kita mempunyai cukup sebagaimana yang Dungun sebut kata kaunseling yang ada, pakar kaunseling yang ada, pakar doktor yang ada, pakar dadahnya yang ada, penasihat yang ada yang disebut oleh juga Yang Berhormat dari Kota Bharu.

Yang Berhormat Ustaz tadi, Pasir Putih, jadi disebutkan juga kita ada orang agama. Oleh kerana tempat itu macam *settlement*, berkemungkinan kita akan didik mereka macam mana menjadi usahawan. Wujudkan tempat mereka bercucuk tanam, mewujudkan tempat mereka boleh mendatangkan hasil kepada mereka sendiri. Jadi ini adalah satu perkara yang di *meeting* atau difikirkan pada dua tiga tahun yang lepas.

Persoalan saya, walaupun cerita panjang, ialah bertanya adakah kerajaan akan menjalankan perancangan ini? Yang Berhormat sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila Yang Berhormat bagi Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya memang setuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Santubong tadi bahawa kita pulaukan penagih-penagih dadah ini. Kalau tidak dapat kita masukkan mereka di pulau-pulau kita juga pulaukan mereka di kawasan pedalaman untuk mengelakkan mereka lari daripada pusat-pusat serenti yang ada sekarang. Kita lihat bahawa masalah pelarian peserta dari pusat serenti semakin

menjadi-jadi, semakin teruk, semakin menjadi satu masalah yang besar kepada kerajaan dan juga masyarakat kita.

Selain daripada kita pentingkan dari segi penjagaan penagih-penagih dadah ini setujukah Yang Berhormat bagi Santubong bahawa program pusat serenti yang ada sekarang ini kita perlu ubah suai. *Modality* program yang ada dalam program pusat serenti ini saya rasa asyik berubah mengikut selera Ketua-Ketua Pengarah yang dihantar ke kementerian tersebut. Setiap tahun saya buat lawatan ke pusat serenti. Tahun ini saya pergi tengok program ini jalan macam ini, tahun depan saya pergi lagi tengok programnya tukar. So tidak ada *consistency* dan kita lihat pemulihan peratusannya memang kurang dan ini amat membimbangkan.

Kalau kita sudah hantar penagih-penagih dadah ke pusat serenti tetapi peratusan pemulihannya begitu rendah maka ini adalah satu kegagalan pihak kerajaan untuk menjadikan penagih itu seorang yang baik kepada masyarakat kita. Oleh itu, setujukah Yang Berhormat bagi Santubong bahawa kita juga perlu tumpukan program untuk meningkatkan tahap program di pusat-pusat serenti yang sedia ada sekarang? Minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat. Pusat serenti ini memang satu tempat yang banyak kontroversi. Saya akan cerita sedikit cerita pendek berhubung dengan pusat serenti sebab saya selalu melawat pusat serenti di Kuching dan saya pernah pergi sebagai *activist* belia walaupun saya bukan lagi seorang belia tetapi pemimpin belia. Pergi ke pusat serenti dua tiga kali. Apa yang kita dapati di pusat serenti yang saya lawat adalah menjijikkan. Tempat itu bukan tempat manusia, lebih elok untuk kambing, lembu benda-benda macam itu. Jadi bukan untuk kita hendak memulihkan anak-anak kita, untuk memulihkan manusia untuk dijadikan orang yang baik.

Jadi kalau kita menunjukkan bahawa kita tidak begitu baik, tidak begitu peka dan menunjukkan kita tidak serius dalam menangani masalah itu jadi dengan sendirinya kita apa dikatakan dalam surat khabar dua tiga hari lepas *that you don't walk the top*. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Santubong. Tuan Yang di-Pertua, dari segi perubatan, saya difahamkan bahawa perubatan tradisional boleh juga mengubatkan orang-orang yang terlibat dalam dadah ini. Jadi mungkinkah

pihak kerajaan Yang Berhormat boleh mencadangkan pihak kerajaan supaya mereka ini mengkaji perubatan-perubatan tradisional, perubatan menggunakan pendidikan agama, perubatan-perubatan ini dapat memulihkan dan ini ada juga yang terbukti berjaya supaya perubatan cara ini juga dapat dimasukkan di dalam konsep untuk memulihkan penagih-penagih dadah ini. Adakah Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada kerajaan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong, minta buat kajian jawab hari Isnin boleh? Mengenai soalan Jerai itu. *[Ketawa]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Saya terpaksa sambung hari Isnin untuk menjawab dua orang wakil rakyat yang tanya tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang sudah jam 5.30 petang, oleh itu saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga hari Isnin, 6 September jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan sekarang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.